




LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2013

Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Dan
Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI SARAWAK

SIRI 3



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2013

Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi
Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI SARAWAK

SIRI 3

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



KANDUNGAN

KANDUNGAN

PERKARA	MUKASURAT
KATA PENDAHULUAN	vii
INTISARI LAPORAN	xi
AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI	
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN	
Pengurusan Projek Rancangan Tebatan Banjir, Jalan Luar Bandar Dan Rancangan Pengairan Sarawak	3
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR SARAWAK	
Program Pembangunan Pusat Pertumbuhan Desa	26
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN PERHUBUNGAN SARAWAK	
Pengurusan Projek Penggantian Jambatan Sementara Kerajaan Negeri	44
LEMBAGA PEMBANGUNAN DAN LINDUNGAN TANAH	
Pelaburan Kerajaan Negeri Dalam Projek Ladang Sagu	55
PERBADANAN PEMBANGUNAN EKONOMI SARAWAK	
Damai Golf & Country Club Berhad	66
PERBADANAN KEMAJUAN PERUSAHAAN KAYU SARAWAK	
Tanjung Manis Integrated Port Sdn. Bhd.	79
PENUTUP	99



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Negeri. Manakala perkara 107, Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporan hasil pengauditan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan Laporan Ketua Audit Negara untuk dibentangkan di Parlimen manakala Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak memperkenankan untuk membentangkan Laporan Ketua Audit Negara di Dewan Undangan Sarawak.
2. Pada tahun 2014 ini Jabatan Audit Negara akan meneruskan pelaksanaan inisiatif di bawah GTP2.0: NKRA Anti rasuah dengan mengemukakan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri untuk dibentangkan di Parlimen/Dewan Undangan Negeri setiap kali sesi Parlimen/Dewan Undangan Negeri bersidang. Jabatan Audit Negara juga akan turut membantu Jabatan/Agensi Kerajaan untuk melakukan perubahan peningkatan kesejahteraan rakyat dan menyokong Dasar Transformasi Negara demi mencapai matlamat utama sebagai negara maju dengan memberikan pandangan serta syor melalui pengauditan yang dijalankan. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Sarawak Tahun 2013 Siri 3 ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepetimana dihasratkan oleh Kerajaan.
3. Laporan saya ini adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 2 Kementerian, 1 Jabatan, 1 Badan Berkanun dan 2 Syarikat Kerajaan Negeri. Pengauditan terhadap aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri adalah untuk menilai sama ada program dan aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Manakala pengauditan terhadap pengurusan syarikat adalah untuk menilai sama ada prestasi kewangan sesebuah syarikat adalah baik, pengurusan aktiviti dan kewangan syarikat serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur dan selaras dengan peraturan yang ditetapkan serta mencapai objektif penubuhannya.

4. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Kementerian/Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Hanya penemuan Audit yang penting sahaja yang dilaporkan dalam Laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Pejabat Menteri Besar/Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 18 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Kementerian/Jabatan/Agensi berkenaan.
5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Kementerian/Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Sarawak yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
19 September 2014



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

1. JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN

- Pengurusan Projek Rancangan Tebatan Banjir, Jalan Luar Bandar Dan Rancangan Pengairan Sarawak

1.1. Fungsi utama Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) adalah untuk melaksanakan projek pembangunan sumber air terutama dalam bidang pengairan, saliran, tebatan banjir, kejuruteraan sungai dan pantai, perancangan dan reka bentuk pengairan, hidrologi, penilaian sumber air serta pelaksanaan jalan luar bandar. Projek RTB dan JALB dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (KKLW) masing-masingnya manakala projek RPS dibiayai oleh Kerajaan Negeri melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sarawak (KPLB). Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), JPS telah diluluskan peruntukan sejumlah RM609.53 juta untuk melaksanakan projek dan program pembangunan. Bagi tempoh 2011 hingga 2013, JPS telah menerima peruntukan berjumlah RM426.12 juta untuk pelaksanaan 46 projek yang melibatkan perbelanjaan RM296.88 juta. Bagi melaksanakan 33 projek RTB dan JALB, sejumlah RM269.99 juta telah dibelanjakan, manakala pelaksanaan 6 projek RPS telah melibatkan perbelanjaan RM20.53 juta.

1.2. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Februari hingga Mei 2014 mendapati prestasi pelaksanaan projek adalah memuaskan. Bagaimanapun dari segi pelaksanaan projek adalah kurang memuaskan kerana pengurusan projek RTB, JALB dan RPS adalah lemah, 2 projek belum/tidak mencapai objektif dan 2 projek mengalami peningkatan kos sejumlah RM4.42 juta. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- Kajian awal secara terperinci tidak dilaksanakan secara menyeluruh walaupun masalah paling kritikal terhadap keadaan tanah telah dikenalpasti melalui siasatan tanah oleh perunding mengakibatkan kaedah yang digunakan bagi 2 projek RTB kurang sesuai dan kelemahan dalam pelaksanaan serta pemantauan 2 projek JALB, satu projek RPS serta 2 projek RTB.
- Objektif asal kerja mengorek dengan perbelanjaan sejumlah RM10.25 juta di Batang Rajang berhadapan dengan Pulau Kerto, Bahagian Sibu untuk menangani masalah banjir tidak tercapai kerana kerja mengorek tidak berkesan. Objektif asal Skim Pengairan Padi Sungai Sebalak, Bahagian Betong sebagai jelapang padi yang telah menelan belanja sejumlah RM70.76 juta belum tercapai kerana kawasan ini belum diwartakan oleh Kerajaan Negeri.

- Kelemahan pelaksanaan dan pemantauan 2 projek JALB mengakibatkan peningkatan kos sejumlah RM4.42 juta atau 57.8% daripada kos kontrak asal kerana ditender semula.

1.3. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam perancangan projek yang lain, adalah disyorkan Jabatan Pengairan Dan Saliran mengambil tindakan seperti berikut:

1.3.1. Jabatan Pengairan Dan Saliran hendaklah memantau pelaksanaan projek dengan lebih rapi serta mengambil tindakan segera terhadap projek yang bermasalah bagi meningkatkan prestasi pelaksanaan projek.

1.3.2. Jabatan Pengairan Dan Saliran hendaklah menyegerakan penyelesaian masalah di tapak, mempertingkatkan penyeliaan serta pemantauan semasa pelaksanaan supaya semua projek dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan untuk mengelakkan kenaikan kos projek serta projek lewat dilaksanakan.

1.3.3. Jabatan Pengairan Dan Saliran hendaklah memastikan pandangan pakar diambil kira dalam perancangan bagi mengelakkan isu perbelanjaan tidak ekonomi, cekap dan berkesan.

2. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR SARAWAK

- Program Pembangunan Pusat Pertumbuhan Desa

2.1. Program Pembangunan Pusat Pertumbuhan Desa atau *Rural Growth Centre* (RGC) telah diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak pada tahun 1990. Pendekatan ini adalah satu daripada strategi pembangunan untuk mengubah sektor luar bandar menjadi lebih maju dan lestari. Kriteria pemilihan kawasan RGC adalah bagi kawasan luar bandar yang agak mundur tetapi mempunyai potensi sumber tempatan untuk dimajukan, mempunyai bilangan penduduk yang boleh berkembang sehingga ke 5,000 orang bagi membolehkan pembangunan di kawasan berkenaan dapat dimajukan. Pada asasnya pembangunan RGC terdiri dari 4 komponen iaitu prasarana, pembangunan ekonomi, pusat perkhidmatan dan pembangunan sumber manusia. Objektif penubuhan RGC adalah untuk membangunkan kawasan luar bandar supaya menjadi penempatan desa yang lebih terancang, bersepadu dan sistematik berdasarkan fungsi dan asas ekonomi bandar dalam membangunkan sosio-ekonomi kawasan sekeliling.

2.1.1. Kerajaan Negeri telah merancang untuk melaksanakan program pembangunan RGC dalam tempoh 20 tahun mulai tahun 1996 hingga 2015 iaitu dari RMKe-7 hingga RMKe-10. Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sarawak (KPLB) adalah bertanggungjawab untuk merancang, menyelaras, melaksana dan memantau program ini. Pada mulanya program pembangunan RGC melibatkan pelbagai agensi pelaksana seperti Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC), Lembaga Kemajuan Tanah

Sarawak, Jabatan Pengairan Dan Saliran Sarawak, Jabatan Pertanian Sarawak dan Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah Sarawak (PELITA). Pada tahun 2003, Jawatankuasa Pemandu Projek RGC telah melantik PELITA sebagai agensi pelaksana utama bagi projek pembangunan RGC. Pelantikan PELITA adalah untuk bekerjasama rapat dengan KPLB bagi memastikan perancangan, penyelarasaran, pelaksanaan dan pemantauan projek RGC dibuat dengan lebih berkesan.

2.1.2. *State Planning Authority* (SPA) telah meluluskan pembangunan 10 RGC bagi seluruh negeri Sarawak. Manakala bagi RGC Long Semadoh, Kerajaan Negeri masih dalam proses untuk menilai semula perancangan pembangunan di kawasan tersebut. Peruntukan yang diterima bagi pembangunan RGC bermula dari RMKe-6 hingga RMKe-10 adalah sejumlah RM385.86 juta dan perbelanjaan sebenar setakat bulan Mei 2014 adalah sejumlah RM223.79 juta.

2.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mac hingga Mei 2014 mendapati pengurusan Program Pembangunan RGC adalah memuaskan dari segi pematuhan terhadap perolehan kerja pembangunan. Bagaimanapun didapati berlaku kelewatan dalam pelaksanaan, kurang sambutan daripada rakyat disebabkan isu lokasi serta penyenggaraan kemudahan yang kurang memuaskan. Ringkasan penemuan Audit adalah seperti berikut:

- Kajian impak terhadap program pembangunan RGC bagi menilai pencapaian dan kejayaan usaha Kerajaan Negeri belum dilaksanakan walaupun tempoh pelaksanaan telah menjangkau 18 tahun.
- Satu projek yang masih dalam proses pelaksanaan telah lewat jadual melebihi 4 tahun.
- Penggunaan dan penyenggaraan kemudahan awam di 6 daripada 8 RGC yang dilawati perlu dipertingkatkan manakala 2 daripada 8 RGC iaitu RGC Semop dan Opar masih belum ada kemudahan awam yang telah siap dibina.

2.3. Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga untuk memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pembangunan pusat pertumbuhan desa adalah disyorkan:

2.3.1. Kerajaan Negeri Sarawak wajar mengkaji semula pelan pelaksanaan *Rural Growth Centre* supaya bersesuaian dengan pembangunan pada masa sekarang. Juga satu kajian impak yang komprehensif bagi menilai pencapaian objektif program pembangunan *Rural Growth Centre* perlu dijalankan supaya hasil kajian tersebut boleh memberi input bagi penambahbaikan kepada pelaksanaan program *Rural Growth Centre*. Ini termasuklah dari segi kesesuaian lokasi projek dan penglibatan masyarakat setempat.

2.3.2. Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah Sarawak hendaklah memastikan penyeliaan rapi kerja-kerja pelaksanaan projek supaya masalah berkaitan pelaksanaan diselesaikan sewajarnya.

2.3.3. Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sarawak hendaklah bekerjasama dengan agensi lain berhubung penyenggaraan dan penyeliaan projek-projek *Rural Growth Centre*.

3. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN PERHUBUNGAN SARAWAK

- Pengurusan Projek Penggantian Jambatan Sementara Kerajaan Negeri

3.1. Projek membina jambatan baru telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri sebagai salah satu langkah Kerajaan menyediakan kemudahan awam yang memberi manfaat kepada rakyat di samping meningkatkan infrastruktur sedia ada. Kerajaan Negeri mula melaksanakan projek penggantian jambatan pada tahun 2000 dengan projek penggantian jambatan milik Jabatan Kerja Raya dan mulai tahun 2008 diteruskan dengan projek penggantian jambatan sementara dan separa kekal milik Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Jabatan Kerja Raya (JKR). Usaha Kerajaan Negeri menggantikan jambatan yang terdiri daripada jambatan jenis kayu dan jambatan *Bailey* telah dimulakan pada tahun 2000 hingga 2007 yang melibatkan pembinaan 384 jambatan di seluruh negeri Sarawak dengan kos sejumlah RM551.02 juta. Pada tahun 2008, Kerajaan Negeri telah melantik Syarikat Titanium Projek Management Sdn. Bhd. (TPMSB) untuk melaksanakan projek penggantian jambatan sementara dan jambatan separa kekal milik PBT dan JKR menggunakan kaedah *turnkey* iaitu reka dan bina. Perolehan kontrak adalah melalui rundingan terus dan kaedah *Design and Build Negotiated Contract* dengan nilai kontrak sejumlah RM1.18 bilion bagi tempoh 2008 hingga 2017. Kontrak telah dimeterai pada 8 April 2008 bagi menggantikan 330 jambatan sementara serta jambatan separa kekal milik PBT dan JKR. Agensi pelaksana bagi projek ini adalah JKR dan skop kerja TPMSB yang dinyatakan dalam kontrak meliputi reka bentuk, pembinaan serta penyiapan jambatan dan *culvert*.

3.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan April hingga Jun 2014 mendapati pada keseluruhannya, pengurusan projek penggantian jambatan sementara Kerajaan Negeri adalah memuaskan dari segi perolehan kerja, pemantauan serta kualiti dan pematuhan terhadap spesifikasi kontrak. Bagaimanapun, terdapat kelemahan yang perlu diberi perhatian seperti berikut:

- Sasaran pembinaan jambatan mengikut keutamaan dan tempoh tidak disediakan menyebabkan perbelanjaan melebihi peruntukan.
- Prestasi pelaksanaan projek bagi fasa 1 hingga fasa 3 sehingga akhir 2013 adalah 138 siap dibina atau 41.8% berbanding 330 jambatan yang disasarkan sehingga 2017.
- Pengurusan kewangan projek yang melibatkan kaedah pembayaran kontrak secara tertunda menyebabkan pertambahan caj kewangan, perbelanjaan projek melebihi peruntukan tahunan dan pembayaran tuntutan lewat dijelaskan.
- Projek siap tidak diserah kepada Pihak Berkuasa Tempatan dan tidak disenggara.

3.3. Bagi meningkatkan prestasi pengurusan projek penggantian jambatan sementara dan separa kekal Kerajaan Negeri adalah disyorkan supaya langkah seperti berikut diambil:

3.3.1. Jabatan Kerja Raya perlu memantau dengan rapi pelaksanaan projek agar sasaran yang ditetapkan tercapai dan pelaksanaan projek oleh kontraktor dijalankan mengikut keutamaan yang telah ditetapkan.

3.3.2. Jabatan Kerja Raya perlu memastikan pelaksanaan projek hendaklah berdasarkan jumlah peruntukan tahunan yang diluluskan agar tidak berlaku amalan pindah peruntukan daripada projek lain. Amalan pindah peruntukan daripada projek lain dikhuatir akan menjelaskan pelaksanaan projek asal yang telah dirancang. Mekanisme kawalan terhadap pembayaran tuntutan kontraktor perlu dipertingkatkan bagi mengelakkan Kerajaan Negeri dikenakan caj kewangan atas pembayaran lewat.

3.3.3. Jabatan Kerja Raya hendaklah menyerah jambatan yang telah siap kepada Pihak Berkuasa Tempatan dengan segera agar kerja penyenggaraan boleh dilakukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan bagi memastikan keselamatan pengguna dan memanjangkan jangka hayat jambatan yang telah dibina.

4. LEMBAGA PEMBANGUNAN DAN LINDUNGAN TANAH

- Pelaburan Kerajaan Negeri Dalam Projek Ladang Sagu

4.1. Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah (PELITA) telah terlibat dalam pembangunan perladangan sagu sejak tahun 1987 dengan sasaran 250,000 hektar ladang sagu dicapai menjelang tahun 2020. Tumpuan pembangunan ladang sagu secara komersial negeri ini terletak di Bahagian Mukah. Pelita Mukah Sebakong Sago Plantation Sendirian Berhad (PMSSPSB) dan Pelita Dalat Sago Plantation Sendirian Berhad (PDSPSB) merupakan 2 buah anak Syarikat milik penuh PELITA yang terlibat secara langsung dalam membangun dan mengusahakan ladang sagu di Bahagian Mukah. Pelita Mukah Sebakong Sago Plantation Sendirian Berhad yang mula beroperasi pada tahun 1987 bertanggungjawab mengurus Ladang Sagu Mukah dan Ladang Sagu Sebakong manakala PDSPSB pula yang mula beroperasi pada tahun 1994 bertanggungjawab mengurus Ladang Sagu Dalat. Selain menjalankan penanaman pokok sagu berskala ladang, PELITA turut terlibat dengan program penanaman pokok sagu berskala kecil melibatkan tanah seluas 3,833 hektar dan 4,875 pekebun kecil di negeri ini melalui program *Smallholder Sago Satellite Estate Development* (SSSED). Program SSSED yang bermula pada tahun 2007 adalah dibayai oleh Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Perusahaan, Perladangan Dan Komoditi Malaysia dengan peruntukan yang diterima sehingga tahun 2013 adalah berjumlah RM80 juta. Sehingga akhir tahun 2013, sejumlah RM266.81 juta peruntukan telah diterima daripada Kerajaan Negeri untuk projek ladang sagu negeri Sarawak. Bagi tempoh 2011 hingga 2013 sejumlah RM93.21 juta peruntukan telah diterima dan sejumlah RM32.76 juta telah dibelanjakan.

4.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Julai 2014 mendapati prestasi keseluruhan Pelaburan Kerajaan Negeri Dalam Projek Ladang Sagu adalah kurang memuaskan kerana objektifnya belum lagi tercapai selepas 26 tahun dilaksanakan dengan pelaburan modal berjumlah RM266.81 juta. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

- Prestasi projek tanaman pokok sagu kurang memuaskan.
- Kajian intensif tanaman sagu hanya dijalankan selepas program pemulihan gagal.
- Hasil penyelidikan belum dapat digunakan bagi menambahbaik prestasi penanaman sagu.
- Pinjaman Kerajaan Negeri kepada Syarikat belum dibayar.
- Pembelian jengkaut melebihi keperluan penggunaan.

4.3. Bagi meningkatkan prestasi pelaburan Kerajaan Negeri dalam projek ladang sagu adalah disyorkan supaya Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah mengambil langkah seperti berikut:

4.3.1. Mengkaji semula hala tuju dan pendekatan dalam projek tanaman sagu termasuk menilai semula projek dari segi daya maju dan pulangan ekonominya serta kemungkinan kawasan lain yang bersesuaian dipertimbangkan sekiranya projek ini diteruskan.

4.3.2. Usaha penyelidikan sagu perlu dijalankan secara kolaborasi dengan agensi lain yang mempunyai kepakaran agar hasil kajian yang lebih praktikal dicapai.

4.3.3. Mematuhi semua peraturan kewangan dalam melakukan perolehan dan ketidakpatuhan terhadap proses perolehan perlu disiasat dan diambil tindakan segera.

5. PERBADANAN PEMBANGUNAN EKONOMI SARAWAK

- **Damai Golf & Country Club Berhad**

5.1. Damai Golf & Country Club Berhad (DGCC) ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 8 Mei 1985 dengan nama asalnya Timbercare Berhad. Pada 13 April 1996 ianya telah ditukar nama kepada Damai Golf & Country Club Berhad dengan 99.5% syarikat dimiliki oleh Damai Beach Golf Course Berhad (DBGC) yang merupakan sebuah syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (PPES). Syarikat DGCC mempunyai modal dibenarkan sejumlah RM10 juta terdiri daripada 9 juta unit saham biasa bernilai RM1 setiap satu dan 10,000 unit saham keutamaan bernilai RM100 setiap satu. Modal berbayar DGCC setakat akhir tahun 2013 adalah sejumlah RM5.12 juta terdiri daripada 5 juta unit saham biasa dan 1,188 unit saham keutamaan. Aktiviti utama DGCC adalah mengurus lapangan golf serta operasi lain yang berkaitan. Pada tahun 2011 hingga 2013, DGCC mencatat kerugian selepas cukai sejumlah RM1.42 juta, RM1.94 juta dan

RM1.26 juta. Damai Golf & Country Club Berhad mencatat kerugian terkumpul sejumlah RM65.59 juta pada tahun 2013.

5.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan April hingga Mei 2014 mendapati secara keseluruhan prestasi pengurusan dan tadbir urus korporat DGCC adalah memuaskan kecuali prestasi pengurusan kewangannya adalah kurang memuaskan. Hasil pengauditan terhadap DGCC berhubung dengan prestasi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat adalah seperti berikut:

- Bilangan keahlian DGCC yang tidak aktif dan tidak membayar yuran adalah tinggi iaitu seramai 604 orang.
- Pengurusan pungutan tunggakan adalah kurang memuaskan.

5.3. Bagi menambahbaik pengurusan syarikat supaya sentiasa berdaya saing, Damai Golf & Country Club Berhad disyorkan:

5.3.1. Mempertingkatkan usaha untuk mengekalkan keahlian sedia ada dan menarik lebih ramai lagi pelanggan untuk menjadi ahli Damai Golf & Country Club Berhad. Damai Golf & Country Club Berhad juga perlu menggandakan usaha untuk mempromosi dan memasarkan pakej-pakej golf istimewa kepada penjawat awam, kakitangan sektor korporat dan individu lain dalam dan luar Negara supaya Damai Golf & Country Club Berhad menjadi pilihan untuk destinasi golf di Sarawak.

5.3.2. Mempertingkatkan usaha untuk memungut tunggakan keahlian kelab di samping mempelbagaikan sumber pendapatan sedia ada supaya Damai Golf & Country Club Berhad mampu berkembang dan bersaing di pasaran.

5.3.3. Mengekal dan mengamalkan tadbir urus yang baik secara berterusan supaya Damai Golf & Country Club Berhad dapat menjadi contoh pengurusan syarikat yang berkaliber di Sarawak.

6. PERBADANAN KEMAJUAN PERUSAHAAN KAYU SARAWAK

- **Tanjung Manis Integrated Port Sdn. Bhd.**

6.1. Tanjung Manis Integrated Port Sdn. Bhd. (TMP) yang telah diperbadankan pada 12 Julai 2007 sebelum ini dikenali sebagai ASSAR Senari Port Dua Sdn. Bhd. dan telah ditukar nama pada 25 September 2008. Sebelum Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA) mengambil alih 100% pegangan saham ke atas TMP dalam tahun 2009, TMP dimiliki bersama Assar Senari Group Sdn. Bhd. (ASG) dengan ekuiti 30% dan PUSAKA 70%. Selaras dengan Bahagian III Seksyen 12 (2) (a) Ordinan Pihak Berkuasa Pelabuhan 1961, Kerajaan Negeri Sarawak pada 26 Februari 2009 telah melantik Tanjung Manis Integrated Port Sdn. Bhd. sebagai operator pelabuhan kepada pihak Lembaga Pelabuhan Rajang (LPR). Tanjung Manis Integrated Port Sdn. Bhd. mula beroperasi pada 1 Julai 2009.

Mulai Mei 2013, TMP telah dilantik oleh Kerajaan sebagai operator kepada Lembaga Pelabuhan Tanjung Manis yang baru ditubuhkan dalam bulan Julai 2012.

6.2. Modal dibenar bagi TMP adalah RM50 juta dan modal berbayar berjumlah RM20 juta. Aktiviti utama TMP adalah untuk mengoperasi, mentadbir dan mengurus terminal Tanjung Manis. Objektif penubuhan TMP adalah untuk melengkapi Pelabuhan Negeri dan menambah aktiviti-aktiviti pelabuhan sebagai transit keluar dan masuk (*in-bound and out-bound transit*) kapal bagi wilayah tengah. Bagi tempoh 2011 hingga 2013, jumlah nilai pengisytiharan oleh Jabatan Kastam Di Raja Malaysia di TMP bagi barang import berjumlah RM571.95 juta manakala bagi barang eksport berjumlah RM8.20 bilion. Selain menjadi hab pengagihan barang, kewujudan TMP juga sebagai landasan bagi menampung pembangunan utama Sarawak Corridor Of Renewable Energy (SCORE) serta memenuhi keperluan pelbagai industri sejajar dengan penempatan semula terminal minyak, gas dan kimia dari Sg. Merah, Sibu ke Tanjung Manis serta menyokong pembangunan industri perkayuan, *Palm Oil Industrial Cluster* (POIC), industri pembinaan kapal di Taman Perindustrian Tanjung Manis, Hab Halal, mempromosikan TMP sebagai *Port Of Choice* di Sarawak serta penubuhan Free Commercial Zone (FCZ) menjelang tahun 2018.

6.3. Sehingga akhir tahun 2013, TMP mempunyai 5 ahli Lembaga Pengarah yang dipengerusi oleh Pengurus Besar PUSAKA dan dianggotai oleh 4 ahli lain. Operasi harian TMP diurus oleh Kumpulan Pengurusan yang dianggotai oleh 8 pegawai iaitu Pengarah Eksekutif, Penolong Pengurus Besar (Operasi dan Teknikal), Pemangku Penolong Pengurus Besar (Pentadbiran dan Kewangan), Penolong Pengurus Besar (Keselamatan, Sekuriti dan Jaminan Kualiti), Pengurus Operasi, Akauntan, Pengurus Jurutera dan Pengurus Tadbir dan Korporat serta dibantu oleh 76 kakitangan dan 6 pekerja am.

6.4. Tanjung Manis Integrated Port Sdn. Bhd. telah menerima pengiktirafan dan anugerah seperti *International Ship and Port Facility Security (ISPS) Code Compliance* pada 14 Februari 2011; *Quality Environment Management (5s)* pada 20 Februari 2012, *Occupational Safety and Health Management System (OHSAS) 18001:2007* pada 21 Jun 2012 dan *Quality Management System (QMS) 9001:2008* pada bulan Februari 2014.

6.5. Pengauditan yang dijalankan pada bulan April hingga Mei 2014 mendapati secara keseluruhan pengurusan aktiviti TMP, prestasi kewangan, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan TPM adalah memuaskan. Bagaimanapun terdapat beberapa isu dalam pengurusan aktiviti, pengurusan kewangan dan tadbir urus boleh ditambah baik. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

- Hutang dagangan semakin meningkat dan pada akhir tahun 2013 bernilai RM3.65 juta.
- Kos operasi semakin meningkat iaitu 33% dalam tahun 2013 berbanding dengan tahun 2012.

- *Port Management System* masih lagi beroperasi secara *parallel run* sejak tahun 2012.
- Perolehan yang tidak mematuhi prosedur kewangan.

6.6. Sebagai langkah penambahbaikan dan memantapkan lagi operasi serta prestasi syarikat selaras dengan objektif penubuhannya, pengurusan Tanjung Manis Integrated Port Sdn. Bhd. (TMP) adalah disyorkan mengambil tindakan seperti berikut:

6.6.1. Mempertingkatkan pemantauan dalam pelaksanaan PMS dan memastikan segala *deliverables* dan syarat kontrak dipenuhi bagi menjaga kepentingan TMP. Kerja penyenggaraan untuk rancangan pemulihan bencana perlu diambil kira dalam kontrak bagi memastikan tiada gangguan perkhidmatan sekiranya berlaku sesuatu bencana.

6.6.2. Mempertingkatkan urus tadbir korporat dan pengurusan kewangan dengan memastikan keputusan utama yang melibatkan dasar dan kewangan diberi perhatian serta tindakan lanjut terhadap ketidakpatuhan prosedur kewangan perlu diambil tindakan sewajarnya.

6.6.3. Manual Polisi serta Prosedur Pengurusan Kewangan dan peraturan berkaitan pentadbiran dan pengurusan kewangan perlu disediakan serta mengambil tindakan lebih tegas untuk memungut tuggakan hutang.



**AKTIVITI
KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI
DAN PENGURUSAN SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI**

AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN

1. PENGURUSAN PROJEK RANCANGAN TEBATAN BANJIR, JALAN LUAR BANDAR DAN RANCANGAN PENGAIRAN SARAWAK

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Fungsi utama Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) adalah untuk melaksanakan projek pembangunan sumber air terutama dalam bidang pengairan, saliran, tebatan banjir, kejuruteraan sungai dan pantai, perancangan dan reka bentuk pengairan, hidrologi, penilaian sumber air serta pelaksanaan jalan luar bandar.

1.1.2. Objektif projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) adalah untuk mengurangkan risiko banjir, projek Jalan Luar Bandar (JALB) bertujuan untuk memberi kemudahan perhubungan yang lebih baik dengan memperbaiki serta memperluaskan rangkaian sistem jalan raya di kawasan luar bandar supaya kualiti masyarakat luar bandar dapat dipertingkatkan dan projek Rancangan Pengairan Sarawak (RPS) bertujuan untuk menyediakan kemudahan sistem pengairan dan saliran. Projek RTB dan JALB dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (KKLW) masing-masingnya manakala projek RPS dibiayai oleh Kerajaan Negeri melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sarawak (KPLB).

1.1.3. Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), JPS telah diluluskan peruntukan sejumlah RM609.53 juta untuk melaksanakan projek dan program pembangunan. Bagi tempoh 2011 hingga 2013, JPS telah menerima peruntukan berjumlah RM426.12 juta untuk pelaksanaan 46 projek yang melibatkan perbelanjaan RM296.88 juta. Bagi melaksanakan 33 projek RTB dan JALB, sejumlah RM269.99 juta telah dibelanjakan, manakala pelaksanaan 6 projek RPS telah melibatkan perbelanjaan RM20.53 juta. Projek RTB, JALB dan RPS dilaksanakan melalui kaedah tender terbuka dan tender terhad. Pengarah JPS, sebagai Pegawai Penguasa Kontrak bertanggungjawab untuk menyelia dan memberi arahan keseluruhan kerja di bawah kontrak.

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada projek RTB, JALB dan RPS telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan serta mencapai objektif yang ditetapkan.

1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan terhadap projek RTB, JALB dan RPS yang dilaksanakan pada tahun 2011 hingga 2013. Sampel pengauditan terdiri daripada 13 projek iaitu 7 RTB, 4 JALB dan 2 RPS yang dijalankan di Ibu Pejabat JPS, JPS Bahagian Kuching, Samarahan, Betong dan Sibu/Kapit. Pengauditan dijalankan dengan menyemak, mengkaji serta menganalisis data dan maklumat berdasarkan rekod kewangan, perjanjian kontrak, laporan kemajuan, minit mesyuarat, laporan pemantauan serta dokumen yang berkenaan. Lawatan ke tapak projek di Bahagian Kuching, Samarahan, Betong dan Sibu serta temu bual dengan pihak yang berkaitan juga dilakukan untuk mendapatkan maklumat.

1.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Februari hingga Mei 2014 mendapati prestasi pelaksanaan projek adalah memuaskan. Bagaimanapun dari segi pelaksanaan projek adalah kurang memuaskan kerana pengurusan projek RTB, JALB dan RPS adalah lemah, 2 projek belum/tidak mencapai objektif dan 2 projek mengalami peningkatan kos sejumlah RM4.42 juta. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- Kajian awal secara terperinci tidak dilaksanakan secara menyeluruh walaupun masalah paling kritikal terhadap keadaan tanah telah dikenalpasti melalui siasatan tanah oleh perunding mengakibatkan kaedah yang digunakan bagi 2 projek RTB kurang sesuai dan kelemahan dalam pelaksanaan serta pemantauan 2 projek JALB, satu projek RPS serta 2 projek RTB.
- Objektif asal kerja mengorek dengan perbelanjaan sejumlah RM10.25 juta di Batang Rajang berhadapan dengan Pulau Kerto, Bahagian Sibu untuk menangani masalah banjir tidak tercapai kerana kerja mengorek tidak berkesan. Objektif asal Skim Pengairan Padi Sungai Sebalak, Bahagian Betong sebagai jelapang padi yang telah menelan belanja sejumlah RM70.76 juta belum tercapai kerana kawasan ini belum diwartakan oleh Kerajaan Negeri.
- Kelemahan pelaksanaan dan pemantauan 2 projek JALB mengakibatkan peningkatan kos sejumlah RM4.42 juta atau 57.8% daripada kos kontrak asal kerana ditender semula.

1.4.1. Prestasi Pelaksanaan Projek

1.4.1.1. Pada tahun 2011 hingga 2013, JPS telah menerima peruntukan sejumlah RM291.58 juta iaitu RM269.99 juta daripada Kerajaan Persekutuan dan RM21.59 juta daripada Kerajaan Negeri untuk melaksanakan 20 projek RTB, 13 projek JALB dan 6 projek RPS. Bagi tempoh yang sama, sejumlah RM290.52 juta atau 99.6% telah dibelanjakan. Semakan Audit mendapati daripada 39 projek yang dilaksanakan, 28 siap sepenuhnya, 4 ikut jadual, 5 lewat jadual dan 2 sakit pada akhir tahun 2013. Prestasi kewangan dan fizikal 20 projek RTB, 13 projek JALB dan 6 projek RPS adalah seperti di **Jadual 1.1**.

Jadual 1.1

Prestasi Kewangan Dan Fizikal Projek Setakat 31 Disember 2013

Jenis Projek	Bil. Projek	Prestasi Kewangan			Prestasi Fizikal				
		Peruntukan Diterima (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Peratusan Perbelanjaan (%)	SS	IJ	DJ	LJ	S
RTB	20	96.81	96.81	100	16	2	-	2	-
JALB	13	173.18	173.18	100	8	1	-	2	2
RPS	6	21.59	20.53	95.1	4	1	-	1	-
Jumlah	39	291.58	290.52	99.6	28	4	-	5	2

Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran

Nota: SS - Siap Sepenuhnya, IJ - Ikut Jadual, DJ - Dahulu Jadual, LJ - Lewat Jadual, S - Sakit

1.4.1.2. Semakan Audit terhadap 13 projek bernilai RM232.25 juta setakat 31 Mac 2014 mendapati 6 projek telah siap sepenuhnya, satu projek ikut jadual, 2 projek dahulu jadual, 2 projek lewat jadual dan 2 projek sakit. Antara sebab 2 projek bernilai RM11.16 juta lewat jadual adalah masalah dalam pemasangan sistem perlindungan tebingan sungai dan kelemahan kontraktor mengurus serta merancang kerja dengan sempurna manakala antara sebab 2 projek bernilai RM15 juta sakit adalah kelewatan JPS mengambil tindakan serta menyelesaikan isu di tapak dan kelemahan kontraktor merancang serta mengurus kerja menyebabkan projek ini gagal disiapkan mengikut jadual. Status pelaksanaan projek pada 31 Mac 2014 adalah seperti di **Jadual 1.2**.

Jadual 1.2

Status Pelaksanaan Projek Pada 31 Mac 2014

Bil.	Projek	Kos Projek (RM Juta)	Jumlah Perbelanjaan (RM Juta)	Tempoh Kontrak		Tempoh Lanjutan Masa	Prestasi Fizikal
				Tarikh Mula	Tarikh Siap		
Rancangan Tebatan Banjir (RTB)							
1.	Kerja Pengorekan Di Batang Rajang Berhadapan Dengan Pulau Kerto, Bahagian Sibu	10.41	10.25 (98.5%)	20.12.2011	26.03.2012	72	Siap Sepenuhnya pada 07.06.2012
2.	RTB Sungai Bedil Besar Fasa 2, Bahagian Kuching	3.93	3.95 (100.5%)	07.08.2012	15.04.2013 Disemak Semula: 23.11.2013	222	Siap Sepenuhnya pada 14.11.2013
3.	RTB Pekan Lundu, Bahagian Kuching	2.64	2.64 (100.0%)	07.08.2012	15.04.2013 Disemak Semula: 21.12.2013	250	Siap Sepenuhnya pada 21.12.2013
4.	RTB Sungai Layar Fasa 1, Bahagian Betong	10.44	8.80 (84.3%)	22.08.2012	21.11.2013 Disemak Semula: 24.11.2013	3	Siap Sepenuhnya pada 27.03.2014
5.	RTB Sungai Layar Fasa 2, Bahagian Betong	30.36	1.61 (5.3%)	28.10.2013	25.10.2015	TB	Dahulu Jadual (2.7%) Jadual: 2.2% Sebenar: 4.9%
6.	RTB Sibu Fasa 2	69.29	42.83 (61.8%)	18.05.2012	17.05.2014 Disemak Semula: 15.08.2014	90	Ikut Jadual (-0.5%) Jadual: 66.7% Sebenar: 66.2%
7.	RTB Kampung Bintangor, Bahagian Kuching	7.16	5.86 (81.8%)	22.08.2012	21.05.2013 Disemak Semula: 21.04.2014	160	Lewat Jadual (-6%) Jadual: 92% Sebenar: 86%
Jumlah Kecil		134.23	75.94				

Bil.	Projek	Kos Projek (RM Juta)	Jumlah Perbelanjaan (RM Juta)	Tempoh Kontrak		Tempoh Lanjutan Masa	Prestasi Fizikal
				Tarikh Mula	Tarikh Siap		
Jalan Luar Bandar (JALB)							
8.	Membina Dan Menyiapkan Jalan Dari Simpang Jalan Tatau/Sangan Ke Rumah Pemanca Segaya, Tekalit, Tatau, Bahagian Bintulu	14.00	12.79 (91.4%)	07.02.2011	06.02.2013 Disemak Semula: 16.01.2014	335	Siap sepenuhnya pada 28.02.2014
9.	Membina Dan Menyiapkan Jalan Menalun, Sungai Poi, Kanowit, Bahagian Sibu	50.12	43.08 (86.0%)	12.05.2011	11.05.2013 Disemak Semula: 30.03.2014	379	Siap sepenuhnya pada 31.03.2014
10.	Membina Dan Menyiapkan Jalan Ke Rumah Rantai, Sungai Tepus, Selangau, Bahagian Sibu	3.00	0.75 (25.0%)	08.02.2011	22.12.2011	137	Sakit Jadual: 100% Sebenar: 21.9% Kontrak ditamatkan pada 26.07.2012. Kerja ditender semula pada 18.03.2014
11.	Membina Dan Menyiapkan Jalan Dari Simpang Jalan Sibu/Bintulu Ke Sekolah Kebangsaan Iban Union, Selangau, Bahagian Sibu	12.00	5.43 (45.3%)	08.02.2011	05.04.2012	58	Sakit Jadual: 100% Sebenar: 55.2% Kontrak ditamatkan pada 15.08.2012 Kerja ditender semula pada 25.03.2014
Jumlah Kecil		79.12	62.05				
Rancangan Pengairan Sarawak (RPS)							
12.	Skim Pengairan Padi Sungai Sebalak (Pakej C/Fasa 2), Bahagian Betong	14.90	10.56 (70.9%)	22.08.2012	21.02.2014	81	Dahulu Jadual (0.14%) Jadual: 89.25% Sebenar: 89.39%
13.	Kerja Pemulihan Skim Saliran Terkawal Paloh Bangau, Bahagian Mukah	4.00	1.80 (45.0%)	02.11.2012	01.02.2014	Tiada	Lewat Jadual (-19.5%) Jadual: 100% Sebenar: 80.5%.
Jumlah Kecil		18.90	12.36				
Jumlah Besar		232.25	150.35				

Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran

Nota: Kos projek termasuk siasatan tanah, kerja survei, perlantikan perunding, pampasan tanah serta tanaman, kos pembinaan dan sebagainya

Pada pendapat Audit, pelaksanaan projek adalah memuaskan yang mana 28 daripada 39 projek atau 71.8% telah berjaya disiapkan kecuali 11 projek masih belum disiapkan setakat akhir tahun 2013. Jabatan Pengairan Dan Saliran perlu memantau pelaksanaan projek dengan lebih rapi serta mengambil tindakan segera terhadap projek yang bermasalah bagi meningkatkan prestasi pelaksanaan projek.

1.4.2. Pengurusan Projek

Semakan Audit mendapati projek tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan kerana kelemahan seperti berikut:

1.4.2.1. Perancangan Kurang Teliti

a. Masalah Projek RTB Menggunakan Sistem *Wellguard*

- i. Di bawah *Rolling Plan* Pertama RMKe-10, sejumlah RM120 juta telah diluluskan untuk 16 projek RTB di negeri Sarawak. Mulai tahun 2012, JPS telah melaksana 5 daripada 16 projek RTB menggunakan sistem *Wellguard* untuk perlindungan tebingan sungai iaitu RTB Pekan Lundu, RTB Sungai Bedil Besar Fasa 2 serta RTB Kampung Bintangor di Bahagian Kuching, RTB Kapit dan RTB Sungai Layar Fasa 2 di Bahagian Betong dengan harga kontrak sejumlah RM45.17 juta. Daripada jumlah harga kontrak tersebut, sejumlah RM24.52 juta iaitu 54.3% adalah untuk komponen kerja perlindungan tebingan sungai menggunakan sistem *Wellguard*. Daripada RM24.52 juta, sejumlah RM21.33 juta iaitu 87.0% adalah untuk pembekalan, penghantaran dan pemasangan tiang konkrit bertetulang pratuang, panel konkrit bertetulang pratuang dan sistem *Tie-Back Wellguard*. Projek RTB menggunakan sistem *Wellguard* adalah seperti di **Jadual 1.3**.

Jadual 1.3
Projek RTB Menggunakan Sistem *Wellguard*

Bil.	Nama Projek	Harga Kontrak (RM Juta)	Jumlah Perbelanjaan (RM Juta)	Perek Bentuk Sistem
1.	RTB Pekan Lundu, Bahagian Kuching	2.40	2.64	JPS Sarawak (Dalaman)
2.	RTB Sungai Bedil Besar Fasa 2, Bahagian Kuching	2.81	3.95	JPS Sarawak (Dalaman)
3.	RTB Kampung Bintangor, Bahagian Kuching	6.13	5.86	Perunding
4.	RTB Sungai Layar Fasa 2, Bahagian Betong	29.80	1.61	Perunding
5.	RTB Kapit	4.03	3.40	Perunding
Jumlah		45.17	17.46	

Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran

- ii. Semakan Audit mendapati:

- Perunding telah dilantik untuk mengkaji kesesuaian kaedah sistem perlindungan tebingan sungai untuk projek RTB Kampung Bintangor di Bahagian Kuching dan telah mengesyorkan penggunaan cerucuk keluli kekotak *interlocking with steel sheetpile* setelah penilaian dari segi kemampuan sistem untuk mencegah hakisan semula jadi, menembusi tanah keras, keberkesanan penahan cengkaman, kebolehan untuk mencegah

karat dan isu yang berpotensi berkaitan pembinaan dilakukan. Kaedah ini lebih sesuai untuk keadaan tanah yang lembut dan lokasi tapak projek. Tapak projek di selekoh (bahagian melengkung) tebing Sungai Sarawak, mudah mengalami hakisan tanah atau hakisan di dasar sungai yang mengancam kestabilan sistem tebingan. Bagaimanapun, Jawatankuasa Reka Bentuk JPS Malaysia telah memilih sistem *Wellguard* untuk reka bentuk RTB Kampung Bintangor.


- JPS menetapkan produk proprietari iaitu sistem *Wellguard* untuk 5 kontrak kerja perlindungan sungai. Pembekal tunggal produk paten ini di seluruh Malaysia adalah WGS Sdn. Bhd. yang beralamat di Kluang, Johor. Menurut JPS, terdapat jenis reka bentuk yang serupa tetapi syarikat berkenaan tidak mempunyai kilang pembuatan di Sarawak.
- Lawatan Audit ke 4 projek RTB yang menggunakan sistem *Wellguard* untuk perlindungan tebingan sungai mendapat penggunaan sistem *Wellguard* bagi 2 projek kurang memuaskan seperti berikut:

➤ **RTB Pekan Lundu, Bahagian Kuching**

- ❖ Kerja pemasangan sistem *Wellguard* mengikut pelan susun aral yang disediakan oleh JPS terhalang pada bulan Januari 2013 disebabkan terdapat batuan besar, kayu serta struktur runtuh *steel sheet pile* lama di dalam sungai yang terkena pada jajaran struktur tebingan. Bahan ini tidak dikesan semasa peringkat reka bentuk. Kajian awal dan analisis kestabilan tebingan, rawatan tanah juga tidak mencukupi. Kerja memotong *steel sheet pile* di dalam air dan memindah serpihan di bawah tanah telah dilakukan melibatkan penambahan kos sejumlah RM0.10 juta.
- ❖ Pada bulan Februari 2013, kontraktor melaporkan 6 tiang serta panel konkrit bertetulang *Wellguard* yang telah siap dipasang termendap setelah batuan besar dikorek dan 7 tiang tidak dapat dipasang mengikut jajaran yang ditetapkan serta terkeluar daripada kedudukan asal. Ini kerana kerja menggali batuan besar yang agam gagal dilakukan dan tiang serta panel condong ke dalam. Lima tiang tumbang ke dalam sungai dan berlaku pergerakan pada sistem *Wellguard* yang telah siap dipasang di sebelah stesen minyak kerana keadaan tanah yang terlalu lembut serta tidak stabil. Kerja pemasangan sistem *Wellguard* mengikut pelan susun aral asal yang telah 70% siap, terhalang dan terhenti selama 72 hari.
- ❖ Lukisan kontrak telah disemak semula pada bulan Mei 2013 dan reka bentuk ditukar bagi mencapai kestabilan tebing sungai F.S>1.2

(Factor of Safety). Ini melibatkan penambahan kos sejumlah RM0.50 juta untuk membekal serta memasang baru tiang serta panel konkrit bertetulang *Wellguard* dan *Tie-Back* baru. Ini kerana kerja pemindahan dan penggunaan semula 31 tiang konkrit bertetulang *Wellguard* yang telah dipacak ke jajaran baru gagal menyebabkan tiang terpaksa dipotong ke paras yang diluluskan dan hanya 29 daripada 58 panel konkrit bertetulang dapat diguna semula. Jabatan Pengairan Dan Saliran telah meluluskan 2 Arahan Perubahan Kerja sejumlah RM0.61 juta iaitu 25.4% daripada harga asal kontrak RM2.40 juta. Kedudukan asal jajaran sistem *Wellguard* berbanding kedudukan sebenar adalah seperti di **Pelan Susun Atur 1.1.**

Pelan Susun Atur 1.1.
Kedudukan Asal Jajaran Sistem *Wellguard* Berbanding Kedudukan Sebenar




Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran

- ❖ Lawatan Audit pada 24 Mac 2014 mendapati:
 - Jajaran sebenar terbias dan melengkung ke dalam, di belakang struktur tebingan lama dan kualiti estetik terjejas seperti di **Gambar 1.1.**
 - Pembinaan sistem *Wellguard*, *soil relieving slab*, lorong pejalan kaki konkrit dan susur tangan sepanjang 165 meter pada asalnya, dikurangkan kepada 140 meter disebabkan perubahan kerja dan kedudukan jajaran baru terkena stesen minyak berdekatan.

- Mengikut spesifikasi kontrak, sejumlah RM30,000 adalah untuk kerja meroboh struktur tebingan sungai yang sedia ada. Bagaimanapun, didapati struktur lama tidak dirobohkan sepenuhnya. Mengikut laporan pakar geoteknikal, struktur lama perlu dikekalkan bagi memastikan kestabilan tebingan sungai tidak terjejas. Struktur lama yang tidak dirobohkan sepenuhnya dan cerucuk masih terpacak di sungai yang berbahaya kepada pengguna sungai adalah seperti di **Gambar 1.2** dan **Gambar 1.3**.

Gambar 1.1
Jajaran Sistem Wellguard
Setelah Siap



Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran
Lokasi: RTB Pekan Lundu, Bahagian Kuching
Tarikh: 24 Mac 2014

Gambar 1.2
Struktur Tebingan Sungai Lama
Tidak Diroboh



Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran
Lokasi: RTB Pekan Lundu, Bahagian Kuching
Tarikh: 24 Mac 2014



Gambar 1.3
Cerucuk Masih Terpacak Di Sungai

Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran
Lokasi: RTB Pekan Lundu, Bahagian Kuching
Tarikh: 24 Mac 2014

➤ **RTB Kampung Bintangor, Bahagian Kuching**

- ❖ Perlantikan perunding dengan kos sejumlah RM0.34 juta adalah untuk mereka bentuk sistem perlindungan tebingan sungai projek RTB Kampung Bintangor di Bahagian Kuching manakala kerja penyeliaan dan pemantauan dilakukan oleh JPS.
- ❖ Adalah didapati kontraktor menghadapi masalah dalam pemasangan sistem *Wellguard* menyebabkan projek bernilai

RM7.16 juta tidak dapat disiapkan dalam tempoh asal kontrak. Kronologi kegagalan pemasangan sistem *Wellguard* adalah seperti di **Jadual 1.4**.

Jadual 1.4

Kronologi Kegagalan Pemasangan Sistem *Wellguard*

Nama Projek	Tarikh Kejadian	Kronologi Kejadian
RTB Kampung Bintangor, Bahagian Kuching	Jun 2013	<ul style="list-style-type: none"> Tiang konkrit bertetulang <i>Wellguard</i> yang telah dipasang di CH0-060 dan CH0-100 tumbang. Arahan untuk kerja pembalikpulih dikeluarkan hanya selepas 4 bulan iaitu pada bulan November 2013
	Julai 2013	<ul style="list-style-type: none"> Tiang dan panel konkrit bertetulang <i>Wellguard</i> bergerak di CH54 hingga CH62, CH80 hingga CH118, CH128 hingga CH136 dan CH150 hingga CH174
	September 2013	<ul style="list-style-type: none"> 4 panel konkrit bertetulang <i>precast wall</i> telah tumbang ke arah sungai di CH87, 2 <i>female lugs attached</i> di tiang pratuang untuk sistem <i>tie back</i> telah terkoyak Tiang konkrit bertetulang <i>Wellguard</i> tidak dapat menembusi ke paras yang ditetapkan dari CH140 hingga CH180 menyebabkan ketidakstabilan sistem penahan tebingan dan sistem <i>backtie</i> tidak dapat dibina mengikut lukisan
	Februari 2014	<ul style="list-style-type: none"> Berlaku pergerakan pada tiang PT12 setelah kerja <i>backfilling</i> dilakukan walaupun kontraktor telah mematuhi langkah pemasangan dan kerja <i>backfilling</i> seperti arahan serta pengawasan JPS dan nasihat perunding

Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran

- ❖ Reka bentuk dan lukisan disemak semula disebabkan kegagalan struktur dan pergerakan pada cerucuk. Kontraktor tidak mempunyai kepakaran serta kemahiran untuk mengubah dan membuat sebarang pindaan kepada sistem ini kerana jaminan produk serta peraturan terperinci (*propriety*) sistem *Wellguard*. JPS memutuskan untuk menyusun semula tembok *Wellguard* dan pejalan kaki, saliran serta lorong disebabkan bantahan daripada penduduk setempat kerana jajaran asal terlalu dekat dengan struktur rumah. Setakat bulan Mei 2014, Arahan Perubahan Kerja sejumlah RM0.07 juta telah diluluskan oleh JPS. Pada bulan November 2013, Perakuan Kerja Tidak Siap telah dikeluarkan kepada kontraktor kerana kegagalan untuk menyiapkan kerja dalam tempoh yang ditetapkan. Jabatan Pengairan Dan Saliran telah meluluskan 3 Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa. Setakat bulan Mac 2014, projek ini belum dapat disiapkan.

- ❖ Lawatan Audit pada 24 Mac 2014, mendapati tiang konkrit bertetulang *Wellguard* yang telah siap dipasang, condong ke dalam atau keluar dari jajaran. Ini menjelaskan jangka hayat reka bentuk struktur dan meningkatkan kos pembaikan sekiranya berlaku kerosakan. Tiang konkrit bertetulang *Wellguard* yang condong, retak dan tumbang adalah seperti di **Gambar 1.4** dan **Gambar 1.5**.

- ❖ Perbandingan kualiti estetik antara tembok sungai menggunakan sistem *Wellguard* dan *Sheet Pile And Dura-Hold* yang terletak di sebelah projek ini adalah seperti di **Gambar 1.6** dan **Gambar 1.7**.

Gambar 1.4
Tiang Konkrit Bertetulang Wellguard Condong Dan Retak



Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran
Lokasi: RTB Kampung Bintangor,
Bahagian Kuching
Tarikh: 24 Mac 2014

Gambar 1.5
Tiang Konkrit Bertetulang Wellguard Tumbang



Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran
Lokasi: RTB Kampung Bintangor,
Bahagian Kuching
Tarikh: 24 Mac 2014

Gambar 1.6
Kualiti Estetik Sistem Wellguard



Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran
Lokasi: RTB Kampung Bintangor,
Bahagian Kuching
Tarikh: 07 Mei 2014

Gambar 1.7
Kualiti Estetik Tembok Penahan Sheet Pile And Dura-Hold



Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran
Lokasi: RTB Kampung Bintangor,
Bahagian Kuching
Tarikh: 07 Mei 2014

iii. Maklum balas daripada JPS bertarikh 29 Mei 2014, menyatakan kegagalan reka bentuk asal RTB Pekan Lundu adalah berpunca daripada faktor di luar kawalan seperti keadaan tanah yang terlalu lembut dan runtuhan lama di dalam sungai tidak dapat dikenal pasti lokasinya semasa kerja siasatan tanah dan survei topografi dijalankan. Kos dan peruntukan terhad juga merupakan faktor utama dalam pemilihan reka bentuk yang digunakan. Kerja meroboh struktur tebingan sungai lama hanya dilakukan separuh sahaja disebabkan arahan daripada JPS maka kontraktor tetap berhak untuk mendapat jumlah penuh sejumlah RM30,000 kerana kerja ini

merupakan item *lump sum*. Jawatankuasa Reka Bentuk JPS Malaysia telah memilih sistem *Wellguard* untuk reka bentuk RTB Kampung Bintangor berdasarkan keupayaan untuk mencegah hakisan semulajadi di tebing sungai kerana lokasinya di selekoh sungai, kebolehan sistem untuk menembusi tanah keras, memberi kesan tahanan cengkaman, mencegah karat, estetik dan potensi isu pembinaan.

b. RTB Sungai Layar Fasa 2, Bahagian Betong

- i. Menurut perunding, Kaedah Pemasangan (*Method of Statement*) yang disediakan oleh pembekal sistem *Wellguard* tidak jelas dan tepat dari aspek berikut:
 - Prosedur untuk membetulkan tiang serta panel yang tersasar dari jajaran dan ketegakan tiang semasa kerja pemacakan tidak spesifik dan jelas bagi memastikan kualiti estetik tembok.
 - Kestabilan tebingan sungai semasa pembinaan dan ketegakan tembok tertakluk kepada kerja pengisian tanah dan pemandatan di belakang tembok. Analisis kestabilan cerun atau *trial run* yang mencukupi dan merangkumi semua peringkat kritis pembinaan tidak dinyatakan dan tiada jaminan diberi oleh pembekal bahawa sistem mampu menampung maksimum anjakan (*displacement*) tanpa menimbul masalah dalam pemasangan.
- ii. Setakat bulan Mac 2014, sistem *Wellguard* belum dipasang oleh kontraktor. Ini kerana pada bulan Januari 2014, kontraktor telah memohon untuk menggunakan sistem lain yang setara serta menukar panjang tiang konkrit bertetulang dan kelulusan daripada JPS belum diperoleh.
- iii. **Maklum balas daripada JPS bertarikh 29 Mei 2014, menyatakan Jawatankuasa Reka Bentuk JPS Malaysia telah memilih sistem *Wellguard* untuk reka bentuk RTB Sungai Layar (Fasa 2) berdasarkan kesesuaian, keadaan tanah di tapak serta kos pembinaan yang lebih ekonomi.**

1.4.2.2. Isu Pelaksanaan Dan Pemantauan

Semakan Audit terhadap rekod JPS mendapati kelemahan pelaksanaan dan pemantauan terhadap 4 projek adalah seperti berikut:

- a. **Projek Membina Dan Menyiapkan Jalan Ke Rumah Rantai, Sungai Tepus, Selangau, Bahagian Sibu**
 - i. Pada tahun 2012, JPS telah menamatkan kontrak Projek Membina Dan Menyiapkan Jalan Ke Rumah Rantai, Sungai Tepus, Selangau, Bahagian Sibu

bernilai RM2.57 juta di mana bayaran sejumlah RM0.29 juta atau 11.3% telah dibuat kepada kontraktor berkenaan. Jumlah Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan untuk projek ini adalah sejumlah RM81,144 tetapi setakat bulan Mac 2014, denda tersebut belum lagi dibayar.

- ii. Semakan Audit mendapati JPS tidak memastikan tapak bebas sepenuhnya daripada halangan sebelum diserahkan kepada kontraktor. Isu pampasan yang tidak diselesai menyebabkan halangan di tapak bina oleh penduduk setempat. Akibatnya berlaku kelewatan selama 6 bulan untuk kontraktor memulakan kerja di tapak. Selain itu, kontraktor juga menghadapi masalah kekurangan pekerja dan takungan air di tapak menyebabkan kerja terhenti selama 5 bulan.
- iii. Bagi menyiapkan baki kerja, projek ini dipelawa semula secara tender terhad pada bulan Mac 2014. Bagaimanapun, tawaran harga terendah diterima telah melebihi 15% daripada anggaran JPS iaitu 22.7% lebih tinggi. Pada bulan Mei 2014, Jawatankuasa Projek Sakit KKLW telah memutuskan supaya Kertas Taklimat Tender dikemukakan kepada Kementerian Kewangan Malaysia untuk keputusan muktamad. Pada bulan Julai 2014, projek ini ditawar semula dengan kos kontrak sejumlah RM2.72 juta mulai bulan Ogos 2014 hingga Februari 2015 iaitu 6 bulan. Ini mengakibatkan peningkatan kos sejumlah RM0.44 juta atau 17.1% daripada kos kontrak asal dan projek melampaui masa lebih dari 3 tahun untuk disiap dan dimanfaatkan.
- iv. Kemajuan kerja kontraktor asal hingga bulan Mac 2014 untuk Projek Membina Dan Menyiapkan Jalan Ke Rumah Rantai, Sungai Tepus, Selangau, Bahagian Sibu adalah seperti di **Gambar 1.8** dan **Gambar 1.9**. Pada 6 Ogos 2014, Utusan Borneo melaporkan projek ini terbengkalai 4 tahun selepas kontraktor menghilangkan diri. Pelaksanaan projek yang terbengkalai ini telah menimbulkan kesulitan kepada 105 penghuni Rumah Panjang Rantai. Pada masa sekarang mereka hanya bergantung kepada jalan balak yang amat berbahaya bila hujan kerana becak dan licin seperti dilaporkan dalam akhbar Utusan Borneo pada 6 Ogos 2014 seperti di di **Keratan Akhbar 1.1**.

Gambar 1.8
Pembentung No. 2 & 3
Ditenggelami Air



Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran
Lokasi: Jalan Ke Rumah Rantai, Sungai Tepus,
Selangau, Bahagian Sibu
Tarikh: 08 Januari 2014

Gambar 1.9
Pembinaan Pembentung No. 5 Siap
Setakat Apron Leveland



Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran
Lokasi: Jalan Ke Rumah Rantai, Sungai Tepus,
Selangau, Bahagian Sibu
Tarikh: 08 Januari 2014

Keratan Akhbar 1.1 Projek Jalan Terbengkalai

KONTRAKTOR HANTU

Projek jalan terbengkalai empat tahun selepas kontraktor menghilangkan diri, turut tinggalkan 200 beg simen dan jengkaut.

JALAN ATAU HUTAN? Tapak projek jalan Rumah Rantai sudah mulai bertukar menjadi hutan.

Oleh Watt Zecchaeus

SELANGAU: Kontraktor dilantik menyiapkan projek jalan dari Rumah Rantai ke Aliran Hulu Balingian, Tepus di sini didapati menghilangkan diri, menyebabkan projek jalan terbabit terbengkalai sejak dua tahun lalu.

Masalah itu menyebabkan penduduk Rumah Rantai berasa terkilan dan hairan kenapa projek jalan masuk ke rumah-pada-rumah mereka tidak dilaksanakan.

"Projek jalan menuju rumah panjang kami sepanjang 1.5 km melibatkan kos RM2 juta, ia mula dilaksanakan pada 2010 dan dijadualkan siap dalam tempoh empat tahun," katanya.

"Tetapi dua tahun selepas itu, para pekerja serta kontraktor bertanggungjawab hilang. Mereka meninggalkan tapak projek sebanyak 200 beg simen dan sebuah jentera pengorek (jengkaut). Sehingga kini ia masih ditinggalan di tapak projek tersebut."

"Yang hairannya, ke mana mereka lari? Mereka seolah-olah hilang begitu sahaja. Ini sudah masuk empat tahun kami menunggu."

"Kini tapak projek jalan itu pun masih tetap bulelah dan ada antara bahagiannya terhakis," kata Tuai Rumah Rantai di sini kelmarin.

Beliau memberitahu, pada mulanya mereka mendapat maklumat rumah panjang 1.5 pintu itu bersama gembira dengan pelaksanaan projek jalan terbabit lebih-lebih lagi ia kononnya akan mengambil masa yang singkat untuk diselesaikan.

Lihat Mukah 2

► Dari Mukah 1

"Jangankan enam bulan, sekarang sudah tahun 2014 namun sehingga kini masih menimbulkan tanda tanya," tegnasnya.

Menurutnya, beliau pernah mengajukan pertanyaan tersebut kepada wakil rakyat di kawasan itu namun mereka mendakwa tidak tahu tentang pergerakan projek terbabit.

Selain itu, beliau juga pernah datang ke pejabat Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Sibu tetapi disuruh membawa isu terbabit ke ibu pejabat jabatan tersebut di Kuching.

"Sehingga kini, kami tiada mendengar apa-apakah perkembangan mengenai projek jalan terbabit sama ada daripada pihak berkenaan atau kontraktor."

"Kami tidak tahu kepada siapa lagi kami bertanya mengenai projek jalan itu. Kos yang digunakan sangat besar namun ia dibiarkan begitu sahaja," katanya.

Pada masa sekarang, Rantai memberitahu penduduknya hanya bergantung kepada jalan balak.

Jelasnya, jalan balak itu amat berbahaya apabila berlaku hujan kerana becak dan licin.

"Disebabkan itu, terdapat anak-anak yang bersekolah di SK Pelugau dan SMK Hulu Balingian terletak kira-kira lima kilometer tidak dapat hadir ke sekolah disebabkan jalan licin dan becak apabila hujan turun pada sebelah paginya.

"Selain itu, jalan balak yang digunakan kami turut berisiko pada waktu malam sehingga boleh mengancam keselamatan kami," ujarnya.

Rantai menegaskan bahawa penduduknya tidak menyalahkan kerajaan atau wakil rakyat berkenaan tetapi sekadar ingin tahu kenapa kos sejumlah RM2 juta itu tidak dapat menyiapkan projek jalan mereka yang hanya sepanjang 1.5 km sahaja.

Beliau berharap pihak berkenaan dapat memberi jawapan kepada mereka mengenai perkembangan projek tersebut agar mereka tidak tertunggu-tunggu.

Sumber: Utusan Borneo
Tarikh: 06 Ogos 2014

b. Projek Membina Dan Menyiapkan Jalan Dari Simpang Jalan Sibu/Bintulu Ke Sekolah Kebangsaan Iban Union, Selangau, Bahagian Sibu

- Pada tahun 2012, JPS turut menamatkan kontrak Projek Membina Dan Menyiapkan Jalan Dari Simpang Jalan Sibu/Bintulu Ke Sekolah Kebangsaan Iban Union, Selangau, Bahagian Sibu bernilai RM9.77 juta. Jabatan Pengairan Dan Saliran telah membuat bayaran sejumlah RM4.06 juta atau 41.6% kepada kontraktor berkenaan.

- ii. Mengikut surat Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (KKLW) kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak pada bulan November 2012, JPS lewat mengambil tindakan dan tidak berupaya untuk menyelesaikan isu di tapak. Semakan Audit mendapati isu tanah dan halangan di tapak lewat 192 hari diselesaikan, arahan untuk kerja membaik pulih lewat 9 bulan dikeluarkan oleh JPS dan perunding mengambil masa 94 hari untuk menyelesaikan masalah penemuan batu besar (*boulder*) di tapak.
- iii. Jumlah ganti rugi tertentu dan ditetapkan untuk projek ini adalah sejumlah RM0.20 juta dan setakat bulan Mac 2014, hanya sejumlah RM59,600 telah dibayar oleh kontraktor.
- iv. Bagi menyiapkan baki kerja, projek ini dipelawa semula secara tender terhad pada bulan Mac 2014. Bagaimanapun, tawaran harga terendah diterima telah melebihi 15% daripada anggaran JPS iaitu 20.6% lebih tinggi. Pada bulan Mei 2014, Jawatankuasa Projek Sakit KKLW telah memutuskan supaya Kertas Taklimat Tender dikemukakan kepada Kementerian Kewangan Malaysia untuk keputusan muktamad. Pada bulan Julai 2014, projek ini ditawar semula dengan kos kontrak sejumlah RM9.69 juta mulai bulan Ogos 2014 hingga April 2016 iaitu 20 bulan. Ini mengakibatkan peningkatan kos sejumlah RM3.98 juta atau 40.7% daripada kos kontrak asal dan projek melampaui masa 4 tahun untuk disiap dan dimanfaatkan.
- v. Kemajuan kerja kontraktor asal hingga bulan Mac 2014 untuk Projek Membina Dan Menyiapkan Jalan Dari Simpang Jalan Sibu/Bintulu Ke Sekolah Kebangsaan Iban Union, Selangau, Bahagian Sibu adalah seperti di **Gambar 1.10** dan **Gambar 1.11**.

Gambar 1.10
Jalan Dari CH0+200 Hingga CH0+400



Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran
Lokasi: Jalan Dari Simpang Jalan Sibu/Bintulu Ke Sekolah Kebangsaan Iban Union, Selangau, Bahagian Sibu
Tarikh: 13 Mac 2014

Gambar 1.11
Jalan Dari CH0+900 Hingga CH1+000



Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran
Lokasi: Jalan Dari Simpang Jalan Sibu/Bintulu Ke Sekolah Kebangsaan Iban Union, Selangau, Bahagian Sibu
Tarikh: 13 Mac 2014

c. Projek RTB Sibu Fasa 2

Projek RTB Sibu Fasa 2 sejumlah RM46.80 juta bertujuan untuk melindungi kawasan tadahan Sungai Ek Dee daripada berlaku banjir besar. Projek ini dijangka dapat mengurangkan kawasan banjir seluas 1.80 kilometer persegi yang melibatkan lebih kurang 20,000 penduduk. Projek ini bermula pada bulan Mei 2012 dan dijangka siap pada bulan Mei 2014. Bagaimanapun, tarikh siap disemak semula sehingga 15 Ogos 2014 setelah lanjutan masa selama 90 hari diluluskan. Setakat 31 Mac 2014, status kemajuan projek ini adalah 66.2% berbanding jadual 66.7% iaitu -0.5% ikut jadual. Semakan Audit mendapati antara faktor yang menyebabkan projek ini tidak dapat disiapkan dalam tempoh 2 tahun adalah:

- i. Kelulusan pertapakan telah diperoleh daripada Majlis Perancangan Negeri (MPN) pada bulan November 2011. Pada bulan Mei 2012, JPS telah menyerahkan tapak bina kepada kontraktor tetapi gagal memasuki tapak bina disebabkan:
 - Pengambilan alih tapak untuk Stesen Pam Nombor 3 lewat diselesaikan oleh Jabatan Tanah Dan Survei (JTS). Isu ini selesai setelah JTS membayar pampasan sejumlah RM2.40 juta kepada pemilik tanah pada bulan November 2012.
 - Terdapat 28 struktur haram di jajaran kerja saliran.
 - Bantahan daripada pengusaha kilang papan bagi mendapatkan perubahan tapak. Isu ini selesai setelah JPS memutuskan untuk meneruskan jajaran asal yang telah diluluskan oleh MPN.
- ii. Masalah mengenalpasti dan menempatkan semula utiliti seperti paip air dan kabel utiliti. Isu kritikal ini dibangkitkan dalam mesyuarat Public Utilities Undertake (PUU) dan mesyuarat tapak pada awal tahun 2013 dan telah diselesaikan seperti dilaporkan oleh JPS pada bulan Mac 2014.
- iii. Semakan Audit seterusnya mendapati setakat bulan Mac 2014, kos projek meningkat sejumlah RM5.30 juta disebabkan:
 - Anggaran kos asal sejumlah RM3.40 juta untuk kerja menempatkan semula utiliti adalah tidak tepat. Anggaran kos ini dibuat semasa peringkat reka bentuk oleh perunding berdasarkan kos sebenar projek RTB Sibu Fasa 1. Setelah penilaian semula di tapak dilakukan mendapati jumlah kos sebenar adalah RM6.70 juta iaitu peningkatan kos sejumlah RM3.30 juta atau 197% berbanding anggaran kos asal sejumlah RM3.40 juta.

- Kegagalan JPS memasukkan skop kerja pembekalan elektrik ke Stesen Pam No. 3 dalam kontrak utama menyebabkan peningkatan kos sejumlah RM2.00 juta melalui Arahan Perubahan Kerja No.3.

iv. Lawatan Audit pada 20 Mac 2014 mendapati kerja pembinaan projek RTB Sibu Fasa 2, sepanjang 1.2 kilometer dari Jalan Ek Dee hingga ke Jalan Alan, Sibu sedang dijalankan seperti di **Gambar 1.12**. Proses pembuangan air adalah seperti di **Gambar 1.13**. Pada 11 Julai 2014, Utusan Sarawak melaporkan projek ini hampir siap 80% dan dijangka siap sepenuhnya pada hujung tahun ini. Pelaksanaan projek ini telah menimbulkan kesulitan kepada pengguna jalan disebabkan kesesakan lalu lintas di kawasan tersebut seperti dilaporkan dalam akhbar Utusan Sarawak pada 11 Julai 2014 seperti di **Keratan Akhbar 1.2**.

Gambar 1.12
Kerja Pembinaan Sedang Dijalankan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RTB Sibu Fasa 2
Tarikh: 20 Mac 2014

Gambar 1.13 Proses Pembuangan Air



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RTB Sibu Fasa 2
Tarikh: 20 Mac 2014

Keratan Akhbar 1.2
Kemajuan Projek RTB Sibu Fasa 2

Kerja melaksana projek lebahan banjir di Sibu siap sepenuhnya akhir tahun ini

Jadikan Sibu bebas banjir

1000

DR. H. KARINA - Penerjemah Praga: Harah
ges buku ini (1980) yang membentuk
tanggung jawab para penulis dan pengaruh alih
aksara dalam meningkatnya kualitas buku ini.

Felicitas Jansen-Pretorius van Bommel, Teunis J. Hoog, The Hout, 1000 Stellenbosch, South Africa; e-mail: z3232@sun.ac.za

www.radiotexts.ca/BBM&BLB

Also Längen der horizontalen Ausläufe, Rücken-
säume, auch rechteckige Ausschnitte am unteren
Ende sind hierbei.

九月九日重陽節的飲食有吃重陽糕、喝菊花酒等。

Selain berfungsi memfasilitasi pertumbuhan dan perkembangan sel-sel tubuh manusia, sel-sel induk juga berfungsi untuk menyimpan sumber daya genetik manusia.

Untuk mendukung keberlanjutannya, maka
diperlukan tindakan nyata dan bertanggung jawab

Deutsche Gesellschaft für Antikunst
Verein für Weimarer Klassik und Romantik

00000000000000000000000000000000

König, Stephan (Hrsg.) 1995: Die
Familie im alten Ägypten. Berlin.
Königlich Preußische Akademie der
Wissenschaften.

Таким образом, критика антире-

Reduction leg, principles 178 Page Kellie
right side, the most marginal joint? joint
A

Arkeo bilir teri kacara yg. tipe ini adalah yg. model cangkang bentuk dan ukuran yg. sama dengan makrofossil yg. sejauh ini

1990-01-01 00:00:00

18 São Paulo, 2004, p. 101-102.

right ATB Site: Four Patches and Two
Semi-natural Areas

Während die anderen 20 Minuten waren kann man auf der Strecke zwischen den beiden Städten 47 Minuten zurücklegen. Das ist eine Zeit von 10 Minuten und 10 Sekunden.

（三）
（四）

Sumber: Utusan Sarawak
Tarikh: 11 Julai 2014

- v. **Maklum balas daripada JPS bertarikh 25 April 2014, menyatakan bantahan pemilik tanah untuk tapak rumah pam adalah di luar jangkaan kerana projek telah diluluskan oleh MPN dan tanah tersebut kosong dan terbiar. Isu struktur haram telah selesai pada awal bulan Julai 2013 setelah JPS Sibu berbincang dengan penduduk terlibat. Anggaran kos perunding tidak tepat kerana pihak utiliti tidak mempunyai inventori dan pemetaan yang lengkap untuk menentu jumlah utiliti terlibat dan kabel terlalu dalam di dalam tanah menyebabkan perunding sukar mengganggar kos utiliti sebenar.**

d. **Kerja Pemulihan Skim Saliran Terkawal Paloh Bangau, Bahagian Mukah**

- i. Kerja pemulihan Skim Saliran Terkawal Paloh Bangau di Bahagian Mukah bertujuan untuk membaikpulih kemudahan sistem saliran yang sedia ada dan melindungi kawasan pertanian daripada ditenggelami banjir. Kerja bernilai RM2.36 juta ini bermula pada 2 November 2012 dan dijangka siap pada 1 Februari 2014.
- ii. Semakan Audit mendapati kontraktor gagal merancang dan mengurus kerja dengan sempurna di mana berlaku kelewatan dalam penghantaran bahan binaan ke tapak, kelewatan dalam membina jalan ladang sepanjang 8,682 meter, *creek closure*, pejabat tapak serta kuarters staf. Loji atau jentera serta pekerja di tapak tidak mencukupi dan kontraktor mengalami masalah kewangan disebabkan komitmen lain. Mengikut minit mesyuarat tapak, kontraktor tidak menunjukkan kesungguhan untuk menyiapkan kerja kontrak ini dari awal pelaksanaan lagi.
- iii. Semakan Audit seterusnya mendapati Ibu Pejabat JPS lewat mengambil tindakan terhadap kontraktor yang bermasalah. Ibu Pejabat JPS hanya mengadakan Mesyuarat Pemantauan Khas pertama pada bulan September 2013 dan susulan pada bulan Januari 2014 walaupun kontraktor tidak menunjukkan sebarang peningkatan kemajuan kerja dalam tempoh 3 bulan tersebut. Pada bulan Januari 2014, projek telah 44.7% lewat jadual dan Kerajaan Negeri (Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri) telah mengarah JPS supaya menilai dan menyiasat sama ada masih terdapat keperluan untuk meneruskan projek atau ditamatkan saja. Susulan daripada mesyuarat ini, kontraktor menghantar bahan binaan dan kenderaan ke tapak projek mulai bulan Januari 2014.
- iv. Pada bulan Mac 2014, projek ini 73% siap berbanding dengan jadual 100% iaitu lewat 27% dan status projek adalah sakit. Setakat bulan Mei 2014, sejumlah RM1.25 juta telah dibayar dan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan sejumlah RM29,240 telah dikenakan terhadap kontraktor berkenaan. Kemajuan kerja di tapak pada bulan Mac 2014 adalah seperti di **Gambar 1.14** dan **Gambar 1.15**.

Gambar 1.14
Kerja Penimbusan Pasir Di Garis A1-R6-N-Sedang Dijalankan



Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran
Lokasi: Skim Perparitan Paloh Bangau,
Bahagian Mukah
Tarikh: 28 Mac 2014

Gambar 1.15
Paip Pembetung Jenis HDPE Dalam Pembinaan



Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran
Lokasi: Skim Perparitan Paloh Bangau,
Bahagian Mukah
Tarikh: 28 Mac 2014

- e. **Maklum balas daripada JPS bertarikh 25 April 2014 dan 29 Mei 2014,** menyatakan isu halangan memasuki tapak selesai setelah melalui beberapa siri dialog dan selepas Kerajaan membayar pampasan kepada penuntut hak milik tanah. JPS sentiasa mengadakan Mesyuarat Khas untuk mencari jalan penyelesaian bagi mengatasi masalah yang timbul. Surat peringatan mengenai kemajuan kerja yang perlahan juga telah dikeluarkan kepada kontraktor berkenaan. Projek sakit sentiasa dimaklum dan dibincang bersama dengan Jawatankuasa Projek Sakit Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah Malaysia. Status terkini projek ini adalah 84.2%. Denda sejumlah RM29,240 telah dikenakan terhadap kontraktor untuk kerja pemulihan di Skim Saliran Terkawal Paloh Bangau bagi tempoh 2 Mac 2014 hingga 8 Mei 2014 pada pembayaran interim No.7. **Maklum balas daripada JPS bertarikh 7 Oktober 2014,** menyatakan kelambatan pencapaian kerja di tapak adalah disebabkan oleh masalah kelemahan perancangan kontraktor sendiri seperti disebabkan oleh kekurangan pekerja dan mesin di tapak. Masalah kelambatan kerja disebabkan oleh kontraktor lambat menghantar bahan binaan seperti batu dan pasir ke tapak. Kawasan projek juga hanya boleh diakses melalui jalan laut jadi bila tiba musim tengkujuh penghantaran bahan binaan juga agak sukar. Projek sakit sentiasa dimaklum dan dibincangkan bersama dengan Jawatankuasa Projek Sakit Jabatan Ketua Menteri, Unit Pemantauan Pelaksanaan Projek Sarawak (SIMU).


Pada pendapat Audit, Jabatan Pengairan Dan Saliran perlu membuat perancangan projek dengan lebih rapi bagi memastikan reka bentuk yang dibuat adalah sesuai. Jabatan Pengairan Dan Saliran perlu menyegerakan penyelesaian masalah di tapak, mempertingkatkan penyeliaan dan pemantauan semasa pelaksanaan supaya semua projek dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan untuk mengelakkan kenaikan kos projek serta projek lewat dilaksanakan.

1.4.3. Pencapaian Objektif Asal Projek

1.4.3.1. Kerja Mengorek Bernilai RM10.25 Juta Di Batang Rajang Berhadapan Dengan Pulau Kerto, Bahagian Sibu Tidak Berkesan Untuk Menangani Banjir

- a. Pada tahun 2011, Lembaga Tender Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar telah menawarkan kerja mengorek di Batang Rajang berhadapan dengan Pulau Kerto, Bahagian Sibu kepada penender ke-4 terendah dengan harga kontrak sejumlah RM9.70 juta. Tujuan kerja mengorek adalah untuk mengurangkan masalah banjir di Bandar Sibu dan kawasan sekeliling. Kerja bermula bulan Disember 2011 telah siap pada bulan Jun 2012 setelah lanjutan masa selama 72 hari diluluskan. Mengikut skop kontrak, keluasan kawasan dikorek adalah 140,491 meter persegi dan jumlah isipadu bahan yang dikorek adalah 610,000 meter padu. Pelan susun atur Survei Topografi dan Hidrografi adalah seperti di **Peta 1.1**.

Peta 1.1
Pelan Susun Atur Survei Topografi Dan Hidrografi



Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran

- b. Lawatan Audit pada 20 Mac 2014 ke tapak projek mendapati kawasan tersebut telah dipenuhi kelodak dan beting yang terbentuk semula telah ditumbuhinya rumput seperti di **Gambar 1.16**. Bahan yang dikorek ditimbulun di Pulau Kerto iaitu tapak Majlis Perbandaran Sibu seluas 3.52 hektar yang telah diwartakan sebagai taman dan kawasan hijau awam seperti di **Gambar 1.17**.

Gambar 1.16 Beting Terbentuk Semula



Gambar 1.17 Tapak Timbunan Bahan



- c. Pada 11 Julai 2014, The Borneo Post melaporkan RM10 juta yang dibelanjakan untuk mengorek kawasan ini merupakan suatu pembaziran wang dan tenaga. Menurut Pengarah JPS, langkah untuk menangani banjir yang mengambil masa 5 bulan dari bulan Februari 2012 untuk siap telah terbukti tidak berkesan kerana kawasan yang dikorek telah berkelodak semula dan beting yang terbentuk semula adalah lebih besar daripada sebelumnya seperti dilaporkan dalam akhbar Borneo Post pada 11 Julai 2014 seperti di **Keratan Akhbar 1.3**. Laman sesawang The Star pula melaporkan JPS telah membelanjakan RM10 juta untuk kerja mengorek yang sia-sia seperti di **Laman Sesawang 1.1**.

Keratan Akhbar 1.3

Kerja Mengorek Tidak Berkesan



Sumber: Keratan akhbar The Borneo Post
Tarikh: 11 Julai 2014

Laman Sesawang 1.1
RM10 Juta Terkubur Di Dalam Pasir



SIBU: Dredging work to rid Pulau Kerto of sand deposits near here is an expensive lesson to be learnt after the project was a complete failure. State Drainage and Irrigation Department director Wong Sui Hieng told a press conference yesterday that his department had spent RM10mil in the project to dredge that part of the river from sedimentation. He said it was carried out due to request from the people, especially politicians who felt that dredging was the best solution to solve flooding problem in the town. "In certain technical decision, we should not go for public opinion polls. "We have said that dredging is not the solution but people asked, 'How do you know when we have not done it?'" he said. He said even before dredging was carried out, they already knew that there were millions of tonnes of sedimentation along the Igan River but that dredging was still carried out due to persistent demand from the people. Few months after the dredging, a new island was formed in the area, he said, adding that the experience showed the need to let professional people to do the job as they knew better how to deal with the sedimentation problem. He said his department had identified seven places along the river where sedimentation had caused the river to be shallower.

Sumber: Laman sesawang The Star
Tarikh: 11 Julai 2014

- d. Maklum balas daripada JPS bertarikh 25 April 2014, menyatakan terdapat beberapa kawasan kritis di sepanjang Sungai Rajang yang terlalu cetek dan menganggu laluan air. Pulau Kerto merupakan kawasan di bandar Sibu yang dipilih sebagai kawasan perintis. Keputusan melaksanakan kerja pengorekan adalah keputusan pihak atasan sebagai percubaan kerana beberapa contoh kerja pengorekan didapati berjaya mengurangkan kejadian banjir di beberapa

negeri di Semenanjung Malaysia. Selain itu, kerja pengorekan berupaya memudahkan laluan perkapalan dan menambah lagi keluasan daratan di Pulau Kerto.

1.4.3.2. Pelaksanaan Fasa 2 Skim Pengairan Padi Sungai Sebalak, Bahagian Betong Dengan Kos RM10.00 juta Diteruskan Walaupun Fasa 1 (Pakej A Dan C) Yang Telah Siap Dibina Belum Dimanfaatkan

- a. Nilai skim yang diluluskan untuk Rancangan Pengairan Sungai Sebalak pada Rancangan Malaysia Ke-9 (RMKe-9) adalah sejumlah RM88.80 juta manakala siling untuk RMKe-10 adalah sejumlah RM13.85 juta. Tujuan projek ini adalah untuk menyediakan kemudahan sistem pengairan dan saliran bagi menggalak penanaman padi 2 musim, mengelak banjir serta kemasukan air masin ke kawasan penanaman padi dan memudahkan petani mengakses kawasan pertanian serta mengangkut hasil pertanian.
- b. Fasa 1/Pakej C untuk tebatan banjir dan jalan akses ke kawasan tengah Sungai Sebalak, Bahagian Betong telah siap pada bulan Oktober 2009 manakala Fasa1/Pakej A untuk sistem pengairan dan saliran serta tebatan banjir siap dalam bulan Januari 2011. Pada bulan Ogos 2012, JPS telah meneruskan pelaksanaan Fasa 2/Pakej C dengan harga kontrak RM10 juta tanpa membuat kajian impak untuk 2 projek yang telah siap sebelum ini. Jumlah perbelanjaan keseluruhannya setakat bulan Mei 2014 adalah RM70.76 juta daripada peruntukan sejumlah RM72.75 juta.
- c. Semakan Audit mendapati daripada jumlah keluasan kawasan penanaman padi seluas 1,315 hektar, hanya 60.2 hektar atau 4.6% ditanam dengan padi melibatkan 96 peserta manakala 62.8 hektar diusahakan untuk tanaman kelapa sawit, rumbia, getah dan buah-buahan. Daripada kawasan seluas 1,315 hektar, hanya 123 hektar atau 9.4% diusaha manakala 1,192 hektar atau 90.6% tidak diusahakan. Objektif asal untuk membangun kawasan Sungai Sebalak sebagai jelapang padi belum tercapai kerana kawasan ini belum diwartakan oleh Kerajaan Negeri maka tiada pengusaha dan penanaman padi secara estet berskala besar dapat diusahakan. Fasa/Pakej Skim Pengairan Padi Sungai Sebalak, Bahagian Betong adalah seperti di **Jadual 1.5**.

Jadual 1.5
Fasa/Pakej Skim Pengairan Padi Sungai Sebalak, Bahagian Betong

Butiran Projek	Keluasan (Hektar)	Kos Projek (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Tempoh Kontrak	Kawasan Ditanam Padi (Hektar)	Bilangan Peserta
Fasa1/Pakej C Cadangan Tebatan Banjir & Jalan Akses ke Kawasan Tengah	420	5.84	6.30	Mula: 24.07.2008 Siap: 24.10.2009	29.2	35
Fasa 1/Pakej A Cadangan Sistem Pengairan Dan Saliran & Tebatan Banjir	582	56.91	56.91	Mula: 23.10.2009 Siap: 22.01.2011	20.5	26
Fasa 2/Pakej C Cadangan Sistem Pengairan Dan Saliran & Tebatan Banjir	313	10.00	7.55	Mula: 22/08/2012 Dijangka Siap: 21.02.2014	10.5	35
Jumlah	1,315	72.75	70.76		60.2	96

Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran

- d. Setakat 26 Mac 2014, projek Skim Pengairan Padi Sungai Sebalak (Pakej C/Fasa 2) telah siap 83.7% berbanding jadual 82.9%. Kemajuan kerja di tapak pada bulan Mac 2014 adalah seperti di **Gambar 1.18** dan **Gambar 1.19**

Gambar 1.18
Tambak Banjir B Di CH2+000



Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran
Lokasi: Skim Pengairan Padi Sungai Sebalak,
Bahagian Betong (Fasa 2/Pakej C)
Tarikh: 26 Mac 2014

Gambar 1.19
Pintu Air No.1 Dalam Pembinaan



Sumber: Jabatan Pengairan Dan Saliran
Lokasi: Skim Pengairan Padi Sungai Sebalak,
Bahagian Betong (Fasa 2/Pakej C)
Tarikh: 26 Mac 2014

- e. **Maklum balas daripada JPS bertarikh 25 April 2014, menyatakan penanaman padi secara 2 kali setahun belum dapat dilakukan kerana pada masa ini, pembangunan infrastruktur sistem pengairan tidak dilakukan untuk skim ini. Mengikut Laporan Kajian Fasa 1 untuk Cadangan Skim Pengairan Padi Sungai Sebalak pada tahun 2002, keluasan kawasan ditanam padi adalah 96 hektar yang melibatkan penduduk Kampung Empelam dan Kampung Sessang. Hasil kerja survei, kawasan Fasa 2/Pakej C telah ditanam dengan kelapa sawit dengan anggaran keluasan 19 hektar.**

Pada pendapat Audit, JPS hendaklah mendapat pandangan pakar supaya kerja atau projek yang dilaksanakan berkesan, ekonomi dan tidak berlaku pembaziran wang awam. Matlamat Kerajaan Negeri menjadikan kawasan Sungai Sebalak sebagai Jelapang Padi belum tercapai walaupun infrastruktur dengan kos RM70.76 juta untuk kawasan seluas 1,315 hektar telah dibina.

1.5. SYOR AUDIT

Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam perancangan projek yang lain, adalah disyorkan Jabatan Pengairan Dan Saliran mengambil tindakan seperti berikut:

1.5.1. Jabatan Pengairan Dan Saliran hendaklah memantau pelaksanaan projek dengan lebih rapi serta mengambil tindakan segera terhadap projek yang bermasalah bagi meningkatkan prestasi pelaksanaan projek.

1.5.2. Jabatan Pengairan Dan Saliran hendaklah menyegearkan penyelesaian masalah di tapak, mempertingkatkan penyeliaan serta pemantauan semasa pelaksanaan supaya semua projek dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan untuk mengelakkan kenaikan kos projek serta projek lewat dilaksanakan.

1.5.3. Jabatan Pengairan Dan Saliran hendaklah memastikan pandangan pakar diambil kira dalam perancangan bagi mengelakkan isu perbelanjaan tidak ekonomi, cekap dan berkesan.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR SARAWAK

2. PROGRAM PEMBANGUNAN PUSAT PERTUMBUHAN DESA

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Program Pembangunan Pusat Pertumbuhan Desa atau *Rural Growth Centre* (RGC) telah diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak pada tahun 1990. Pendekatan ini adalah satu daripada strategi pembangunan untuk mengubah sektor luar bandar menjadi lebih maju dan lestari. Kriteria pemilihan kawasan RGC adalah bagi kawasan luar bandar yang agak mundur tetapi mempunyai potensi sumber tempatan untuk dimajukan, mempunyai bilangan penduduk yang boleh berkembang sehingga ke 5,000 orang bagi membolehkan pembangunan di kawasan berkenaan dapat dimajukan. Pada asasnya pembangunan RGC terdiri dari 4 komponen iaitu prasarana, pembangunan ekonomi, pusat perkhidmatan dan pembangunan sumber manusia. Objektif penubuhan RGC adalah untuk membangunkan kawasan luar bandar supaya menjadi penempatan desa yang lebih terancang, bersepadu dan sistematik berdasarkan fungsi dan asas ekonomi bandar dalam membangunkan sosio-ekonomi kawasan sekeliling.

2.1.2. Kerajaan Negeri telah merancang untuk melaksanakan program pembangunan RGC dalam tempoh 20 tahun mulai tahun 1996 hingga 2015 iaitu dari RMKe-7 hingga RMKe-10. Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sarawak (KPLB) adalah bertanggungjawab untuk merancang, menyelaras, melaksana dan memantau program ini. Pada mulanya program pembangunan RGC melibatkan pelbagai agensi pelaksana seperti Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC), Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak, Jabatan Pengairan Dan Saliran Sarawak, Jabatan Pertanian Sarawak dan Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah Sarawak (PELITA). Pada tahun 2003, Jawatankuasa Pemandu Projek RGC telah melantik PELITA sebagai agensi pelaksana utama bagi projek pembangunan RGC. Pelantikan PELITA adalah untuk bekerjasama rapat dengan KPLB bagi memastikan perancangan, penyelaras, pelaksanaan dan pemantauan projek RGC dibuat dengan lebih berkesan.

2.1.3. *State Planning Authority* (SPA) telah meluluskan pembangunan 10 RGC bagi seluruh negeri Sarawak. Manakala bagi RGC Long Semadoh, Kerajaan Negeri masih dalam proses untuk menilai semula perancangan pembangunan di kawasan tersebut. Peruntukan yang diterima bagi pembangunan RGC bermula dari RMKe-6 hingga RMKe-10 adalah sejumlah RM385.86 juta dan perbelanjaan sebenar setakat bulan Mei 2014 adalah sejumlah RM223.79 juta.

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada program pembangunan RGC dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat untuk mencapai objektifnya.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan merangkumi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan program pembangunan RGC yang dijalankan oleh KPLB dan PELITA meliputi tahun 2011 hingga 2014. Sampel yang dipilih merangkumi projek yang telah siap, lewat jadual, tenat serta belum dilaksanakan. Metodologi pengauditan adalah dengan menyemak rekod, dokumen dan fail berkaitan serta mengkaji dan menganalisis data berkaitan dengan Program Pembangunan RGC. Selain itu, lawatan Audit dijalankan di 8 lokasi, iaitu, Telaga Air, Padawan, Opar di Bahagian Kuching, Gedong di Daerah Simunjan, Bahagian Samarahan, Mid-Layar/Nanga Spak, Beladin di Bahagian Betong, Sundar/Awat-Awat di Daerah Lawas, Bahagian Limbang dan Semop di Bahagian Mukah.

2.4. PENEMUAN AUDIT


Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mac hingga Mei 2014 mendapati pengurusan Program Pembangunan RGC adalah memuaskan dari segi pematuhan terhadap perolehan kerja pembangunan. Bagaimanapun didapati berlaku kelewatan dalam pelaksanaan, kurang sambutan daripada rakyat disebabkan isu lokasi serta penyenggaraan kemudahan yang kurang memuaskan. Ringkasan penemuan Audit adalah seperti berikut:

- Kajian impak terhadap program pembangunan RGC bagi menilai pencapaian dan kejayaan usaha Kerajaan Negeri belum dilaksanakan walaupun tempoh pelaksanaan telah menjangkau 18 tahun.
- Satu projek yang masih dalam proses pelaksanaan telah lewat jadual melebihi 4 tahun.
- Penggunaan dan penyenggaraan kemudahan awam di 6 daripada 8 RGC yang dilawati perlu dipertingkatkan manakala 2 daripada 8 RGC iaitu RGC Semop dan Opar masih belum ada kemudahan awam yang telah siap dibina.

2.4.1. Prestasi Program Pembangunan RGC

2.4.1.1. Peruntukan yang diterima bagi pembangunan RGC bermula dari RMKe-6 hingga RMKe-10 adalah sejumlah RM385.86 juta dan perbelanjaan sebenar setakat bulan Mei 2014 adalah sejumlah RM223.79 juta, iaitu 58%. Lokasi bagi 11 RGC di negeri Sarawak adalah seperti di **Peta 2.1**.

Peta 2.1
Lokasi 11 RGC Di Negeri Sarawak



Sumber: Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sarawak

2.4.1.2. Semakan Audit mendapati bahawa setakat bulan Mei 2014, State Planning Authority (SPA) telah meluluskan pembangunan 10 RGC bagi seluruh negeri Sarawak. Manakala bagi RGC Long Semadoh, Kerajaan Negeri masih dalam proses untuk menilai semula perancangan pembangunan di kawasan tersebut. Semakan Audit seterusnya mendapati sejak RMKe-6 hingga RMKe-10, sepuluh RGC sedang dibangunkan oleh KPLB melibatkan perbelanjaan sejumlah RM223.79 juta dan didapati 7 daripada 10 RGC iaitu RGC Telaga Air, Padawan, Gedong, Balingian, Beladin, Mid-Layar/Nanga Spak dan Sundar/Awat-Awat telah dibangunkan meliputi 4 komponen asas RGC. Manakala pembangunan di 3 RGC, iaitu, di Semop hanya melibatkan kerja penimbusan pasir di tapak projek yang dilaksanakan oleh PELITA, di Long Lama belum ada projek prasarana dibangunkan oleh KPLB melainkan klinik kesihatan yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan Pejabat Daerah Kecil yang dilaksanakan oleh JKR dan di Opar pula hanya meliputi projek jalan akses yang dilaksanakan oleh JKR.

2.4.1.3. Pihak Audit juga mendapati bahawa pihak PELITA telah menerima peruntukan daripada KPLB untuk melaksanakan 46 projek di 10 RGC dalam tempoh RMKe-8 hingga RMKe-10 berjumlah RM160.88 juta dan perbelanjaan setakat bulan Disember 2013 adalah sejumlah RM102.18 juta atau 63.5%. Daripada 46 projek tersebut, 32 projek telah siap dan satu lewat jadual melebihi 4 tahun manakala 13 projek yang diluluskan iaitu 12 projek pada RMKe-9 dan satu pada RMKe-10 masih belum dilaksanakan. Pihak PELITA

memaklumkan bahawa antara sebab kelewatan projek siap adalah peruntukan yang diterima pada RMKe-9 tidak mencukupi, bekalan pasir terhad dan faktor cuaca, manakala punca projek masih belum dilaksanakan adalah peruntukan belum mencukupi dan lokasi kurang sesuai. Butiran mengenai pelaksanaan pembangunan RGC di negeri Sarawak oleh PELITA setakat bulan Disember 2013 adalah seperti di **Jadual 2.1** dan butiran mengenai projek yang belum dilaksanakan adalah seperti di **Jadual 2.2**.

Jadual 2.1

Butiran Mengenai Pelaksanaan Pembangunan RGC Di Negeri Sarawak Oleh PELITA

Bil.	Nama RGC	Bil.	Projek						Catatan
			Peruntukan Diterima (RM Juta)	Perbelanjaan Sebenar (RM Juta)	Baki Peruntukan (RM Juta)	Siap	Dalam Pelaksanaan Dan Lewat Jadual	Belum Dilaksanakan	
1.	Telaga Air	3	7.06	7.03	0.03	3**	-	-	
2.	Padawan	2	6.55	4.56	1.99	2	-	-	
3.	Gedong	2	1.00	0.57	0.43	2	-	-	
4.	Beladin	9	49.34	32.15	17.18	4	1	4	
5.	Mid-Layar/Nang a Spak	1	6.50	6.22	0.28	1	-	-	
6.	Balingian	1	0.60	0.42	0.18	1	-	-	
7.	Semop	5	45.12	16.11	29.01	2	-	3	
8.	Long Lama	2	0.40	0.07	0.33	1	-	1	
9.	Sundar/Awa t-Awat	20	41.81	35.05	6.76	16	-	4	
10.	Long Semadoh	-	-	-	-	-	-	-	Tiada projek diluluskan
11.	Opar	1	2.50	-	2.50	-	-	1	
Jumlah		46	160.88	102.18	58.70*	32	1	13	

Sumber: Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah Sarawak

Nota: * Baki peruntukan yang telah diagihkan dan dalam simpanan PELITA

** Satu projek dibiayai melalui dana dalaman PELITA

Jadual 2.2

Butiran Mengenai Projek Yang Belum Dilaksanakan

Bil.	Nama RGC	Butiran Projek	Catatan
1.	Beladin	i. Jalan akses ke tapak perumahan	Kementerian Perumahan belum melaksanakan pembangunan perumahan tersebut
		ii. Bekalan High Tension/Low Tension ke tapak perumahan Beladin	
		iii. Dewan Masyarakat Beladin	Tender akan dibuka pada Ogos 2014
		iv. Kawasan perindustrian Beladin	Tiada maklumat
2.	Semop	i. Jalan akses ke tapak perumahan	Pelan pecah sempadan sedang diproses untuk kelulusan
		ii. Bekalan Air ke kawasan perumahan Semop	
		iii. Bekalan High Tension/Low Tension ke tapak perumahan Semop	
3.	Long Lama	i. Infrastruktur untuk Long Lama	Peruntukan belum diterima
4.	Sundar/Awat-Awat	i. Sundar By-Pass	Belum dilaksanakan kerana kurang permintaan
		ii. 20 unit Lock-Up Shops di Sundar RGC	Tiada maklumat
		iii. Linkway	Pelan cadangan baru akan dikemukakan kepada Majlis Perancangan Negeri
		iv. Pembinaan kompleks perniagaan Awat- Awat	
5.	Opar	i. Jalan akses ke RGC Opar	Pengambilan tanah sedang dalam proses

Sumber: Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah Sarawak

2.4.1.4. Program pembangunan RGC bermula pada tahun 1996 dan merupakan satu program tempoh 20 tahun yang berakhir pada tahun 2015. Semakan Audit setakat bulan Mei 2014 mendapati kajian impak mengenai pencapaian objektif program pembangunan RGC secara menyeluruh mahupun secara individu RGC belum dijalankan walaupun pelaksanaan program ini telah menjangkau tempoh 18 tahun. Penemuan kajian impak ini boleh digunakan sebagai piawai perbandingan untuk mengukur kejayaan usaha Kerajaan Negeri dalam pencapaian objektif dan juga memberi input untuk penambahbaikan pembangunan RGC.

2.4.1.5. Maklum balas daripada KPLB bertarikh 7 Julai 2014 dan 17 Julai 2014, menyatakan bahawa Kerajaan Negeri sedang membangunkan kawasan luar bandar termasuk kawasan Long Lama melalui pembangunan SCORE dan pembangunan RGC Long Semadoh akan dikaji semula. Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sarawak juga menyatakan RGC Opar telah diperuntukkan sejumlah RM5 juta pada RMKe-10 untuk tujuan pengambilan balik tanah dan kerja penimbusan pasir. Seterusnya KPLB memaklumkan bahawa kejayaan pelaksanaan sesebuah RGC bukan sahaja bergantung kepada peruntukan pembangunan yang telah diluluskan dan dilaksanakan oleh Kerajaan tetapi ianya turut melibatkan penglibatan secara aktif daripada penduduk setempat dan sektor swasta dalam pembangunan di kawasan tersebut. Justeru, KPLB memaklumkan pelaksanaan RGC Padawan dan RGC Gedong akan dikaji semula memandangkan kedua-dua RGC tersebut menghadapi persaingan pembangunan dari bandar berdekatan. Manakala Kerajaan akan menilai dan mengkaji semula pembangunan di RGC Balingian dan RGC Long Lama selaras dengan keputusan Kerajaan Negeri untuk membangunkan Bandar Baru Mukah dan Bandar Baru Telang Usan yang berhampiran dengan RGC tersebut. Pada tahun 2014 KPLB telah mengenal pasti RGC Telaga Air dan RGC Beladin untuk dilaksanakan kajian impak bagi memastikan perancangan pembangunan seterusnya dapat memberi faedah dan manfaat kepada penduduk setempat khususnya dan Sarawak amnya.

Pada pendapat Audit, tindakan Kerajaan Negeri Sarawak mengkaji semula pelan pelaksanaan RGC adalah wajar sekali bagi disesuaikan dengan pembangunan yang sedang berjalan sekarang.

2.4.2. Pengurusan Perolehan RGC

2.4.2.1. Kaedah perolehan kerja pembangunan seperti kerja penimbusan pasir, penyediaan kemudahan infrastruktur dan kemudahan awam adalah melalui kontrak kepada syarikat secara tender oleh agensi pelaksana. Agensi pelaksana bertanggungjawab untuk menyediakan jadual pelaksanaan setiap program, membuat pemilihan perunding dan kontraktor mengikut proses dan tatacara perolehan perkhidmatan dan kerja yang ditetapkan. Pihak pengurusan PELITA telah menetapkan prosedur untuk mengurus perolehan. Semakan Audit di pejabat PELITA mendapati bagi tahun 2011 hingga 2014 tiga projek pembangunan diperoleh dengan kos kontrak bernilai

RM52.54 juta sedang dilaksanakan. Semakan Audit seterusnya mendapati proses tender telah dibuat dengan mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan dan tender dinilai oleh Jawatankuasa Tender serta diluluskan oleh Lembaga Pengarah PELITA.

Pada pendapat Audit, pengurusan perolehan kerja pembangunan RGC telah diuruskan dengan teratur.

2.4.3. Pelaksanaan Kerja Yang Kurang Memuaskan

Pelantikan PELITA adalah untuk bekerjasama rapat dengan KPLB bagi memastikan perancangan, penyelaras, pelaksanaan dan pemantauan projek RGC dibuat dengan lebih berkesan. Lawatan Audit ke tapak 8 daripada 10 RGC pada bulan Mac dan April 2014 mendapati satu projek pembangunan masih dilaksanakan dan telah lewat jadual.

2.4.3.1. Projek Lewat Jadual

a. Pembinaan *Slipway* Di RGC Beladin

- i. Projek Pembinaan *Slipway* di RGC Beladin, Bahagian Betong dipelawa secara tender dan ditawarkan kepada syarikat tempatan dengan kos kontrak sejumlah RM20.38 juta. Skop kerja meliputi penyediaan tapak, pembinaan bangunan pejabat, perparitan, kerja mekanikal dan elektrikal, *winch sheds*, *service bay*, *slipway* dan *chain link fencing*. Tarikh serahan tapak adalah pada 26 Ogos 2008. Tempoh kontrak adalah 18 bulan dan projek dijadual siap pada 25 Februari 2010. Pada bulan Mac 2010 notis kerja belum siap telah dikeluarkan oleh perunding kepada kontraktor.
- ii. Semakan Audit mendapati kontraktor telah diberi 7 Perakuan Kelewatan dan Lanjutan Masa (EOT) berjumlah 191 hari dan tarikh siap dilanjutkan kepada 4 September 2010. Semakan Audit seterusnya mendapati EOT nombor 9 yang menyatakan kelewatan adalah disebabkan oleh kerosakan kepada *bund* tanah kerana kemasukan air pasang yang tinggi telah dikemukakan oleh perunding kepada PELITA pada bulan April 2014 untuk tindakan sewajarnya. Lawatan Audit pada bulan April 2014 ke RGC Beladin di Bahagian Betong mendapati kerja pembinaan *slipway* yang masih belum siap seperti di **Gambar 2.1** walaupun tempoh pelaksanaan telah melebihi 4 tahun. Setakat bulan Disember 2013 sejumlah RM10.13 juta peruntukan telah diterima daripada KPLB dan telah dibelanjakan sepenuhnya untuk kerja penimbusan pasir, kerja penanaman cerucuk, kerja landasan membaiki kapal, kerja landasan pengalihan kapal, kerja pembinaan bangunan, pembelian kelengkapan *winch* dan kren. Mengikut laporan kemajuan kerja yang diterima daripada PELITA pada bulan Julai 2014, kemajuan kerja fizikal adalah 94% dengan kos keseluruhan sejumlah RM23.63 juta yang mana telah melebihi peruntukan yang diterima daripada KPLB sejumlah RM13.50 juta yang dibiayai menerusi dana dalaman PELITA. **Maklum balas**

daripada PELITA bertarikh 8 Oktober 2014, menyatakan bahawa PELITA telah meluluskan kos keseluruhan projek ini sejumlah RM23.59 juta di mana dana RM10.13 juta adalah daripada KPLB dan RM13.50 juta menggunakan dana dalaman PELITA. Perbelanjaan untuk keseluruhan kos projek setakat ini adalah sejumlah RM23.06 juta.



**Gambar 2.1
Slipway Yang Masih Belum Siap**

Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: RGC Beladin

Tarikh: 02 April 2014

Pada pendapat Audit, PELITA perlu mengawal pelaksanaan projek agar kos projek tidak melebihi peruntukan yang diterima. Selain itu, PELITA hendaklah menyelia dengan rapi kerja-kerja pelaksanaan projek bagi memastikan segala masalah berkaitan pelaksanaan boleh diselesaikan segera.

2.4.4. Kemudahan Yang Disediakan

2.4.4.1. Kemudahan Awam Dimanfaatkan

- a. Lawatan Audit pada bulan Mac 2014 ke RGC Telaga Air mendapati 2 blok gerai yang dibina bersekali dengan satu blok *plazaria*, *pontoon*, benteng dan tandas awam dengan kos kontrak berjumlah RM5.64 juta telah siap dibina dan dimanfaatkan oleh orang awam di mana gerai ini adalah aktif dan bersih seperti di **Gambar 2.2**. Pada tempoh yang sama lawatan Audit juga mendapati perpustakaan yang dibina bersekali dengan *Wet Market* dan *Gazebo* juga dalam keadaan bersih dan teratur seperti di **Gambar 2.3**.

Gambar 2.2
Gerai Telaga Air



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RGC Telaga Air, Kuching
Tarikh: 17 Mac 2014

Gambar 2.3
Perpustakaan Desa Telaga Air



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RGC Telaga Air, Kuching
Tarikh: 17 Mac 2014

- b. Lawatan Audit pada bulan April 2014 ke RGC Mid-Layar/Nanga Spak dan Beladin mendapati kemudahan awam sedia ada seperti perpustakaan desa, pusat rehat, klinik kesihatan dan tabika adalah dalam keadaan bersih dan teratur seperti di **Gambar 2.4** hingga **Gambar 2.7**.

Gambar 2.4
Perpustakaan Desa



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RGC Mid-Layar/Nanga Spak, Betong
Tarikh: 2 April 2014

Gambar 2.5
Pusat Rehat



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RGC Mid-Layar/Nanga Spak, Betong
Tarikh: 2 April 2014

Gambar 2.6
Klinik Kesihatan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RGC Mid-Layar/Nanga Spak, Betong
Tarikh: 2 April 2014

Gambar 2.7
Tabika KEMAS



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RGC Beladin, Betong
Tarikh: 2 April 2014

2.4.4.2. Kemudahan Awam Dibina Tetapi Tidak Digunakan

- a. Lawatan Audit pada bulan Mac 2014 ke RGC Telaga Air mendapati 6 unit premis bengkel/kilang berkembar yang dibina pada tahun 2003 dengan kos kontrak sejumlah RM1.15 juta berada dalam keadaan terbiar seperti di **Gambar 2.8**. Perkara yang sama juga pernah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2004. Mengikut laporan ini kemudahan tidak mendapat sambutan daripada peserta RGC kerana kadar sewa bulanan sejumlah RM550 dan syarat sewa seperti membayar 3 bulan deposit sejumlah RM1,650 yang dikenakan oleh SEDC tidak dapat dipenuhi oleh penduduk setempat. Mengikut maklumat yang diperoleh daripada SEDC pada bulan Jun 2014, enam penyewa baru telah ditawarkan penyewaan premis antara bulan Mac hingga Jun 2014 dengan kadar bayaran sejumlah RM275 sebulan. Daripada 6 penyewa tersebut 5 telah memeterai perjanjian penyewaan setakat bulan Oktober 2014. **Maklum balas daripada SEDC bertarikh 7 Julai 2014 dan 1 Oktober 2014, menyatakan bahawa kawasan di sekitar premis bengkel/kilang berkembar yang dilaksanakan oleh SEDC telah dibersihkan selepas teguran Audit seperti di Gambar 2.9 dan 5 daripada 6 penyewa telah memeterai perjanjian penyewaan serta telah menduduki kilang berkenaan.**

Gambar 2.8
Premis Bengkel/Kilang
Yang Terbiar



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RGC Telaga Air, Kuching
Tarikh: 17 Mac 2014

Gambar 2.9
Premis Bengkel/Kilang
Yang Telah Dibersihkan



Sumber: Perbadanan Pembangunan Ekonomi
Sarawak
Lokasi: RGC Telaga Air, Kuching
Tarikh: 21 Jun 2014

- b. Lawatan Audit ke RGC Telaga Air pada tempoh yang sama juga mendapati gerai yang lama terbiar dan berada dalam keadaan kotor seperti di **Gambar 2.10**. **Maklum balas daripada KPLB bertarikh 7 Julai 2014**, menyatakan bahawa pembinaan 7 unit gerai yang siap pada tahun 1991 oleh PELITA telah diserahkan kepada Majlis Daerah Luar Bandar Kuching (sekarang dikenali sebagai Majlis Perbandaran Padawan) pada tahun 1992. Projek tersebut adalah diselia dan disenggara oleh Majlis Perbandaran Padawan (MPP) pada masa kini. Gerai tersebut telah lama terbiar kerana tidak mendapat sambutan daripada masyarakat setempat untuk menyewa premis tersebut. **Maklum balas daripada MPP bertarikh 8 Ogos 2014**, menyatakan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pasar dan Pelesenan telah bersetuju supaya gerai dirobohkan tertakluk kepada penilaian keselamatan Jabatan Kerja Raya Sarawak (JKR) untuk tindakan perancangan semula bagi *Rural Transformation Centre (RTC)*.



Gambar 2.10
Gerai Yang Terbiar

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RGC Telaga Air, Kuching
Tarikh: 17 Mac 2014

- c. Lawatan Audit pada bulan April 2014 ke RGC Mid-Layar/Nanga Spak mendapati kemudahan awam yang disediakan seperti pasar tamu dan gerai makan adalah terbiar dan berada dalam keadaan yang kotor seperti di **Gambar 2.11** dan **Gambar 2.12**. **Maklum balas daripada KPLB bertarikh 7 Julai 2014**, menyatakan

bahawa pasar tamu dan gerai makan yang dilaksanakan oleh Majlis Daerah Betong pada tahun 2002 dengan kos kontrak sejumlah RM0.97 juta tidak mendapat sambutan daripada orang ramai dan tidak digunakan sejak tahun 2003. Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sarawak juga memaklumkan bahawa hasrat untuk baik pulih sedang diusahakan melalui kerjasama/persetujuan KPLB dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di mana sesuai supaya konsepnya lebih menarik atau mesra pengguna untuk penjaja dan kegunaan lain.

**Gambar 2.11
Pasar Tamu Terbiar**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RGC Mid-Layar/Nanga Spak, Betong
Tarikh: 2 April 2014

**Gambar 2.12
Gerai Makan Terbiar**



02/04/2014
Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RGC Mid-Layar/Nanga Spak, Betong
Tarikh: 2 April 2014

- d. Lawatan Audit pada bulan April 2014 ke RGC Beladin mendapati bangunan JKR Depo Beladin yang dilaksanakan oleh JKR pada tahun 2007 dengan kos kontrak sejumlah RM0.26 juta adalah terbiar dan tidak disenggarakan seperti di **Gambar 2.13**. Tindakan kerja pembersihan kawasan bangunan JKR Depo Beladin telah dibuat selepas teguran Audit seperti di **Gambar 2.14**.

**Gambar 2.13
Bangunan JKR Depo Beladin**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RGC Beladin, Betong
Tarikh: 2 April 2014

**Gambar 2.14
Kawasan Bangunan JKR Depo Beladin
Selepas Kerja Pembersihan**



22.07.2014
Sumber: Jabatan Kerja Raya
Lokasi: RGC Beladin, Betong
Tarikh: 22 Julai 2014

- e. Lawatan Audit ke RGC Beladin pada tempoh yang sama juga mendapati *High Level Water Tank* yang dibina bersekali melalui projek *sand filling, water reticulation and associated works* meliputi *pump house, low level tank* dan *guard house* oleh PELITA dengan kos kontrak berjumlah RM14.88 juta dan diserahkan kepada JKR pada bulan November 2007 adalah terbiar dan tidak disenggarakan seperti di **Gambar 2.15**. Tindakan kerja pembersihan kawasan *High Level Water Tank* telah dilaksanakan selepas teguran Audit seperti di **Gambar 2.16**.

**Gambar 2.15
High Level Water Tank**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RGC Beladin, Betong
Tarikh: 2 April 2014

**Gambar 2.16
Kawasan High Level Water Tank
Selepas Kerja Pembersihan**



Sumber: Jabatan Kerja Raya
Lokasi: RGC Beladin, Betong
Tarikh: 22 Julai 2014

- f. **Maklum balas daripada JKR bertarikh 7 Julai 2014, menyatakan bahawa Bangunan JKR Depo Beladin hanya digunakan 3 hari sebulan oleh unit bergerak pengutipan bayaran bil air dan hanya *High Level Water Tank* beroperasi semenjak projek menaik taraf Loji Bekalan Air Beladin berkapasiti 2 Million Litres per Day (MLD) siap pada bulan Januari 2011.**

2.4.4.3. Infrastruktur Asas Dibina Tetapi Pembangunan Belum Dilaksanakan

- a. Lawatan Audit pada bulan Mac 2014 ke RGC Padawan mendapati infrastruktur bagi *Service Centre* yang dibina pada tahun 2003 dengan kos kontrak sejumlah RM2.70 juta adalah terbiar dan tapak ditumbuhinya semak samun serta belum ada pembangunan dilaksanakan seperti di **Gambar 2.17**.
- b. Lawatan Audit seterusnya ke RGC Sundar/Awat-Awat pada bulan Mac 2014 mendapati infrastruktur asas yang disiapkan pada tahun 2001 dengan kos kontrak sejumlah RM5.20 juta bagi lot perumahan untuk penempatan semula penduduk kampung Awat-Awat masih belum dibangunkan seperti di **Gambar 2.18**.

Gambar 2.17
Infrastruktur Service Centre
Ditumbuhi Semak Samun



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RGC Padawan, Kuching
Tarikh: 20 Mac 2014

Gambar 2.18
Infrastruktur Di Lot Perumahan
Ditumbuhi Semak Samun



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Awat-Awat , Limbang
Tarikh: 24 Mac 2014

- c. Infrastruktur asas bagi lot perumahan untuk penempatan semula penduduk kampung Sundar yang dibina pada tahun 2004 dengan kos kontrak sejumlah RM1.70 juta juga terbiar dan belum ada pembangunan dilaksanakan seperti di **Gambar 2.19**. Lawatan Audit juga mendapati penimbusan pasir tebingan sungai telah siap dilaksanakan pada tahun 2010 dengan kos kontrak sejumlah RM2.55 juta tetapi pembangunan tebingan sungai dan skim perumahan di tapak tersebut masih belum dilaksanakan seperti di **Gambar 2.20**.

Gambar 2.19
Infrastruktur Di Lot Perumahan
Ditumbuhi Semak Samun



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sundar , Limbang
Tarikh: 25 Mac 2014

Gambar 2.20
Sand Filling Tebingan Sungai Siap Tetapi
Pembangunan Masih Belum Dilaksanakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Awat-Awat , Limbang
Tarikh: 24 Mac 2014

- d. **Maklum balas daripada KPLB bertarikh 7 Julai 2014, menyatakan bahawa pembangunan di RGC Padawan agak terencat memandangkan kepadatan penduduk di situ tidak memberangsangkan dan disebabkan lokasinya yang terlalu hampir dengan bandar satelit lain seperti Kota Padawan, Siburan, Tapah dan Tarat yang kini sedang giat membangun. Justeru, Kerajaan Negeri akan membuat penilaian semula berhubung pembangunan di RGC Padawan.**

2.4.4.4. Kemudahan Awam Dibina Tetapi Tidak Disenggarakan

- a. Lawatan Audit ke RGC Telaga Air dan RGC Mid-Layar/Nanga Spak pada bulan Mac dan April 2014 mendapati kedua-dua *Grandstand* padang bola sepak yang dibina pada tahun 2009 tidak disenggarakan dengan memuaskan seperti di **Gambar 2.21**. Manakala *Grandstand* padang bola sepak Kampung Sundar di RGC Sundar/Awat-Awat telah disenggarakan dengan memuaskan seperti di **Gambar 2.22**. Mengikut maklumat yang diterima daripada KPLB pada bulan Julai 2014 adalah didapati Kementerian Pembangunan Sosial memperuntukkan sejumlah RM7,200 setahun kepada agensi yang telah dilantik untuk mengurus dan menyelia kemudahan sukan di kawasan RGC berkenaan.



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RGC Mid-Layar/Nanga Spak, Betong
Tarikh: 2 April 2014

Gambar 2.22
Grandstand Padang Bola Sepak
Yang Disenggarakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RGC Sundar/Awat-Awat, Limbang
Tarikh: 25 Mac 2014

- b. **Maklum balas daripada KPLB bertarikh 7 Julai 2014, menyatakan bahawa peruntukan tahunan yang diluluskan untuk kerja penyenggaraan adalah terhad dan padang bola sepak yang disediakan terletak jauh daripada penduduk setempat menyebabkan kemudahan yang disediakan jarang digunakan serta sering kali dirosakkan oleh golongan yang tidak bertanggungjawab.**
- c. Lawatan Audit seterusnya ke RGC Gedong pada bulan Mac 2014 mendapati perparitan di kawasan penempatan semula penduduk Gedong tidak disenggara mengakibatkan air bertakung di sekeliling rumah seperti di **Gambar 2.23**. Kerja pembersihan perparitan di kawasan RGC Gedong telah dilakukan selepas teguran Audit seperti di **Gambar 2.24**.

Gambar 2.23
Perparitan Di Kawasan Penempatan
Semula Penduduk Tidak Disenggarakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RGC Gedong, Samarahan
Tarikh: 20 Mac 2014

Gambar 2.24
Perparitan Selepas Kerja Pembersihan



Sumber: Jabatan Pengairan dan Saliran Sarawak
Lokasi: RGC Gedong, Samarahan
Tarikh: 24 Julai 2014

- d. Lawatan Audit ke RGC Telaga Air juga mendapati *floating pontoon* yang siap dibina telah runtuh dan tidak dapat digunakan seperti keadaan di **Gambar 2.25**. Semakan Audit mendapati *floating pontoon* tersebut merupakan salah satu komponen projek pembangunan tebingan sungai di RGC Telaga Air yang dibina bersekali dengan 2 blok kedai, satu blok tandas awam, satu unit *plazaria* dan benteng sungai dengan kos kontrak sejumlah RM5.64 juta. Projek ini disiapkan pada 9 Julai 2009 dan tempoh kecacatan luput pada 9 Julai 2010. Mengikut maklumat daripada MPP *floating pontoon* tersebut telah runtuh pada 20 Januari 2014 dan perkara ini telah disiasat serta sedang dalam proses tindakan sewajarnya. Jabatan Kerja Raya Sarawak telah diarahkan oleh Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Komunikasi untuk menubuhkan satu jawatankuasa teknikal bagi menyiasat sebab kegagalan *floating pontoon* di Telaga Air. Jawatankuasa Teknikal adalah terdiri daripada wakil JKR, PELITA, MPP dan perunding. Lawatan Audit seterusnya mendapati *railing* di tebingan sungai telah diubahsuaikan oleh penduduk setempat seperti di **Gambar 2.26**. **Maklum balas daripada MPP bertarikh 7 Julai 2014, menyatakan bahawa mesyuarat teknikal yang diadakan pada bulan Mei 2014 telah mengarahkan pembekal untuk mengemukakan laporan berhubung perkara tersebut. Bagi tujuan membaik pulih pontoon tersebut pihak MPP telah menghantar surat kepada Setiausaha Kerajaan Negeri dan Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Komunikasi (Lembaga Sungai-Sungai Sarawak) untuk mengambil alih *floating pontoon* tersebut. Manakala isu mengenai *railing* yang diubahsuaikan masih dalam siasatan.**

Gambar 2.25
Floating Pontoon Di Tebingan Sungai Yang Runtuh



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RGC Telaga Air, Kuching
Tarikh: 17 Mac 2014

Gambar 2.26
Railing Di Tebingan Sungai Diubahsuai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RGC Telaga Air, Kuching
Tarikh: 17 Mac 2014

2.4.4.5. Selain itu, lawatan Audit ke lokasi RGC juga mendapati pelbagai penemuan Audit seperti berikut:

- Lawatan Audit pada bulan Mac 2014 ke RGC Telaga Air mendapati pasar basah adalah berada dalam keadaan tidak digunakan sepenuhnya seperti di **Gambar 2.27** dan **Gambar 2.28**. Semakan Audit mendapati pasar basah yang siap dibina pada 13 Mac 2012 bersekali dengan perpustakaan 2 tingkat dan satu unit gazebo dengan kos kontrak sejumlah RM1.08 juta dibiayai sepenuhnya melalui peruntukan PELITA. **Maklum balas daripada MPP bertarikh 7 Julai 2014, menyatakan bahawa 22 daripada 28 gerai yang dibina telah disewa dengan kadar bulanan sejumlah RM55 bagi gerai basah dan RM25 bagi lock-up shop manakala 6 gerai masih belum disewa.**

Gambar 2.27
Pasar Basah Telaga Air



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RGC Telaga Air, Kuching
Tarikh: 17 Mac 2014

Gambar 2.28
Gerai Yang Tidak Aktif



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RGC Telaga Air, Kuching
Tarikh: 17 Mac 2014

- Lawatan Audit pada bulan Mac 2014 ke RGC Gedong mendapati 3 blok gerai terdiri daripada 15 unit telah siap dibangunkan oleh SEDC dan gerai tersebut adalah berada

dalam keadaan tidak digunakan sepenuhnya seperti di **Gambar 2.29**. Lawatan Audit seterusnya mendapati longkang di tepi gerai tidak disenggara mengakibatkan air bertakung seperti di **Gambar 2.30**. **Maklum balas daripada SEDC bertarikh 7 Julai 2014 dan 1 Oktober 2014**, menyatakan bahawa 14 gerai telah disewa dengan kadar RM180 hingga RM233 sebulan manakala satu unit masih belum disewa. Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak juga menyatakan bahawa seorang penjaga telah dilantik untuk menjaga kebersihan kawasan gerai tersebut dan kawasan longkang adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Pengairan dan Saliran Sarawak(JPS) di mana JPS telahpun membuat tindakan kerja pembersihan kawasan perparitan di kawasan RGC Gedong.

**Gambar 2.29
Gerai RGC Gedong**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RGC Gedong, Samarahan
Tarikh: 20 Mac 2014

**Gambar 2.30
Longkang Di Tepi Gerai
Tidak Disenggarakan**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RGC Gedong, Samarahan
Tarikh: 20 Mac 2014

Pada pendapat Audit, kesesuaian tapak bagi projek RGC tidak diberi pertimbangan yang wajar menyebabkan sambutan penduduk setempat terhadap pembangunan projek lembab. Pendekatan secara *inclusive* penduduk setempat dari peringkat awal projek agar mereka memahami objektif projek RGC dan bersedia melibatkan diri dengan projek RGC. Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sarawak juga perlu bekerjasama dengan agensi lain untuk mengambil tindakan susulan bagi projek yang belum mendapat sambutan rakyat untuk memastikan projek RGC mencapai objektifnya.

2.5. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga untuk memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pembangunan pusat pertumbuhan desa adalah disyorkan:

2.5.1. Kerajaan Negeri Sarawak wajar mengkaji semula pelan pelaksanaan *Rural Growth Centre* supaya bersesuaian dengan pembangunan pada masa sekarang. Juga satu kajian impak yang komprehensif bagi menilai pencapaian objektif program pembangunan *Rural*

Growth Centre perlu dijalankan supaya hasil kajian tersebut boleh memberi input bagi penambahbaikan kepada pelaksanaan program *Rural Growth Centre*. Ini termasuklah dari segi kesesuaian lokasi projek dan penglibatan masyarakat setempat.

2.5.2. Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah Sarawak hendaklah memastikan penyeliaan rapi kerja-kerja pelaksanaan projek supaya masalah berkaitan pelaksanaan diselesaikan sewajarnya.

2.5.3. Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sarawak hendaklah bekerjasama dengan agensi lain berhubung penyenggaraan dan penyeliaan projek-projek *Rural Growth Centre*.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN PERHUBUNGAN SARAWAK


3. PENGURUSAN PROJEK PENGGANTIAN JAMBATAN SEMENTARA KERAJAAN NEGERI

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Projek membina jambatan baru telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri sebagai salah satu langkah Kerajaan menyediakan kemudahan awam yang memberi manfaat kepada rakyat di samping meningkatkan infrastruktur sedia ada. Kerajaan Negeri mula melaksanakan projek penggantian jambatan pada tahun 2000 dengan projek penggantian jambatan milik Jabatan Kerja Raya dan mulai tahun 2008 diteruskan dengan projek penggantian jambatan sementara dan separa kekal milik Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Jabatan Kerja Raya (JKR).

3.1.2. Usaha Kerajaan Negeri menggantikan jambatan yang terdiri daripada jambatan jenis kayu dan jambatan *Bailey* telah dimulakan pada tahun 2000 hingga 2007 yang melibatkan pembinaan 384 jambatan di seluruh negeri Sarawak dengan kos sejumlah RM551.02 juta. Pada tahun 2008, Kerajaan Negeri telah melantik Syarikat Titanium Projek Management Sdn.Bhd.(TPMSB) untuk melaksanakan projek penggantian jambatan sementara dan jambatan separa kekal milik PBT dan JKR menggunakan kaedah *turnkey* iaitu reka dan bina. Perolehan kontrak adalah melalui rundingan terus dan kaedah *Design and Build Negotiated Contract* dengan nilai kontrak sejumlah RM1.18 bilion bagi tempoh 2008 hingga 2017. Kontrak telah dimeterai pada 8 April 2008 bagi menggantikan 330 jambatan sementara serta jambatan separa kekal milik PBT dan JKR. Agensi pelaksana bagi projek ini adalah JKR dan skop kerja TPMSB yang dinyatakan dalam kontrak meliputi reka bentuk, pembinaan serta penyiapan jambatan dan *culvert*. Lokasi dan bilangan jambatan yang dikenal pasti untuk diganti adalah seperti di **Peta 3.1**.

Peta 3.1
Lokasi Dan Bilangan Jambatan Yang Perlu Diganti



Sumber: Jabatan Kerja Raya Sarawak

3.1.3. Jambatan yang diganti dikategorikan kepada Kelas A, B, C dan *culvert*. Jambatan Kelas A melibatkan pembinaan jambatan yang dilengkapi dengan jalan 2 lorong berkeluasan 8m dan laluan pejalan kaki berkeluasan 1.25m, Kelas B melibatkan pembinaan jambatan dengan jalan 2 lorong tanpa laluan pejalan kaki dengan keluasan jambatan 7.70m dan jambatan Kelas C melibatkan pembinaan jambatan yang mempunyai jalan satu lorong serta berkeluasan 4.70m. Penggantian jambatan dengan membina *culvert* melibatkan pembinaan jambatan berkeluasan 8m termasuk bahu jalan berkeluasan 1m dan dilengkapkan dengan *guardrails*. Senarai jambatan yang dicadang untuk dibina diperoleh daripada PBT dan JKR. Senarai muktamad jambatan yang dilaksanakan perlu mendapat kelulusan Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan (MIDCom). Bagaimanapun, lokasi dan jenis jambatan yang dibina boleh ditukar berdasarkan beberapa faktor seperti keadaan jambatan asal, masalah pengambilan tanah, keadaan kawasan pembinaan dan permintaan penduduk tempatan. Perubahan yang berkaitan perlu mendapat kelulusan MIDCom sebelum kerja pembinaan dimulakan.

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada projek penggantian jambatan sementara Kerajaan Negeri telah dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektifnya serta memberi manfaat kepada rakyat.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek perancangan, pelaksanaan serta pemantauan projek penggantian jambatan sementara bagi tahun 2008 hingga 2013 serta dijalankan di MIDCom

dan JKR Sarawak. Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen untuk 18 jambatan yang dipilih sebagai sampel serta membuat analisis terhadap data. Selain itu, lawatan Audit bersama pegawai JKR ke tapak projek jambatan yang dipilih dan temu bual juga dijalankan untuk mendapat maklum balas.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan April hingga Jun 2014 mendapati pada keseluruhannya, pengurusan projek penggantian jambatan sementara Kerajaan Negeri adalah memuaskan dari segi perolehan kerja, pemantauan serta kualiti dan pematuhan terhadap spesifikasi kontrak. Bagaimanapun, terdapat kelemahan yang perlu diberi perhatian seperti berikut:

- Sasaran pembinaan jambatan mengikut keutamaan dan tempoh tidak disediakan menyebabkan perbelanjaan melebihi peruntukan.
- Prestasi pelaksanaan projek bagi fasa 1 hingga fasa 3 sehingga akhir 2013 adalah 138 siap dibina atau 41.8% berbanding 330 jambatan yang disasarkan sehingga 2017.
- Pengurusan kewangan projek yang melibatkan kaedah pembayaran kontrak secara tertunda menyebabkan pertambahan caj kewangan, perbelanjaan projek melebihi peruntukan tahunan dan pembayaran tuntutan lewat dijelaskan.
- Projek siap tidak diserah kepada Pihak Berkuasa Tempatan dan tidak disenggara.

3.4.1. Prestasi Kewangan

3.4.1.1. Bagi tahun 2008 hingga 2013, JKR telah menerima peruntukan sejumlah RM446.98 juta dan sejumlah RM438.72 juta atau 98.2% telah dibelanjakan oleh JKR untuk tujuan pelaksanaan projek tersebut. Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan telah menyalurkan peruntukan sejumlah RM38.48 juta dan JKR telah membelanjakan sejumlah RM36.41 juta atau 94.6% daripada peruntukan tersebut pada tahun 2008, sejumlah RM25.37 juta peruntukan diterima dan sejumlah RM24.88 juta atau 98.1% telah dibelanjakan pada tahun 2009, sejumlah RM84.28 juta peruntukan diterima dan sejumlah RM83.33 juta atau 98.9% telah dibelanjakan pada tahun 2010, sejumlah RM69.69 juta peruntukan diterima dan sejumlah RM68.70 juta atau 98.6% telah dibelanjakan pada tahun 2011, sejumlah RM162.66 juta peruntukan diterima dan sejumlah RM159.83 juta atau 98.3% telah dibelanjakan pada tahun 2012 serta sejumlah RM66.50 juta peruntukan diterima dan sejumlah RM65.57 juta atau 98.6% telah dibelanjakan pada tahun 2013. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.1**.

Jadual 3.1
Peruntukan Dan Perbelanjaan Projek Penggantian Jambatan
Bagi Tahun 2008 Hingga 2013

Bil.	Tahun	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Peratus (%)
1.	2008	38.48	36.41	94.6
2.	2009	25.37	24.88	98.1
3.	2010	84.28	83.33	98.9
4.	2011	69.69	68.70	98.6
5.	2012	162.66	159.83	98.3
6.	2013	66.50	65.57	98.6
Jumlah		446.98	438.72	98.2

Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Sarawak

3.4.2. Prestasi Fizikal

3.4.2.1. Analisis Audit terhadap prestasi fizikal projek penggantian jambatan sementara dari tahun 2008 hingga 2013 mendapat daripada 330 jambatan yang dirancang untuk diganti, 138 jambatan atau 41.8% telah siap dibina, 132 jambatan atau 40% sedang dilaksanakan dan 60 jambatan atau 18.2% belum mula. Antara faktor yang menyebabkan pencapaian fizikal rendah adalah masalah pengambilan tanah, pengalihan utiliti oleh pembekal utiliti dan bantahan penduduk semasa pembinaan jambatan. Butiran lanjut berkenaan lokasi, bilangan dan status pelaksanaan jambatan bagi projek ini adalah seperti di **Jadual 3.2**.

Jadual 3.2
Lokasi, Bilangan Dan Status Projek Penggantian Jambatan
Bagi Tahun 2008 Hingga 2013

Bil.	Bahagian	Bilangan Jambatan			
		Dirancang	Siap	Sedang Dilaksana	Belum Mula
1.	Kuching	96	39	26	9
2.	Samarahan	81	22	23	9
3.	Sibu	53	33	15	10
4.	Mukah	34	13	12	7
5.	Sarikei	20	8	15	7
6.	Betong	17	4	17	3
7.	Miri	15	7	5	5
8.	Limbang	10	7	3	2
9.	Bintulu	4	4	0	2
10.	Sri Aman	0	1	16	6
Jumlah		330	138	132	60

Sumber: Jabatan Kerja Raya Sarawak

3.4.2.2. Analisis Audit terhadap status 270 jambatan yang dilaksanakan mendapat 138 telah siap dilaksanakan dan 132 sedang dilaksanakan setakat 31 Disember 2013. Tahap pencapaian pelaksanaan fizikal jambatan adalah seperti di **Jadual 3.3**.

Jadual 3.3
Status Pelaksanaan Fizikal Projek
Penggantian Jambatan

Bil.	Status Pelaksanaan Fizikal Projek (%)	Bilangan Jambatan
1.	100	138
2.	90-99	10
3.	80-89	8
4.	70-79	10
5.	60-69	10
6.	50-59	10
7.	40-49	8
8.	30-39	3
9.	20-29	5
10.	10-19	9
11.	0-9	59
Jumlah		270

Sumber: Jabatan Kerja Raya Sarawak

3.4.2.3. Pelaksanaan projek penggantian jambatan dilaksanakan dalam 3 fasa dengan menyenaraikan jambatan yang perlu diganti dan berdasarkan senarai keutamaan JKR. Bagi tempoh 2008 hingga 2013 prestasi projek penggantian jambatan bagi fasa 1 adalah 52 jambatan siap dibina atau 86.7% daripada 60 jambatan yang dirancang untuk diganti, 68 jambatan atau 85% siap dibina daripada 80 jambatan yang dirancang dalam fasa 2 dan 18 jambatan atau 9.5% siap dibina daripada 190 jambatan yang dirancang bagi fasa 3. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.4**.

Jadual 3.4
Status Pelaksanaan Projek Mengikut Fasa Bagi Tahun 2008 Hingga 2013

Bil.	Fasa	Bilangan Jambatan		Sedang Dilaksana	Belum Mula	Jambatan Siap (%)
		Dirancang	Siap			
1.	Fasa 1	60	52	8	0	86.7
2.	Fasa 2	80	68	12	0	85.0
3.	Fasa 3	190	18	112	60	9.5
Jumlah		330	138	132	60	41.8

Sumber: Jabatan Kerja Raya Sarawak

3.4.2.4. Lawatan Audit ke 18 jambatan yang telah siap dibina dengan kos keseluruhan sejumlah RM82.51 juta mendapat pembinaan jambatan adalah memuaskan dari segi kualiti kerja dan pematuhan kepada spesifikasi kontrak. Lawatan Audit telah dibuat ke 3 jambatan dalam kategori Kelas A, 12 jambatan Kelas B dan 3 *culvert*. Pada peringkat perancangan hanya 2 jambatan telah dikenal pasti untuk diganti dengan jambatan Kelas C. Setakat tarikh pengauditan, tiada jambatan Kelas C yang telah dibina. Contoh jambatan yang diganti serta pembinaan didapati mematuhi spesifikasi kontrak dan kualiti kerja yang dilaksanakan adalah baik mengikut kategori Kelas A, Kelas B dan *culvert* adalah seperti di **Gambar 3.1** hingga **Gambar 3.3**.

Gambar 3.1
Jambatan Kelas A



05/21/2014 12:53 PM

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sg. Ahi, Serian
Tarikh: 21 Mei 2014

Gambar 3.2
Jambatan Jenis Culvert



05/21/2014 10:44 AM

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sg. Siga, Padawan
Tarikh: 21 Mei 2014

Gambar 3.3
Jambatan Kelas B



05/22/2014 10:08 AM

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sg. Kurang, Padawan
Tarikh: 22 Mei 2014



05/22/2014 10:19 AM

3.4.2.5. Maklum balas KPS bertarikh 7 Oktober 2014, menyatakan Pelan Induk serta Work Programme ada disediakan dan dikemas kini mengikut keperluan dari semasa ke semasa.

Pada pendapat Audit, pencapaian pelaksanaan fizikal projek penggantian jambatan sementara dan separa kekal adalah kurang memuaskan kerana hanya 138 jambatan atau 41.8% telah siap dibina pada akhir 2013 berbanding 330 jambatan yang disasarkan untuk ketiga-tiga fasa. Oleh itu, JKR perlulah menetapkan masa untuk menyiapkan setiap jambatan, memantau dengan lebih rapi pelaksanaan projek agar sasaran yang ditetapkan dapat dicapai dan pelaksanaan projek oleh kontraktor dijalankan mengikut keutamaan yang telah ditetapkan.

3.4.3. Pengurusan Kewangan Projek

3.4.3.1. Kawalan Bajet Projek Yang Lemah

- a. Kaedah pembayaran dalam perjanjian yang telah dimeterai bagi projek ini adalah 1/3 pembayaran secara pertukaran dengan tanah milik Kerajaan Negeri, 1/3 pembayaran secara tunai dan 1/3 melalui bayaran tertunda. Setakat tarikh pengauditan dijalankan, tiada pembayaran secara pertukaran dengan tanah milik Kerajaan Negeri dibuat. Sumber kewangan bagi projek penggantian jambatan sementara dan separa kekal ini adalah daripada peruntukan Kerajaan Negeri yang disalurkan kepada JKR oleh MIDCom. Peruntukan yang diterima adalah untuk pembayaran bagi pembinaan jambatan serta jalan, infrastruktur termasuk tanah rizab untuk jalan, kenderaan jabatan, peralatan pejabat dan perbelanjaan pentadbiran lain bagi tujuan pelaksanaan projek tersebut.
- b. Bagi tahun 2008 hingga 2013, JKR telah menerima peruntukan sejumlah RM423.83 juta bagi tujuan pembayaran tuntutan kontraktor untuk pembinaan jambatan serta kos pampasan tanah dan telah membelanjakan sejumlah RM421.91 juta atau 99.5% daripada peruntukan tersebut.
- c. Peruntukan asal yang diterima oleh JKR bagi tahun 2008 hingga 2013 adalah sejumlah RM275.00 juta dan perbelanjaan adalah sejumlah RM438.72 juta iaitu RM163.72 juta atau 59.5% lebih daripada peruntukan asal. Semakan Audit mendapati permohonan peruntukan tidak berasaskan bilangan dan anggaran kos projek yang perlu dibina dalam setahun. Semakan Audit seterusnya mendapati pindah peruntukan sejumlah RM171.98 juta daripada beberapa peruntukan bagi projek jalan raya dan projek *Proposed Additional Fenders To Ferry Ramp*, Pusa/Beladin, Bahagian Betong telah dibuat bagi menampung perbelanjaan di bawah Projek Penggantian Jambatan Sementara yang tidak mencukupi. Walaupun pindah peruntukan telah mendapat kelulusan daripada Setiausaha Kewangan Negeri, ianya telah menjaskan pelaksanaan projek asal yang dirancang. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.5**.

Jadual 3.5

Peruntukan Asal, Pindah Peruntukan Dan Perbelanjaan Bagi Tahun 2008 Hingga 2013

Tahun	Peruntukan Asal (RM Juta)	Pindah Peruntukan (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)	Perbelanjaan				Catatan
				Kontrak (RM Juta)	Pentadbiran (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)	Peratus (%)	
2008	20.00	18.48	38.48	36.39	0.02	36.41	94.6	Peruntukan RM18.48 juta daripada projek jalan
2009	5.00	20.37	25.37	24.11	0.77	24.88	98.1	Peruntukan RM20.37 juta daripada projek jalan
2010	50.00	34.28	84.28	80.49	2.84	83.33	98.9	Peruntukan RM31.89 juta daripada projek jalan. Peruntukan RM2.39 juta daripada projek feri
2011	50.00	19.69	69.69	65.06	3.64	68.70	98.6	Peruntukan RM18.69 juta daripada projek jalan. Peruntukan RM1 juta daripada projek feri

Tahun	Peruntukan Asal (RM Juta)	Pindah Peruntukan (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)	Perbelanjaan				Catatan
				Kontrak (RM Juta)	Pentadbiran (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)	Peratus (%)	
2012	100.00	62.66	162.66	156.22	3.61	159.83	98.3	Peruntukan RM62.66 juta daripada projek jalan
2013	50.00	16.50	66.50	59.64	5.93	65.57	98.6	Peruntukan RM16.50 juta daripada projek jalan
Jumlah	275.00	171.98	446.98	421.91	16.81	438.72	98.2	

Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Sarawak

- d. **Maklum balas JKR bertarikh 5 Ogos 2014, menyatakan pindah peruntukan dibuat daripada projek lain bagi tujuan mengurangkan caj kewangan yang dikenakan memandangkan kaedah pembayaran secara pertukaran dengan tanah milik Kerajaan Negeri belum dibuat.**

3.4.3.2. Kaedah pembayaran yang telah ditetapkan dalam kontrak adalah pembayaran melalui bayaran tertunda yang dianggarkan sejumlah RM114.58 juta. Caj kewangan yang akan dikenakan terhadap bayaran tertunda adalah pada kadar 1% atas kadar pinjaman asas (*Base Lending Rate + 1% p.a*). Pengiraan caj kewangan akan dikenakan terhadap tuntutan kontraktor yang lewat dijelaskan oleh Kerajaan Negeri selepas 56 hari tuntutan diterima. Semakan Audit terhadap caj kewangan yang dituntut bagi tunggakan bayaran kepada kontraktor sejumlah RM338.76 juta bagi tahun 2009 hingga 2013 mendapati caj kewangan yang dikenakan telah dikira dengan tepat dan sejumlah RM14.15 juta telah dibayar oleh Kerajaan Negeri. Analisis Audit mendapati kadar caj kewangan yang telah dikenakan bagi tahun 2009 hingga 2013 adalah antara 6.55% dan 7.60% atas kelewatan menjelaskan tuntutan antara 14 hingga 677 hari. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.6**.

Jadual 3.6
Tunggakan Dan Caj Kewangan Bagi Tahun 2009 Hingga Disember 2013

Tahun	Bayaran Tertunda (RM Juta)	Bilangan Hari Lewat		Kadar Faedah (%) BLR + 1% p.a		Caj Kewangan (RM)		
		Terendah	Tertinggi	Terendah	Tertinggi	Terendah	Tertinggi	Jumlah Dibayar (RM Juta)
2009	62.87	14	224	6.55	7.30	22,156	210,805	0.87
2010	124.75	51	677	6.55	7.30	75,252	1,410,035	5.40
2011	114.63	14	615	7.60	7.60	26,329	1,247,086	5.11
2012	27.62	98	311	7.60	7.60	104,714	453,910	1.01
2013	8.89	286	286	7.60	7.60	209,082	209,082	1.76
Jumlah	338.76	14	677	6.55	7.60	22,156	1,410,035	14.15

Sumber: Jabatan Kerja Raya Sarawak

3.4.3.3. Semakan Audit terhadap dokumen pembayaran tuntutan kontraktor mendapati JKR meluluskan bayaran berdasarkan pengesahan yang dibuat oleh kontraktor dan perunding yang dilantik oleh kontraktor. Sijil Pembayaran disokong dengan dokumen nilai kerja yang telah dilaksanakan, nilai *material on site*, bayaran pendahuluan, caj kewangan ke atas bayaran tertunda, wang tahanan dan bayaran yang telah dibuat terdahulu. Selain itu, JKR menggunakan borang senarai semak bayaran bagi menyokong pembayaran tersebut. Bagaimanapun, tiada dokumen sokongan dikepilkhan bersama dengan dokumen

bayaran yang mengesahkan bahawa pemeriksaan fizikal ada dibuat oleh JKR bagi tujuan tersebut.

3.4.3.4. Maklum balas JKR bertarikh 5 Ogos 2014, menyatakan peruntukan yang diluluskan di bawah RMKe-9 sejumlah RM91.41 juta dan RMKe-10 sejumlah RM150 juta tidak mencukupi untuk menampung pembayaran bagi kontrak tersebut. Siling di bawah RMKe-10 telah dinaikkan dari RM150 juta kepada RM800 juta untuk pembayaran progresif bagi tempoh 2014 hingga 2015 dan meminimumkan caj kewangan yang dikenakan. Selain itu, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah meluluskan sejumlah RM535 juta di bawah RMKe-11 bagi pembiayaan selanjutnya untuk projek ini.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan projek hendaklah berdasarkan jumlah peruntukan tahunan yang diluluskan. Amalan pindah peruntukan daripada projek lain dikhuatiri akan menjelaskan pelaksanaan projek asal yang telah dirancang. Jabatan Kerja Raya perlu meningkatkan mekanisme kawalan terhadap pembayaran tuntutan kontraktor bagi mengelakkan Kerajaan Negeri dikenakan caj kewangan atas pembayaran lewat.

3.4.4. Projek Siap Tidak Diserah Kepada Pihak Berkuasa Tempatan Dan Tidak Disenggara

3.4.4.1. Projek siap hendaklah diserah oleh kontraktor kepada JKR dan JKR seterusnya menyerah jambatan milik PBT kepada PBT yang berkenaan. Kerja penyenggaraan hendaklah dijalankan oleh JKR atau PBT berkenaan bagi memastikan keadaan jambatan selamat untuk diguna dan memanjangkan jangka hayat penggunaan jambatan tersebut. Semakan Audit terhadap 18 jambatan iaitu 7 jambatan milik JKR dan 11 jambatan milik PBT yang telah dipilih untuk pengauditan mendapati semua jambatan tersebut telah diserah oleh kontraktor kepada JKR dan *Certificate Of Taking Over* telah dikeluarkan. Semakan Audit seterusnya mendapati 7 daripada 11 jambatan milik PBT belum diserah oleh JKR kepada PBT berkenaan. Lawatan Audit pada Mei dan Jun 2014 ke 18 jambatan mendapati kerja penyenggaraan dan pembersihan tidak dilaksanakan di satu jambatan milik JKR dan 10 jambatan milik PBT. Adalah didapati berlaku takungan air di tepi jambatan, *scupper drain* jambatan tersumbat akibat lumpur serta rumput dan kerja pemotongan rumput di kawasan jambatan tidak dilaksanakan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.7** dan contoh adalah seperti di **Gambar 3.4** dan **Gambar 3.5**.

Jadual 3.7

Senarai Jambatan Yang Dilawati, Status Penyerahan Balik Kepada Pihak Berkuasa Tempatan Dan Kerja Penyenggaraan

Bil.	Jambatan	Hak Milik	Kos (RM Juta)	Tarikh Siap	Tarikh Diserah Kepada PBT	Penyenggaraan	
						Ya	Tidak
1.	Sg.Ahi, Serian	JKR	4.82	10.12.13	TB	✓	
2.	Sg.Luuau Julau, Sarikei	JKR	4.92	05.03.13	TB	✓	
3.	Sg. Sarikei, Sarikei	JKR	15.18	30.03.12	TB	✓	
4.	Sg.Ijit, Sarikei	JKR	5.82	21.03.12	TB	✓	
5.	Sg.Ayam , Julau, Sarikei	JKR	5.13	21.03.12	TB	✓	
6.	Sg.Kurang, Jln Benguh, Serian	JKR	6.59	01.07.11	TB	✓	
7.	Sg.Daun Ulu, Bau	JKR	3.96	22.12.10	TB		✓
8.	Sg.Seubok/Sg.Sidubung, Bau	MD BAU	1.15	06.09.13	BS		✓
9.	Sg.Sampun Kpg.Sampun Tebun, Kota Samarahan	MD Samarahan	3.43	09.04.13	BS	✓	
10.	Sg.Simbud Kpg Massam, Padawan	MPP	1.15	28.11.12	BS		✓
11.	Kpg.Siga, Padawan	MPP	0.99	28.11.12	BS		✓
12.	Sg.Gersik, Kuching	DBKU	2.55	27.09.12	BS		✓
13.	Sg.Kudei, kuching	DBKU	1.77	28.08.12	BS		✓
14.	Sg.Suhu, Kpg Tema, Serian	MD Serian	6.91	07.04.11	BS		✓
15.	Sg.Durin, Sibu	MDLB Sibu	4.82	15.05.13	15.05.13		✓
16.	Sg.Melangan 1, Sibu	MDLB Sibu	5.06	07.08.12	07.08.12		✓
17.	Sg.Lebaan, Sibu	MDLB Sibu	4.76	24.06.11	24.06.11		✓
18.	Sg.Seduan, Sibu	MP Sibu	3.49	27.08.10	27.08.10		✓

Sumber: Jabatan Kerja Raya Sarawak

Nota : TB - Tidak Berkennaan

BS - Belum Serah Kepada PBT

Gambar 3.4
Keadaan Rumput Yang Tidak Dipotong



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Sg. Simbud, Padawan
Tarikh: 21 Mei 2014

Gambar 3.5
Takungan Air Dan Lumpur Di Tepi Jambatan



Sumber : Jabatan Audit Negara
Lokasi : Sg. Seduan, Sibu
Tarikh : 19 Jun 2014

3.4.4.2. Jambatan Sg.Ijit iaitu jambatan Kelas B milik JKR telah dibina dengan kos sejumlah RM5.82 juta dan siap dibina pada 21 Mac 2012. Tarikh akhir tempoh tanggungan kecacatan bagi jambatan tersebut adalah pada 20 Mac 2014. Lawatan Audit pada 18 Jun 2014 mendapat berlaku hakisan tanah di kawasan tebing bawah jambatan tersebut iaitu kawasan yang tidak dilindungi dengan *Gabion Mattress Slope Protection*. Keadaan adalah seperti di **Gambar 3.6**.

Gambar 3.6
Keadaan Hakisan Tanah Yang Berlaku Di Tebing Bawah Jambatan



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Sg. Ijit, Sarikei

Tarikh: 18 Jun 2014

3.4.4.3. Maklum balas KPS bertarikh 7 Oktober 2014, menyatakan setakat Ogos 2014, 115 jambatan milik PBT telah siap dibina serta 52 telah diserahkan kepada PBT dan 63 jambatan dalam proses penyerahan. Kerja pemberian hakisan yang berlaku di tebing bawah jambatan Sg.Ijit, Sarikei akan dilaksanakan oleh kontraktor pada November 2014.

Pada pendapat Audit, pihak JKR hendaklah menyerah jambatan yang telah siap kepada PBT dengan segera agar kerja penyenggaraan boleh dilakukan oleh PBT bagi memastikan keselamatan pengguna dan memanjangkan jangka hayat jambatan yang telah dibina.

3.5. SYOR AUDIT

Bagi meningkatkan prestasi pengurusan projek penggantian jambatan sementara dan separa kekal Kerajaan Negeri adalah disyorkan supaya langkah seperti berikut diambil:

3.5.1. Jabatan Kerja Raya perlu memantau dengan rapi pelaksanaan projek agar sasaran yang ditetapkan tercapai dan pelaksanaan projek oleh kontraktor dijalankan mengikut keutamaan yang telah ditetapkan.

3.5.2. Jabatan Kerja Raya perlu memastikan pelaksanaan projek hendaklah berdasarkan jumlah peruntukan tahunan yang diluluskan. Amalan pindah peruntukan daripada projek lain dikhuatiri akan menjelaskan pelaksanaan projek asal yang telah dirancang. Mekanisme kawalan terhadap pembayaran tuntutan kontraktor perlu dipertingkatkan bagi mengelakkan Kerajaan Negeri dikenakan caj kewangan atas pembayaran lewat.

3.5.3. Jabatan Kerja Raya hendaklah menyerah jambatan yang telah siap kepada Pihak Berkuasa Tempatan dengan segera agar kerja penyenggaraan boleh dilakukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan bagi memastikan keselamatan pengguna dan memanjangkan jangka hayat jambatan yang telah dibina.

LEMBAGA PEMBANGUNAN DAN LINDUNGAN TANAH

4. PELABURAN KERAJAAN NEGERI DALAM PROJEK LADANG SAGU

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah (PELITA) telah terlibat dalam pembangunan perladangan sagu sejak tahun 1987 dengan sasaran 250,000 hektar ladang sagu dicapai menjelang tahun 2020. Tumpuan pembangunan ladang sagu secara komersial negeri ini terletak di Bahagian Mukah. Pelita Mukah Sebakong Sago Plantation Sendirian Berhad (PMSSPSB) dan Pelita Dalat Sago Plantation Sendirian Berhad (PDSPSB) merupakan 2 buah anak Syarikat milik penuh PELITA yang terlibat secara langsung dalam membangun dan mengusahakan ladang sagu di Bahagian Mukah. Pelita Mukah Sebakong Sago Plantation Sendirian Berhad yang mula beroperasi pada tahun 1987 bertanggungjawab mengurus Ladang Sagu Mukah dan Ladang Sagu Sebakong manakala PDSPSB pula yang mula beroperasi pada tahun 1994 bertanggungjawab mengurus Ladang Sagu Dalat. Selain menjalankan penanaman pokok sagu berskala ladang, PELITA turut terlibat dengan program penanaman pokok sagu berskala kecil melibatkan tanah seluas 3,833 hektar dan 4,875 pekebun kecil di negeri ini melalui program *Smallholder Sago Satellite Estate Development* (SSSED). Program SSSED yang bermula pada tahun 2007 adalah dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Perusahaan, Perladangan Dan Komoditi Malaysia dengan peruntukan yang diterima sehingga tahun 2013 adalah berjumlah RM80 juta.

4.1.2. Objektif penubuhan PMSSPSB dan PDSPSB adalah untuk menjalankan aktiviti pengeluaran sagu secara komersial bagi mempercepatkan pembangunan industri sagu di Sarawak; sebagai perintis dalam pengeluaran dan pengurusan sagu secara komersial untuk menjadikan sagu sebagai komoditi industri utama negeri Sarawak; menjalankan transformasi ke atas pekebun kecil sagu kepada satu entiti pengeluaran, menggalakkan penyertaan sektor swasta dalam pengeluaran sagu dan mengembangkan kepakaran dalam pengurusan serta pengeluaran sagu secara komersial; menyediakan perkhidmatan pakar terutama dalam bidang latihan, nasihat, perundingan dan pensijilan. Visi dan misi PMSSPSB dan PDSPSB mensasarkan Syarikat menjadi sebuah Syarikat perintis dalam pembangunan industri perladangan sagu dan menjadi sebuah Syarikat yang terkemuka di pasaran serta mengekalkan pertumbuhan jangka panjang yang konsisten dalam jumlah dan keuntungan Syarikat dengan mengamalkan teknologi agronomi yang terbaik. Sehingga akhir tahun 2013, sejumlah RM266.81 juta peruntukan telah diterima daripada Kerajaan Negeri untuk projek ladang sagu negeri Sarawak. Bagi tempoh 2011 hingga 2013 sejumlah RM93.21 juta peruntukan telah diterima dan sejumlah RM32.76 juta telah dibelanjakan.

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pelaburan Kerajaan Negeri dalam projek ladang sagu telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai objektif yang ditetapkan.

4.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan merangkumi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pelaburan Kerajaan Negeri dalam projek ladang sagu bagi tempoh 2011 hingga 2013. Pengauditan ini dijalankan di pejabat PELITA, PMSSPSB dan PDSPSB di Mukah. Bagi tujuan ini, pengauditan dijalankan dengan menganalisis data dan menyemak rekod/dokumen berkaitan pelaburan Kerajaan Negeri dalam projek ladang sagu. Lawatan Audit ke Ladang Sagu Mukah, Ladang Sagu Sebakong, Ladang Sagu Dalat dan tapak program SSSED serta temu bual dengan pegawai yang terlibat juga dilakukan bagi mendapatkan maklum balas.

4.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Julai 2014 mendapati prestasi keseluruhan Pelaburan Kerajaan Negeri Dalam Projek Ladang Sagu adalah kurang memuaskan kerana objektifnya belum lagi tercapai selepas 26 tahun dilaksanakan dengan pelaburan modal berjumlah RM266.81 juta. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

- Prestasi projek tanaman pokok sagu kurang memuaskan.
- Kajian intensif tanaman sagu hanya dijalankan selepas program pemulihan gagal.
- Hasil penyelidikan belum dapat digunakan bagi menambahbaik prestasi penanaman sagu.
- Pinjaman Kerajaan Negeri kepada Syarikat belum dibayar.
- Pembelian jengkaut melebihi keperluan penggunaan.

4.4.1. Prestasi Projek Tanaman Pokok Sagu Kurang Memuaskan

4.4.1.1. Setakat akhir tahun 2013, seluas 13,843 hektar atau 72.6% daripada 19,063 hektar tanah yang diluluskan telah ditanam dengan pokok sagu. Daripada jumlah tersebut hanya 5,152 hektar atau 37.2% daripada 13,843 hektar sahaja yang masih aktif dan disenggara dengan tanaman pokok sagu.

4.4.1.2. Mengikut *Mukah Sago Plantation Feasibility Study Final Report, 1987* tempoh matang pokok sagu boleh ditebang adalah 14 tahun selepas ditanam. Bagi tempoh 1987 hingga 2013 sejumlah RM266.81 juta telah dilaburkan dalam projek ladang sagu di

Bahagian Mukah. Berdasarkan rekod pengeluaran hasil tanaman pokok sagu Syarikat, tanaman sagu mula mengeluar hasil pada tahun 2004 melalui Ladang Sagu Dalat dengan keluaran hasil pertamanya sebanyak 116 batang pokok sagu dengan nilai berjumlah RM2,910 iaitu selepas 17 tahun ditanam. Analisis Audit terhadap sasaran pengeluaran hasil bagi tempoh 2004 hingga 2013 sejumlah RM53.85 juta hasil sepatutnya diperoleh berbanding RM1.57 juta bagi tempoh yang sama setelah mengambil purata hasil sebatang pokok iaitu RM38.90. Kutipan hasil berjumlah RM1.57 juta diperoleh melalui keluasan 13,843 hektar ladang sagu yang ditanam melibatkan 40,297 batang atau 2.9% berbanding 1.38 juta batang pokok sagu yang sepatutnya ditebang. Dari pada jumlah tersebut Ladang Sagu Dalat menghasilkan sejumlah 21,282 batang pokok sagu atau 52.8% manakala Ladang Sagu Sebakong sejumlah 18,586 batang pokok sagu atau 46.2% dan Ladang Sagu Mukah sejumlah 429 batang sagu atau 1%. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.1**.

Jadual 4.1
Hasil Tanaman Pokok Sagu Bagi Tempoh 2004 Hingga 2013

Tahun	Ladang Sagu (Bilangan Pokok Ditebang)			Bilangan Pokok Ditebang	Kutipan (RM)
	Dalat	Sebakong	Mukah		
2004	116	-	-	116	2,910
2005	54	-	-	54	1,353
2006	407	-	-	407	17,303
2007	563	-	44	607	32,749
2008	1,741	212	62	2,015	44,583
2009	2,647	1,249	106	4,002	145,005
2010	3,059	2,371	-	5,430	223,756
2011	4,581	3,545	-	8,126	285,275
2012	4,605	6,266	217	11,088	397,444
2013	3,509	4,943	-	8,452	418,191
Jumlah	21,282	18,586	429	40,297	1,568,573

Sumber: Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah Sarawak

4.4.1.3. Maklum balas daripada PELITA bertarikh 27 Ogos 2014, menyatakan bahawa penanaman pokok sagu oleh Syarikat dijalankan secara berperingkat. Pokok sagu yang dituai bermula pada tahun 2004 adalah terdiri daripada pokok sagu yang hidup dari penanaman awal.

4.4.1.4. Sehingga akhir tahun 2013, sejumlah RM249.41 juta telah dibelanjakan bagi menjalankan projek tanaman pokok sagu di Ladang Sagu Mukah, Ladang Sagu Sebakong dan Ladang Sagu Dalat. Bagi tempoh 2011 hingga 2013 sejumlah RM32.76 juta telah dibelanjakan bagi aktiviti tanaman pokok sagu. Antara perbelanjaan aktiviti tanaman sagu yang terlibat ialah pembangunan, infrastruktur dan penyenggaraan ladang serta perbelanjaan operasi dan modal. Butiran lanjut perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 4.2**.

Jadual 4.2**Perbelanjaan Aktiviti Tanaman Sagu Bagi Tempoh 2011 Hingga 2013**

Butiran Perbelanjaan	2011 (RM Juta)			2012 (RM Juta)			2013 (RM Juta)		
	MSP	SSP	DSP	MSP	SSP	DSP	MSP	SSP	DSP
Pembangunan:									
i) Penubuhan Ladang	0.33	0.42	0.25	-	-	-	-	-	-
ii) Pembinaan Infrastruktur	0.10	0.29	0.11	0.04	0.01	0.10	-	-	0.02
Penyenggaraan Infrastruktur	0.18	0.31	0.23	0.18	0.19	0.27	0.04	0.07	0.12
Penyenggaraan Ladang	1.81	1.43	1.85	0.58	0.83	0.60	0.14	1.05	0.49
Lain-lain Perbelanjaan	-	-	-	0.50	0.53	0.71	0.06	0.37	0.26
Perbelanjaan Operasi	0.81	0.75	0.80	0.74	0.80	0.87	0.72	0.90	1.00
Perbelanjaan Modal	3.24	4.70	0.02	0.94	1.67	0.30	0.01	0.01	0.01
Jumlah	6.47	7.90	3.26	2.98	4.03	2.85	0.97	2.40	1.90

Sumber: Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah Sarawak

Nota: MSP (Ladang Sago Mukah)

SSP (Ladang Sagu Sebakong)

DSP (Ladang Sagu Dalat & Ladang Sagu Dalat [Extension])

4.4.1.5. Keluasan tanah yang telah diluluskan kepada PMSSPSB dan PDSPSB untuk projek ladang sagu di Bahagian Mukah adalah seluas 19,063 hektar. Setakat akhir tahun 2013 hanya seluas 13,843 hektar telah ditanam dengan pokok sagu di Bahagian Mukah (di mana seluas 5,550 hektar di Ladang Sagu Mukah, 2,640 hektar di Ladang Sagu Sebakong dan 5,653 hektar di Ladang Sagu Dalat). Semakan Audit mendapati bagi tempoh yang sama, daripada seluas 13,843 hektar pokok sagu yang ditanam di Bahagian Mukah hanya seluas 5,152 hektar atau 37.2% sahaja yang masih aktif diusaha dan disenggarakan. Manakala bakinya seluas 8,691 hektar atau 62.8% lagi adalah terbiar dan tidak disenggara. Semakan Audit seterusnya mendapati daripada seluas 5,550 hektar yang ditanam, Ladang Sagu Mukah hanya 910 hektar atau 16.4% yang masih disenggara. Manakala Ladang Sagu Dalat pula 1,560 hektar atau 27.6% berbanding 5,653 hektar yang ditanam masih aktif. Perkara ini berlaku disebabkan kadar pertumbuhan dan pembesaran pokok sagu di ladang berkenaan adalah tidak memuaskan. Walaupun pokok sagu tersebut telah berusia melebihi 14 tahun namun ia gagal membesar dengan berbatang bagi menghasilkan kanji yang banyak. Bagaimanapun keluasan Ladang Sagu Sebakong yang ditanam dan disenggara serta dibaja meningkat seluas 42 hektar atau 1.6% daripada 2,640 hektar yang ditanam menjadikan keluasannya kepada 2,682 hektar. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.3**.

Jadual 4.3**Keluasan Ladang Sagu Yang Masih Aktif Diusaha Dan Disenggara Sehingga Akhir Tahun 2013**

Ladang Sagu	Keluasan Ladang Yang Diluluskan (Hektar)	Kawasan Ditanam (Hektar)	Peratus Kawasan Ditanam (%)	Kawasan Yang Masih Aktif (Hektar)	Peratus Yang Masih Aktif (%)
Mukah	7,486	5,550	74.1	910	16.4
Sebakong	4,855	2,640	54.4	2,682	101.6
Dalat	6,722	5,653	84.1	1,560	27.6
Jumlah	19,063	13,843	72.6	5,152	37.2

Sumber: Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah Sarawak

4.4.1.6. Maklum balas daripada PELITA bertarikh 14 Ogos 2014, menyatakan bahawa melalui kajian yang dijalankan oleh Dr. Lulie (Peat Lab, 2004) di ladang sagu PELITA mendapati perbezaan pertumbuhan pokok sagu berlaku disebabkan jenis tanah di ladang PELITA kebanyakannya terdiri daripada jenis tanah gambut dalam yang tidak sesuai untuk pertumbuhan pokok sagu.

4.4.1.7. Lawatan Audit ke Ladang Sagu Dalat mendapati pokok-pokok sagu yang tumbuh subur dan berbatang adalah seperti di Gambar 4.1. Manakala pokok-pokok sagu yang tumbuh tidak berbatang dan tumbuh secara menirus di Ladang Sagu Mukah, Ladang Sagu Sebakong dan Ladang Sagu Dalat dibiarkan sahaja kerana sudah tidak ekonomi untuk disenggara seperti di Gambar 4.2 hingga Gambar 4.4.

**Gambar 4.1
Pokok Sagu Berbatang Menghasilkan
Kanji Yang Banyak**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ladang Sagu Dalat
Tarikh: 20 Mei 2014

**Gambar 4.2
Ladang Sagu Terbiar
Dan Tidak Disenggara**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ladang Sagu Mukah
Tarikh: 21 Mei 2014

**Gambar 4.3
Pokok Sagu Yang Tumbuh
Tidak Berbatang**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ladang Sagu Sebakong
Tarikh: 21 Mei 2014

**Gambar 4.4
Pokok Sagu Yang Tumbuh
Secara Menirus**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Ladang Sagu Dalat
Tarikh: 20 Mei 2014

4.4.1.8. Maklum balas daripada PELITA bertarikh 14 Ogos 2014, menyatakan bahawa Gambar 4.3 dan Gambar 4.4 adalah kawasan tanah gambut dalam. Bagi Ladang Sagu Dalat, pertumbuhan yang baik hanyalah di bahagian hadapan sahaja memandangkan jenis tanah di kawasan ini terdiri daripada tanah mineral (Mukah/ Bijat Series) yang sesuai untuk tanaman sagu. Bagaimanapun ketidaksuburan tanaman semakin ketara apabila masuk lebih ke dalam seiring dengan tanah gambut yang dalam (>5m) bagi hampir keseluruhan kawasan ladang ini. Penanaman di atas tanah gambut dalam tidak lagi digalakkan kerana tumbesaran yang tidak memuaskan terutama selepas 4 tahun (fasa berbatang) walaupun telah melalui pengurusan ladang yang baik. Namun pokok sagu yang ditanam di tanah gambut cetek dan tanah alluvial/ mineral telah tumbuh dengan subur.

Pada pendapat Audit, prestasi tanaman pokok sagu belum mencapai matlamatnya walaupun telah berlangsung selama 26 tahun dan perbelanjaan modal sejumlah RM249.41 juta telah dilakukan.

4.4.2. Kajian Intensif Tanaman Sagu Dijalankan Selepas Program Pemulihan

4.4.2.1. Projek tanaman pokok sagu mula ditanam pada tahun 1987 di Ladang Sagu Mukah, Ladang Sagu Sebakong dan Ladang Sagu Dalat dengan keluasan 13,843 hektar. Bagaimanapun prestasi kadar tumbesaran tanaman sagu didapati kurang memuaskan. Setakat akhir tahun 2013 daripada 13,843 hektar yang ditanam hanya 5,152 hektar atau 37.2% sahaja yang tumbuh dan membesar serta disenggara. Semakan Audit mendapati pada tahun 2004 program pemulihan ada dijalankan oleh Syarikat bagi menggantikan pokok sagu yang mati dan terbantut selepas 17 tahun ditanam. Bagaimanapun adalah didapati masalah tumbesaran pokok masih berlaku walaupun selepas program pemulihan tersebut dijalankan. Semakan Audit seterusnya mendapati keadaan ini berlaku disebabkan kajian yang lebih teliti bagi mencari punca sebenar masalah tidak dijalankan sebelum program pemulihan dijalankan. Syarikat menjalankan kajian bagi mengenal pasti punca kegagalan program pemulihan pada tahun 2005 iaitu setelah 18 tahun pokok sagu tersebut ditanam. Kajian tersebut yang dinamakan *Development And Management Study Of Sago On Peat Soils* dijalankan oleh Ecosol Consultancy Sdn. Bhd. dan PS Konsultant. Hasil kajian tersebut mendapati punca ketidaksuburan tanaman sagu di Ladang Sagu Mukah, Ladang Sagu Sebakong dan Ladang Sagu Dalat adalah disebabkan keadaan tanah yang tidak sesuai. Tanah yang terdapat di ladang tersebut adalah terdiri daripada tanah paya yang mempunyai tahap kepadatan yang rendah dan tidak mempunyai saliran yang baik. Kelewatan kajian ini menyebabkan Syarikat telah membelanjakan sejumlah RM45 juta untuk program pemulihan tanpa mengetahui punca sebenar masalah pokok gagal membesar dengan baik.

4.4.2.2. Maklum balas daripada PELITA bertarikh 14 Ogos 2014, menyatakan bahawa pada peringkat awal penanaman pokok sagu ianya adalah berdasarkan kajian kemungkinan yang telah dijalankan pada tahun 1987. Kawasan yang diberikan didapati sesuai untuk tanaman sagu selain berpandukan amalan

tradisional orang kampung bahawa pokok sagu akan matang selepas berumur 15 hingga 17 tahun. Bagaimanapun, prestasi kadar tumbesaran tanaman sagu didapati kurang memuaskan selepas 18 tahun ditanam. Oleh itu, pihak pengurusan telah melantik Ecosol Consultancy Sdn. Bhd. untuk menjalankan kajian *Development And Management Study Of Sago On Peat Soils* bagi mengenal pasti punca kegagalan penanaman pokok sagu pada awal penubuhannya. Hasil daripada kajian tersebut, pada 2004 Syarikat telah menjalankan program pemulihan bagi menggantikan pokok yang mati dan terbantut di ketiga-tiga ladang sagu. Pokok sagu yang baru ditanam pada tahun 2004 masih diperingkat *bibang* berusia 9 tahun dan masih belum matang.

4.4.2.3. Maklum balas daripada PELITA bertarikh 27 Ogos 2014, menyatakan setelah menjalankan aktiviti bancian pada tahun 2012 hingga 2013 bagi menentukan kawasan yang berpotensi, pihak pengurusan telah membuat keputusan untuk menumpukan perhatian ke atas seluas 5,152 hektar sahaja bagi tujuan penyenggaraan setelah mengambilkira *survival rate* dan kesesuaian tanah.

Pada pendapat Audit, pihak PELITA tidak menjalankan penyelidikan secara menyeluruh termasuk kesesuaian tanah sebelum projek tanaman sagu diteruskan yang mana ia merupakan faktor utama prestasi projek lemah.

4.4.3. Hasil Penyelidikan Belum Dapat Digunakan Bagi Menambahbaik Prestasi Penanaman Sagu

4.4.3.1. Setakat tarikh pengauditan, PELITA belum lagi mencapai matlamatnya walaupun sejumlah RM266.81 juta telah diperuntukkan untuk tujuan tersebut semenjak tahun 1987 dan sejumlah RM6.41 juta telah dibelanjakan untuk tujuan kajian dalam tempoh 2003 hingga 2010. Walaupun beberapa kajian dan penyelidikan telah dijalankan sebelum dan selepas projek tanaman sagu dilaksanakan seperti *Mukah Sago Plantation Feasibility Study* (1987) oleh PELITA, *Preliminary EIA Report For The Dalat Sago Plantation In Sibu/Sarikei Division* (1998) oleh EPR (Kuching) Sdn. Bhd., *The Preliminary EIA Report For The Proposed Sebakong Sago Plantation* (1993) oleh MEX Environmental Sdn. Bhd. (MESB) dan *Development And Management Study Of Sago On Peat Soils* (2005) oleh Ecosol Consultancy Sdn. Bhd. dan PS Konsultant bagi tempoh 1987 hingga 2003 namun projek ladang sagu ini masih lagi tidak berjaya mencapai matlamatnya. Selain kajian di atas pihak Craun Research Sendirian Berhad turut menjalankan beberapa kajian berkenaan tanaman pokok sagu seperti di **Jadual 4.4**.

Jadual 4.4**Kajian Yang Dijalankan Oleh Craun Research Sendirian Berhad****Bagi Tempoh 2003 Hingga 2010 Berkaitan Dengan Tanaman Pokok Sagu Di Sarawak**

Bil.	Tajuk Kajian	Tahun	Kos Kajian (RM)
1.	<i>Varietal Improvement And Clone Development</i>	2006 – 2010	2,592,771
2.	Kajian Agronomi Di Tanah Gambut	2004 – 2005	758,075
3.	Kajian Aktiviti Hiliran Kanji Sagu	2004 – 2005	727,398
4.	Kajian Genetik In Vitro Pokok Sagu	2003 – 2005	715,682
5.	<i>Agronomic And Cultural Practice On Peat Soil</i>	2006 – 2008	502,890
6.	<i>Physiology Of Sago Palm</i>	2006 - 2010	327,365
7.	<i>Water Management Of Sago On Deep Peat Soil</i>	2006 – 2008	318,308
8.	<i>Post Harvest Technology</i>	2006 – 2010	443,680
9.	<i>Field Mechanisation</i>	2006 – 2007	13,734
10.	<i>Economic Assessment And Evaluation On Sago Industry</i>	2006 – 2007	7,300
Jumlah			6,407,203

Sumber: Pelita Mukah Sebakong Sago Plantation Sendirian Berhad

4.4.3.2. Maklum balas daripada PELITA bertarikh 14 Ogos 2014, menyatakan bahawa penubuhan Craun Research Sendirian Berhad pada tahun 1993 memberi fokus terhadap penyelidikan dan pembangunan industri sagu secara menyeluruh. Kajian terperinci oleh Craun Research Sendirian Berhad mengambil masa yang agak lama kerana perlu membuat permerhatian pertumbuhan pokok sagu sehingga matang untuk *one life cycle* iaitu sekurang-kurangnya 10 tahun bagi mendapatkan data yang mencukupi. Penyelidikan dan pembangunan ke arah pengeluaran benih atau baka sagu yang berkualiti tinggi telahpun dijalankan melalui pemilihan baka dari pengumpulan germplasma dan mempergandakannya melalui kaedah kultur tisu. Bagaimanapun, pencarian benih berkualiti hanyalah salah satu daripada aspek yang menjamin tumbesaran dan kesuburan serta perkembangan pokok sagu selain faktor utama iaitu kesesuaian tanah.

4.4.3.3. Semakan Audit seterusnya mendapati keluasan ladang tanaman sagu di Bahagian Mukah yang mula ditanam pada tahun 1987 semakin berkurangan setiap tahun iaitu dari seluas 13,843 hektar kawasan dan kini hanya tinggal 5,152 hektar sahaja yang masih disenggara. Keadaan ini memberi impak kepada bekalan sagu bagi kegunaan kilang di Bahagian Mukah. Bagi tempoh 2004 hingga 2013, PELITA hanya dapat menghasilkan 40,297 batang atau 2.9% daripada 1.38 juta batang pokok sagu di kawasan seluas 13,843 hektar pokok sagu yang ditanam di semua ladang. Pihak Audit dimaklumkan oleh pengilang sagu di Bahagian Mukah terpaksa mendapatkan bekalan sagu daripada pekebun kecil dari Bahagian lain di Sarawak bagi menampung keperluan kilang. Adalah didapati setakat tarikh pengauditan, pihak pengurusan belum lagi membuat keputusan sama ada kawasan ladang sagu terbiar dan tidak disenggara akan digantikan dengan projek atau program tanaman lain yang lebih sesuai.

4.4.3.4. Maklum balas daripada PELITA bertarikh 14 Ogos 2014, menyatakan bahawa perancangan jangka panjang untuk kawasan seluas 8,691 hektar yang mengalami masalah ketidaksuburan tanaman sagu dan terbiar serta tidak

disenggara adalah dengan memajukannya dengan tanaman lain yang lebih cepat memberikan pulangan hasil iaitu tanaman kelapa sawit.

Pada pendapat Audit, usaha penyelidikan dan pembangunan sagu perlu dijalankan secara kolaborasi dengan agensi lain yang mempunyai kepakaran agar hasil kajian yang lebih praktikal dicapai.

4.4.4. Pinjaman Kerajaan Negeri Kepada Syarikat Belum Dibayar

4.4.4.1. Semakan Audit mendapati bagi tempoh 2011 hingga 2013 Syarikat telah menerima keuntungan berjumlah RM1.78 juta. Bagaimanapun keuntungan yang diperoleh bukanlah hasil daripada jualan sagu sahaja memandangkan sumbangan terbesar sejumlah RM0.41 juta pada tahun 2013 diperoleh melalui wang tahanan/ cagaran selain keuntungan Syarikat yang menjalankan perniagaan lain serta faedah yang diterima daripada simpanan bank. Semakan Audit juga mendapati walaupun Syarikat menerima keuntungan untuk tempoh 3 tahun tersebut namun Syarikat masih lagi mengalami kerugian terkumpul berjumlah RM83.47 juta di mana PMSSPSB berjumlah RM57.42 juta dan PDSPSB berjumlah RM26.05 juta. Ini menyebabkan Syarikat masih belum berupaya untuk membayar balik pinjaman kepada Kerajaan Negeri.

4.4.4.2. Maklum balas daripada PELITA bertarikh 27 Ogos 2014, menyatakan bahawa penjualan pokok sagu setakat 2013 belum dapat menampung balik perbelanjaan untuk penanaman pokok sagu. Oleh sebab itu Syarikat mengalami kerugian terkumpul dan belum berupaya untuk membayar balik pinjaman kepada Kerajaan Negeri.

4.4.4.3. Kerajaan Negeri telah meluluskan 15 pinjaman berjumlah RM367.64 juta kepada PELITA untuk melaksanakan projek ladang sagu dengan tempoh bayaran balik antara 10 hingga 15 tahun semenjak tahun 1987 hingga 2013. Daripada jumlah tersebut sejumlah RM247.64 juta merupakan pinjaman yang telah diterima daripada Kerajaan Negeri manakala sejumlah RM19.17 juta merupakan geran kerajaan. Oleh yang demikian, jumlah keseluruhan terimaan peruntukan berupa pinjaman dan geran kerajaan adalah berjumlah RM266.81 juta. Bagi tempoh 2011 hingga 2013 sejumlah RM93.21 juta pinjaman telah diterima daripada Kerajaan Negeri dan tiada geran diterima bagi tempoh tersebut. Analisis Audit mendapati setakat April 2014 pinjaman matang yang perlu dibayar adalah berjumlah RM53.85 juta. Bagaimanapun, setakat akhir tahun 2013 pihak PELITA belum lagi membuat pembayaran balik terhadap pinjaman tersebut. Butiran lanjut pinjaman Kerajaan Negeri dalam projek ladang sagu adalah seperti di **Jadual 4.5**.

Jadual 4.5**Jumlah Pinjaman Yang Diterima Daripada Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2011 Hingga 2013**

Tahun	Terimaan Semasa		Terimaan Terkumpul		Jumlah Terimaan Terkumpul (RM Juta)
	Geran (RM Juta)	Pinjaman (RM Juta)	Geran (RM Juta)	Pinjaman (RM Juta)	
2011	-	58.21	19.17	154.43	231.81
2012	-	35.00	19.17	212.64	266.81
2013	-	-	19.17	247.64	266.81

Sumber: Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah Sarawak

4.4.4.4. Maklum balas daripada PELITA bertarikh 14 Ogos 2014, menyatakan bahawa Pihak PELITA bercadang menstruktur semula bayaran pinjaman yang telah matang setelah mengambil kira tempoh matang pertumbuhan sagu sekurang-kurangnya 15 tahun dari penanaman semula pada tahun 2004. Penanaman semula ini dijangka akan dapat dituai seawal-awalnya pada tahun 2019. Berdasarkan bancian pada tahun 2012 hingga 2013 lebih kurang 50% hingga 60% kawasan tanaman menunjukkan pertumbuhan yang positif. Oleh yang demikian pihak PELITA sedang menyediakan kertas cadangan untuk penjadualan pembayaran pinjaman seawal-awalnya pada tahun 2020. Cadangan ini akan dibentang kepada Lembaga Pengarah PELITA pada bulan Ogos 2014 dan Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri serta pihak *State Loan Restructuring Committee* dalam bulan Oktober tahun 2014.

Pada pendapat Audit, pihak PELITA tidak berupaya untuk membiayai tanggungan kewangan semasa dan gagal membayar pinjaman Kerajaan Negeri yang telah matang.

4.4.5. Pembelian Jengkaut Melebihi Keperluan Penggunaan

4.4.5.1. Seperti dibangkitkan dalam Perenggan 6.4.2.3.a, Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 Siri 3, tujuan pembelian jengkaut adalah untuk mempercepatkan kerja pembinaan parit tambahan dan kerja pemadatan tanah. Menurut justifikasi kertas cadangan bagi pembelian 7 unit jengkaut pada tahun 2009, dianggarkan bahawa keluasan tanah yang dapat dimampatkan dalam tempoh 3 tahun adalah seluas 10,500 hektar iaitu 75% daripada anggaran keluasan seluruh ladang PMSSPSB dan PDSPSB. Bagaimanapun pihak PELITA mendapati proses kerja amat perlahan dan hasil kerja adalah kecil iaitu kira-kira 1 hingga 1.5 hektar sahaja sehari. Ini menyebabkan pihak pengurusan membuat keputusan membeli jengkaut tambahan sebanyak 34 unit lagi bagi mencapai sasaran 13,800 hektar dalam masa 2 tahun (2010 dan 2011). Pihak PELITA telah melakukan perolehan bagi 41 unit jengkaut bagi tempoh 2009 hingga 2012 dengan kos RM11.88 juta dibuat tanpa melalui proses tender. Perolehan 7 unit jengkaut yang dibeli pada tahun 2009 dan 2010 dengan kos sejumlah RM1.96 juta hanya dibuat melalui proses sebut harga manakala 34 unit jengkaut yang dibeli pada tahun 2010 hingga 2012 yang dibeli dengan kos RM9.92 juta dibuat secara pembelian terus dan tanpa justifikasi.

4.4.5.2. Perenggan 6.4.2.3.b dan c, Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 Siri 3 juga melaporkan mengenai penggunaan jengkaut yang tidak digunakan sepenuhnya dan secara optimum. Ini menyebabkan sasaran ditetapkan bagi kerja pembinaan parit dan kerja pemandatan tanah tidak tercapai.

4.4.5.3. **Maklum balas daripada PELITA bertarikh 27 Ogos 2014, menyatakan bahawa jumlah kesemua jengkaut ialah 41 unit di mana 7 unit telah dilupuskan untuk dijual. Daripada 7 unit tersebut 5 unit telah dijual kepada Felcra Urus Estet Sdn. Bhd. dan 2 unit lagi dalam proses penjualan dengan pihak Sarawak Economic Development Corporation. Bagaimanapun 9 unit telah disimpan bagi kegunaan ladang di mana 2 unit untuk Ladang Sagu Mukah, 4 unit untuk Ladang Sagu Sebakong dan 3 unit untuk Ladang Sagu Dalat. Manakala baki 25 unit lagi telah dibawa ke mesyuarat Lembaga Pengarah pada 20 Disember 2013 untuk dilupuskan. Kesemua 25 unit jengkaut tersebut telah dibuat penilaian oleh pihak Jabatan Kerja Raya.**

Pada pendapat Audit, PMSSPSB dan PDSPSB hendaklah mematuhi semua peraturan kewangan dalam melakukan perolehan dan ketidakpatuhan terhadap proses perolehan perlu disiasat dan diambil tindakan segera.

4.5. SYOR AUDIT

Bagi meningkatkan prestasi pelaburan Kerajaan Negeri dalam projek ladang sagu adalah disyorkan supaya Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah (PELITA) mengambil langkah seperti berikut:

4.5.1. Mengkaji semula hala tuju dan pendekatan dalam projek tanaman sagu termasuk menilai semula projek dari segi daya maju dan pulangan ekonominya serta kemungkinan kawasan lain yang bersesuaian dipertimbangkan sekiranya projek ini diteruskan.

4.5.2. Usaha penyelidikan sagu perlu dijalankan secara kolaborasi dengan agensi lain yang mempunyai kepakaran agar hasil kajian yang lebih praktikal dicapai.

4.5.3. Mematuhi semua peraturan kewangan dalam melakukan perolehan dan ketidakpatuhan terhadap proses perolehan perlu disiasat dan diambil tindakan segera.

PERBADANAN PEMBANGUNAN EKONOMI SARAWAK

5. DAMAI GOLF & COUNTRY CLUB BERHAD

5.1. LATAR BELAKANG

5.1.1. Damai Golf & Country Club Berhad (DGCC) ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 8 Mei 1985 dengan nama asalnya Timbercare Berhad. Pada 13 April 1996 ianya telah ditukar nama kepada Damai Golf & Country Club Berhad dengan 99.5% syer dimiliki oleh Damai Beach Golf Course Berhad (DBGC) yang merupakan sebuah syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (PPES). Syarikat DGCC mempunyai modal dibenarkan sejumlah RM10 juta terdiri daripada 9 juta unit saham biasa bernilai RM1 setiap satu dan 10,000 unit saham keutamaan bernilai RM100 setiap satu. Modal berbayar DGCC setakat akhir tahun 2013 adalah sejumlah RM5.12 juta terdiri daripada 5 juta unit saham biasa dan 1,188 unit saham keutamaan. Aktiviti utama DGCC adalah mengurus lapangan golf serta operasi lain yang berkaitan.

5.1.2. Lembaga Pengarah DGCC dipengerusikan oleh seorang ahli daripada Agensi Luar dan dianggotai oleh 3 ahli pegawai PPES. Pengurusan harian DGCC pula diketuai oleh Pengurus Besar dan dibantu seramai 78 pegawai serta kakitangan sokongan setakat bulan April 2014. Sebagai sebuah syarikat yang mana 99.5% syer dimiliki oleh DBGC, DGCC perlu mematuhi peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan peraturan lain yang dikeluarkan oleh Kerajaan.

5.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai prestasi kewangan DGCC, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat adalah memuaskan serta telah dilaksanakan selaras dengan objektif penubuhannya.

5.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan meliputi aspek prestasi kewangan bagi tahun 2011 hingga 2013, pengurusan kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat DGCC bagi tempoh 2011 hingga 2014. Pengauditan ini dijalankan di pejabat berdaftar DGCC iaitu Tingkat 6 - 11, Menara SEDC, Jalan Tunku Abdul Rahman, Kuching dan pejabat operasi DGCC di Damai Beach, Jalan Santubong. Metodologi pengauditan adalah dengan menyemak rekod dan dokumen yang berkaitan serta mengkaji dan menganalisis data. Analisis kewangan syarikat merangkumi analisis trend dan nisbah kewangan dilakukan terhadap penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun 2011 hingga 2013. Selain itu, temu bual dengan pegawai dan kakitangan DGCC, lawatan ke lapangan golf dan pemeriksaan fizikal terhadap aset syarikat turut dijalankan.

5.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan April hingga Mei 2014 mendapati secara keseluruhannya prestasi pengurusan dan tadbir urus korporat DGCC adalah memuaskan. Bagaimanapun bagi prestasi pengurusan kewangannya adalah kurang memuaskan. Damai Golf & Country Club Berhad mencatat kerugian selepas cukai sejumlah RM1.42 juta pada tahun 2011, RM1.94 juta pada tahun 2012 dan RM1.26 juta pada tahun 2013. Syarikat DGCC mencatat kerugian terkumpul sejumlah RM65.59 juta pada tahun 2013. Prestasi pengurusan kewangan boleh dipertingkatkan dengan memberi tumpuan kepada usaha memungut tunggakan pendapatan berjumlah RM1.05 juta dan juga mempergiatkan program pemasaran dan promosi supaya DGCC menjadi destinasi pilihan golf di Sarawak. Secara ringkasnya kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

- Bilangan keahlian DGCC yang tidak aktif dan tidak membayar yuran adalah tinggi iaitu seramai 604 orang.
- Pengurusan pungutan tunggakan adalah kurang memuaskan.

5.4.1. Prestasi Kewangan

Analisis kewangan telah dibuat berdasarkan penyata kewangan DGCC yang telah diaudit bagi tahun 2011 hingga 2013. Analisis trend dan nisbah telah digunakan sebagai pendekatan Audit untuk menilai prestasi kewangan DGCC.

5.4.1.1. Analisis Trend

- a. Analisis Audit terhadap penyata kewangan mendapati DGCC telah mengalami kerugian selepas cukai bagi 3 tahun berturut-turut iaitu sejumlah RM1.42 juta pada tahun 2011, RM1.94 juta pada tahun 2012 dan RM1.26 juta pada tahun 2013. Antara faktor yang menyumbang kepada kerugian syarikat adalah kos susutnilai hartanah, loji dan peralatan yang tinggi iaitu sejumlah RM0.97 juta pada tahun 2011, RM1.12 juta pada tahun 2012 dan RM1.26 juta pada tahun 2013. Analisis Audit seterusnya mendapati DGCC mencatat kerugian terkumpul sejumlah RM62.39 juta pada tahun 2011, RM64.33 juta pada tahun 2012 dan RM65.59 juta pada tahun 2013.
- b. Analisis Audit juga mendapati pendapatan langsung DGCC menunjukkan penurunan sejumlah RM0.33 juta atau 20.3% daripada RM1.64 juta pada tahun 2011 kepada RM1.31 juta pada tahun 2012. Pada tahun 2013, pendapatan langsung telah meningkat sejumlah RM0.54 juta atau 41.6% kepada RM1.85 juta berbanding tahun 2012. Berdasarkan semakan Audit, trend ini adalah disebabkan peningkatan *golfing round* yang mana telah memberi impak positif kepada pendapatan sewa buggy, green fees, makanan dan minuman serta jualan Pro Shop. Butiran pendapatan langsung DGCC bagi tahun 2011 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 5.1**.

Jadual 5.1**Pendapatan Langsung DGCC Bagi Tahun 2011 Hingga 2013**

Bil.	Butiran	Tahun			Jumlah (RM)
		2011 (RM)	2012 (RM)	2013 (RM)	
1.	Yuran Langganan	544,470	538,327	452,379	1,535,176
2.	Sewa Buggy	372,211	262,630	463,576	1,098,417
3.	<i>Green Fees</i>	321,111	202,281	458,752	982,144
4.	Makanan Dan Minuman	233,970	169,692	341,258	744,920
5.	Yuran Keahlian	51,818	47,282	35,401	134,501
6.	<i>Pro Shop</i>	99,648	44,801	86,291	230,740
7.	Lain-lain	15,540	40,955	11,284	67,779
Jumlah		1,638,768	1,305,968	1,848,941	4,793,677



Sumber: Damai Golf & Country Club Berhad

- c. Perbelanjaan langsung DGCC adalah kos jualan dan didapati menunjukkan peningkatan daripada sejumlah RM0.64 juta pada tahun 2011 kepada RM0.68 juta pada tahun 2012 dan RM0.85 juta pada tahun 2013. Perbelanjaan tidak langsung merupakan perbelanjaan pentadbiran, jualan dan operasi serta kos kewangan syarikat. Analisis Audit mendapati perbelanjaan tidak langsung DGCC menunjukkan penurunan sejumlah RM0.29 juta atau 11.2% daripada RM2.58 juta pada tahun 2012 kepada RM2.29 juta pada tahun 2013.
- d. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta kerugian terkumpul DGCC bagi tahun kewangan 2011 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 5.2, Carta 5.1** dan **Carta 5.2**.

Jadual 5.2**Pendapatan, Perbelanjaan Dan Kerugian Terkumpul DGCC****Bagi Tahun 2011 Hingga 2013**

Butiran	Tahun		
	2011 (RM)	2012 (RM)	2013 (RM)
Pendapatan	1,638,768	1,305,968	1,848,941
Perbelanjaan Langsung	640,803	681,760	845,889
Untung Kasar	997,965	624,208	1,003,052
Pendapatan Lain	5,142	13,230	21,113
Perbelanjaan Pentadbiran	1,916,514	2,116,211	1,779,071
Perbelanjaan Jualan Dan Operasi	480,796	456,884	506,589
Rugi Bersih	-1,394,203	-1,935,657	-1,261,495
Kos Kewangan	0	4,999	4,345
Kerugian Sebelum Cukai	-1,394,203	-1,940,656	-1,265,840
Cukai	25,923	0	-9,923
Kerugian Selepas Cukai	-1,420,126	-1,940,656	-1,255,917
Kerugian Terkumpul (RM Juta)	-62.39	-64.33	-65.59

Sumber: Damai Golf & Country Club Berhad



Sumber: Damai Golf & Country Club Berhad

5.4.1.2. Analisis Nisbah

Bagi menilai prestasi kewangan DGCC, analisis nisbah semasa, margin untung bersih, nisbah pulangan atas aset dan nisbah pulangan ke atas ekuiti telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjuk pada Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2011 hingga 2013. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 5.3**.

Jadual 5.3

Analisis Nisbah Kewangan DGCC Bagi Tahun Kewangan 2011 Hingga 2013

Butiran	Tahun Kewangan		
	2011	2012	2013
Nisbah Semasa	0.11:1	0.12:1	0.17:1
Margin Untung Bersih	-85.1%	-148.6%	-68.5%
Nisbah Pulangan Atas Aset	-0.07:1	-0.09:1	-0.06:1
Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	0.03:1	0.04:1	0.02:1

Sumber: Damai Golf & Country Club Berhad

a. Nisbah Semasa

Nisbah ini digunakan untuk mengukur tahap kecairan syarikat dan menunjukkan setakat mana kemampuan syarikat untuk membayar hutang dalam jangka masa pendek. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik kecairan sesebuah syarikat. Norma kedudukan nisbah antara aset semasa dan tanggungan semasa adalah pada kadar 2:1. Analisis Audit mendapati nisbah semasa DGCC bagi tahun kewangan 2011 hingga 2013 adalah 0.11:1, 0.12:1 dan 0.17:1. Berdasarkan perkiraan nisbah ini, tahap kecairan DGCC menunjukkan trend yang lemah iaitu syarikat kurang berupaya dan perlu bergantung kepada suntikan dana daripada

syarikat induk untuk menampung tanggungan dalam jangka masa pendek bagi tahun kewangan diaudit.

b. Margin Untung Bersih

Nisbah ini menunjukkan keberkesanan aktiviti urus niaga dan keupayaan syarikat menjana keuntungan. Pada umumnya lebih tinggi nisbah kedudukan syarikat adalah lebih baik iaitu syarikat berjaya meningkatkan keuntungan daripada setiap ringgit jualan. Analisis Audit mendapati DGCC mengalami kerugian bagi 3 tahun berturut-turut dan margin rugi bersih adalah sebanyak 85.1% pada tahun 2011, 148.6% pada tahun 2012 dan 68.5% pada tahun 2013. Berdasarkan margin negatif yang diperoleh menunjukkan pengurusan operasi DGCC adalah kurang efektif kerana menunjukkan pendapatan hasil syarikat yang tidak stabil.

c. Nisbah Pulangan Atas Aset

Nisbah ini mengukur pulangan yang diperoleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Pada umumnya lebih tinggi nisbah adalah lebih baik kerana ia menunjukkan syarikat semakin cekap dan produktif dalam meningkatkan keuntungan daripada penggunaan aset. Analisis Audit mendapati nisbah pulangan atas aset DGCC adalah -0.07:1 pada tahun 2011, -0.09:1 pada tahun 2012 dan -0.06:1 pada tahun 2013. Analisis Audit seterusnya mendapati nilai aset tetap DGCC berkurang sejumlah RM0.39 juta atau 1.9% daripada sejumlah RM20.43 juta pada tahun 2012 kepada RM20.04 juta pada tahun 2013. Bagaimanapun, aset semasa DGCC menunjukkan peningkatan sejumlah RM0.49 juta atau 40.6% daripada sejumlah RM1.21 juta kepada RM1.70 juta bagi tempoh kewangan sama. Analisis Audit juga mendapati kerugian bersih syarikat menunjukkan penurunan sejumlah RM0.68 juta atau 35.3% daripada RM1.94 juta pada tahun 2012 kepada RM1.26 juta pada tahun 2013. Berdasarkan perkiraan ini, dapat dirumuskan bahawa DGCC masih kurang cekap untuk menjana pulangan bersih daripada pelaburan aset syarikat.

d. Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti

Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah adalah semakin baik kerana ia memberi gambaran bahawa syarikat berupaya menghasilkan keuntungan yang lebih tinggi. Analisis Audit mendapati DGCC dapat menghasilkan pulangan ke atas ekuiti untuk 3 tahun berturut-turut iaitu pada nisbah 0.03:1 pada tahun 2011, 0.04:1 pada tahun 2012 dan 0.02:1 pada tahun 2013. Bagaimanapun, kadar nisbah yang diperoleh adalah rendah disebabkan DGCC mengalami kerugian terkumpul yang meningkat setiap tahun.

5.4.1.3. Maklum balas daripada DGCC bertarikh 21 Julai 2014, menyatakan antara usaha yang sedang dan akan dijalankan untuk menambah baik kedudukan kewangan DGCC adalah menambah bilangan keahlian dengan mensasarkan penjawat awam, kakitangan sektor korporat/swasta dan individu yang bekerja sendiri dengan pakej golf yang kompetitif, mempertingkatkan aktiviti golf dengan menganjurkan lebih banyak kejohanan golf di peringkat dalaman bagi menarik lebih ramai ahli dan bukan ahli untuk bermain, mempertingkatkan kerjasama yang lebih erat dengan pengusaha syarikat/agensi pelancongan tempatan untuk memasarkan pakej golf yang disediakan dan menaikkan yuran langganan serta yuran buggy untuk ahli DGCC dan juga menaikkan harga pakej-pakej golf istimewa yang ditawarkan kepada bukan ahli dan syarikat pelancongan pada kadar yang berpatutan.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhan prestasi kewangan Damai Golf & Country Club Berhad adalah kurang memuaskan kerana mencatat kerugian untuk 3 tahun berturut-turut dengan kerugian terkumpul pada akhir tahun 2013 adalah berjumlah RM65.59 juta.

5.4.2. Pengurusan Aktiviti

Aktiviti utama DGCC adalah memiliki dan mengurus lapangan golf dan aktiviti lain yang berkaitan dengan permainan golf. Ini termasuklah menyediakan dan menyenggara kemudahan seperti padang golf dengan kapasiti permainan 18 lubang yang menepati piawaian pertandingan dalam dan luar negara, kenderaan buggy, pro shop, kafeteria, pondok rehat dan kemudahan lain seperti kolam renang serta gelanggang tennis. Punca pendapatan utama DGCC pula adalah yuran langganan, sewa buggy, green fees, makanan dan minuman serta yuran keahlian untuk menjadi ahli kelab DGCC. Semakan Audit terhadap aktiviti syarikat mendapati perkara berikut:

5.4.2.1. Prestasi Syarikat

- a. Damai Golf & Country Club Berhad mengadakan pelbagai promosi yang mensasarkan *golfing groups*, memberi kadar promosi kepada ahli dan bukan ahli secara bulanan dan mingguan, menerbitkan buletin *Damai Golf Escape* dan sebagainya. Syarikat DGCC juga mengadakan *relaunch blitz*, berkerjasama dengan kumpulan Riadiah SEDC dan mempelawa pertubuhan penerbitan berkaitan aktiviti golf untuk melawat lapangan golf DGCC bagi memperkenalkan dan mempromosi lapangan golf DGCC. Damai Golf & Country Club Berhad juga berusaha untuk menambah dan mendapat keahlian DGCC melalui pakej menarik kepada kakitangan pertubuhan/Agensi Kerajaan dan swasta. Bagi mencapai objektif untuk menjadi destinasi pilihan permainan golf, pihak DGCC berusaha untuk memperbaiki dan meningkatkan tahap perkhidmatan yang sedia ada.

- b. Semakan Audit terhadap laporan prestasi kewangan yang disediakan oleh DGCC mendapati *golfing round* telah menurun pada tahun 2012 sebanyak 4,322 pusingan atau 28.4% iaitu sebanyak 10,883 pusingan berbanding 15,205 pusingan pada tahun 2011. Ini disebabkan kerja menaik taraf padang golf dengan kos sejumlah RM2.52 juta yang mula dilaksanakan pada bulan Julai 2011 bagi tempoh 24 bulan menggunakan rumput yang berkualiti jenis Satiri Superdwarf dan kerja membaik pulih *bunker* serta *fairway* lapangan golf yang siap sepenuhnya pada bulan Jun 2013. Bagaimanapun semakan Audit seterusnya mendapati *golfing round* ini telah meningkat semula sebanyak 6,865 pusingan atau 63.1% kepada 17,748 pusingan pada tahun 2013. Butiran bagi sasaran dan pencapaian *golfing round* DGCC bagi tahun 2011 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 5.4**.

Jadual 5.4
Sasaran Dan Pencapaian Golfing Round DGCC
Bagi Tahun 2011 Hingga 2013

Butiran	Tahun		
	2011	2012	2013
Sasaran	7,877	17,103	13,647
Pencapaian	15,205	10,883	17,748
Varian	7,328	-6,220	4,101
Peratusan (%)	93.0	-36.4	30.1

Sumber: Damai Golf & Country Club Berhad

- c. **Maklum balas daripada DGCC bertarikh 21 Julai 2014**, menyatakan bahawa DGCC ditubuhkan bukan dengan tujuan/objektif yang berlandaskan keuntungan tetapi dengan objektif yang berunsurkan sosio ekonomi untuk pembangunan Negeri Sarawak dengan objektif utama sebagai salah satu projek dalam Pelan Rancangan Pembangunan “Damai MasterPlan” iaitu untuk mengembangkan kawasan Damai, Santubong sebagai salah satu destinasi pelancongan yang terkenal di samping untuk menyokong pembangunan sukan golf di Sarawak. Selain itu, berdasarkan perancangan kewangan yang disediakan, pihak pengurusan menjangka DGCC dapat merekodkan keuntungan daripada aktiviti yang dijalankan dalam tempoh 5 tahun lagi iaitu pada tahun 2019. Berdasarkan unjuran perancangan kewangan selama tempoh 5 tahun iaitu dari tahun 2015 sehingga 2019, DGCC dijangka akan memperoleh keuntungan sebelum cukai sebanyak RM218,963 pada tahun 2019 berbanding 4 tahun sebelumnya iaitu 6% daripada perolehan tahunan tahun 2019.

5.4.2.2. Bilangan Keahlian DGCC Yang Tidak Aktif Tinggi

- a. Semakan Audit mendapati punca pendapatan utama DGCC adalah daripada yuran langganan dan keahlian kelab golf DGCC. Berdasarkan analisis Audit, DGCC memperoleh pendapatan yuran langganan dan keahlian kelab golf sejumlah RM1.71 juta bagi 3 tahun iaitu sejumlah RM0.60 juta atau 35.1% pada tahun 2011, RM0.59 juta atau 34.5% pada tahun 2012 dan RM0.52 juta atau 30.4% pada tahun 2013. Bagaimanapun trend menunjukkan pendapatan tersebut telah menurun untuk tempoh

3 tahun berturut-turut. Semakan Audit seterusnya mendapati keahlian DGCC pada akhir tahun 2013 menunjukkan penurunan sebanyak 64 ahli atau 7.7% iaitu sebanyak 772 ahli berbanding 836 ahli pada akhir tahun 2012. Semakan Audit terhadap bilangan ahli juga mendapati DGCC menghadapi kesukaran untuk mengekalkan keahlian ahli kelab yang sedia ada selain syarikat terus berusaha memperoleh ahli baru. Ini disebabkan bilangan ahli yang melanjutkan tempoh sah laku keahlian adalah kurang berbanding ahli yang telah tamat tempoh keahlian. Bagaimanapun, adalah didapati trend kemasukan ahli baru menunjukkan peningkatan yang baik iaitu sebanyak 51 ahli berbanding 24 ahli bagi tempoh yang sama pada tahun 2012. Butiran bilangan keahlian ahli kelab pada akhir tahun, keahlian lput, keahlian diperbaharui dan keahlian baru dalam tahun adalah seperti di **Jadual 5.5**.

Jadual 5.5

Analisis Bilangan Keahlian DGCC Mengikut Tahun

Butiran	Bilangan Keahlian DGCC		
	2011	2012	2013
Jumlah Keahlian Akhir Tahun	836	836	772
Keahlian Lput Dalam Tahun	47	61	165
Keahlian Diperbaharui Dalam Tahun	21	37	50
Keahlian Baru Dalam Tahun	29	24	51

Sumber: Damai Golf & Country Club Berhad

- b. Analisis Audit terhadap *membership expiry list* bagi bulan April 2014 mendapati sebanyak 604 ahli atau 59.4% daripada jumlah 1,016 ahli adalah merupakan ahli tidak aktif yang mana proses penamatan keahlian sedang diambil disebabkan ahli tidak membayar caruman keahlian seperti di **Jadual 5.6**.

Jadual 5.6

Status Keahlian Setakat Bulan April 2014 Mengikut Kategori

Bil.	Butiran	Bilangan Keahlian DGCC					
		Jumlah Keahlian	Ahli Aktif	Ditamatkan Keahlian	Digantung Keahlian	Ditangguh Keahlian	Luar Kawasan
1.	<i>Ordinary Life Membership</i>	407	184	98	-	-	125
2.	<i>Ordinary Life Membership – Corporate</i>	88	76	12	-	-	-
3.	<i>Term Membership – Installment Plan</i>	238	34	170	8	26	-
4.	<i>Term Membership – Corporate</i>	129	17	112	-	-	-
5.	<i>Term Membership – Government</i>	140	87	53	-	-	-
6.	<i>Term Membership – Pensioner</i>	7	7	-	-	-	-
7.	<i>SEDC Staff</i>	7	7	-	-	-	-
Jumlah Ahli		1,016	412	445	8	26	125
Peratusan (%)		100	40.6	43.8	0.8	2.5	12.3

Sumber: Damai Golf & Country Club Berhad

- c. **Maklum balas daripada DGCC bertarikh 21 Julai 2014, menyatakan bahawa DGCC mengambil langkah untuk mengekalkan jumlah keahlian sedia ada dan merangka strategi untuk menarik lebih ramai lagi keahlian baru mendaftar dengan DGCC. Untuk tujuan ini, DGCC telah menaik taraf padang golf yang telah siap sepenuhnya pada bulan Jun 2013, memohon dana untuk membaik pulih bilik persalinan, kolam renang, gelanggang tennis, kafeteria dan dewan acara selain memasarkan skim keahlian tahunan individu kepada sektor korporat dan swasta bagi mengurangkan kebergantungan kewangan kelab untuk operasi harian dari bayaran yuran langganan yang diterima daripada ahli seumur hidup.**

5.4.2.3. Tunggakan Pendapatan Adalah Tinggi

- a. Semakan Audit mendapati jumlah tunggakan pendapatan setakat bulan Mac 2014 sejumlah RM1.05 juta di dalam Akaun Belum Terima adalah sebahagian besarnya merupakan caruman yuran langganan dan jumlah ini adalah tidak termasuk tunggakan oleh pemilik syarikat dan syarikat bersekutu berjumlah RM0.57 juta. Semakan Audit terhadap rekod pungutan tunggakan seterusnya mendapati tunggakan yuran langganan adalah tinggi iaitu melibatkan seramai 396 ahli dengan amaun tunggakan sejumlah RM828,980. Mengikut rekod yang diselenggara oleh DGCC, seramai 149 ahli atau 37.6% telah membuat bayaran penuh ataupun sebahagian daripada jumlah tunggakan sedia ada manakala seramai 247 ahli atau 62.4% dengan tunggakan sejumlah RM701,544 belum membuat apa-apa bayaran. Semakan Audit juga mendapati tunggakan pendapatan berlaku seawal tahun 2004 manakala tindakan untuk memungut tunggakan telah dilakukan mulai tahun 2012 yang mana surat peringatan dan surat guaman dikeluarkan kepada ahli yang gagal membuat bayaran. Setakat tarikh pemeriksaan Audit tiada sebarang kemajuan diperhatikan. Adalah didapati pihak pengurusan DGCC pada tahun 2012 juga telah mengambil tindakan menamatkan keahlian dan juga tindakan mahkamah terhadap ahli yang gagal membuat bayaran tunggakan. Butiran mengenai perumuran penghutang dan rekod tunggakan keahlian setakat bulan Mac 2014 adalah seperti di **Jadual 5.7** dan **Jadual 5.8**.

Jadual 5.7

Perumuran Penghutang Setakat Bulan Mac 2014

Bil.	Kategori	Jumlah Hutang (RM)	(%)	0-30 Hari (RM)	(%)	30-60 Hari (RM)	(%)	60-90 Hari (RM)	(%)	> 90 hari (RM)	(%)
1.	Govt Term Membership Fee	(41,068)	-3.9	886	1.3	439	1.5	91	0.3	(42,484)	-4.6
2.	Subscription Fees	920,810	87.7	22,038	33.1	22,168	73.6	18,813	56.5	857,791	93.2
3.	SEDC	84,070	8.0	121	0.2	-	0	-	0	83,949	9.1
4.	Other Debtors	3,666	0.3	1,596	2.4	1,546	5.1	112	0.3	412	0
5.	Credit Cards	58,264	5.5	41,493	62.3	5,966	19.8	10,028	30.1	777	0.1
6.	Trade Debtors	24,408	2.3	465	0.7	-	0	4,240	12.7	19,702	21
Jumlah		1,050,150	100	66,599	100	30,119	100	33,284	100	920,147	100
Peratusan (%)		100		6.3		2.9		3.2		87.6	

Sumber: Damai Golf & Country Club Berhad

Jadual 5.8
Rekod Tunggakan Keahilan Setakat Bulan Mac 2014

Bil.	Kategori Ahli	Bilangan Ahli Belum Bayar	Jumlah Tunggakan (RM)
Ahli Yang Tidak Membayar Tunggakan			
1.	Ahli Korporat	13	39,157.30
2.	Ahli Individu	74	352,281.58
3.	<i>Installment Term Membership</i>	160	310,105.70
	Jumlah	247	701,544.58
Ahli Yang Membayar Balik Sebahagian Tunggakan			
1.	Ahli Korporat	2	4,022.60
2.	Penjawat Awam	12	2,940.00
3.	Ahli Individu	89	82,464.38
4.	<i>Installment Term Membership</i>	46	38,008.60
	Jumlah	149	127,435.58
	Jumlah Tunggakan Keseluruhan	396	828,980.16

Sumber: Damai Golf & Country Club Berhad

- b. **Maklum balas daripada DGCC bertarikh 21 Julai 2014, menyatakan usaha untuk memungut tunggakan yuran telah diambil pada tahun 2012. Walau bagaimanapun, usaha-usaha ini kurang efektif. Status terkini jumlah tunggakan pendapatan setakat 30 Jun 2014 adalah sejumlah RM867,776. Bagaimanapun sejumlah RM280,298 daripada jumlah hutang yang direkodkan bagi tempoh masa lebih 90 hari telah berjaya diselesaikan yang menunjukkan pengurangan jumlah hutang sekurang-kurangnya 32%.**

5.4.2.4. Perkhidmatan Kenderaan Buggy

- a. Permainan golf yang dijalankan di DGCC banyak dipengaruhi oleh bilangan buggy yang sedia ada. Bagi tempoh 2010 hingga 2012, DGCC memperoleh pendapatan sejumlah RM1 juta atau 22.9% daripada sejumlah RM4.40 juta pendapatan keseluruhan DGCC daripada perkhidmatan buggy yang disediakan. Semakan Audit mendapati DGCC telah membuat perolehan sebanyak 81 unit buggy iaitu sebanyak 21 unit pada tahun 1995, 40 unit pada tahun 2005 dan 20 unit buggy terpakai pada tahun 2013. Semakan Audit setakat 7 Mei 2014 seterusnya mendapati DGCC hanya mempunyai sebanyak 62 unit buggy yang berkeadaan baik dan boleh digunakan manakala sebanyak 19 unit buggy lagi telah rosak dan diambil tindakan pelupusan. Ini menyebabkan DGCC menghadapi kekangan menyediakan perkhidmatan kenderaan buggy sekiranya ingin menganjurkan sesuatu kejohanan besar. Setakat ini DGCC hanya mampu menganjurkan kejohanan yang melibatkan peserta tidak melebihi 120 peserta. Kenderaan buggy DGCC yang disediakan dan juga unit buggy yang telah rosak adalah seperti di **Gambar 5.1** dan **Gambar 5.2**.

Gambar 5.1
Pekerja DGCC Sedang Membuat Penyenggaraan Kenderaan Buggy



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Damai Golf & Country Club Berhad
Tarikh: 7 Mei 2014

Gambar 5.2
Sebahagian Kenderaan Buggy Yang Telah Rosak Dan Dilupuskan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Damai Golf & Country Club Berhad
Tarikh: 7 Mei 2014

- b. **Maklum balas daripada DGCC bertarikh 21 Julai 2014, menyatakan bahawa buggy yang dimiliki oleh DGCC pada masa ini adalah mencukupi untuk operasi harian. Sekiranya ada kejohanan besar yang memerlukan buggy tambahan, pihak DGCC akan mencari sumber dari luar seperti menyewa dari kelab golf lain untuk memenuhi kehendak kejohanan.**

Pada pendapat Audit, pihak DGCC perlu mempertingkatkan usaha untuk menarik lebih ramai lagi pelanggan untuk menjadi ahli DGCC di samping berusaha untuk memungut tunggakan pendapatan sedia ada. Selain itu, pihak DGCC juga perlu mempelbagaikan peluang menjana sumber pendapatan seperti menawarkan pakej jamuan makan malam dan sebagainya untuk menambah pendapatan syarikat.

5.4.3. Tadbir Urus Korporat

Sesebuah organisasi perlu mempunyai tadbir urus korporat yang baik dalam usaha mencapai matlamat dan visi serta meningkatkan integriti syarikat. Tadbir urus korporat adalah penting bagi membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektif, membolehkan operasi syarikat diurus dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab serta mengukuhkan imej syarikat dan mewujudkan budaya kerja yang sihat. Sebagai sebuah syarikat yang dimiliki oleh PPES, DGCC tertakluk kepada Akta Syarikat 1965, peraturan yang dikeluarkan oleh PPES dan Kerajaan Negeri, pekeliling berkaitan pengurusan syarikat Kerajaan serta polisi dan peraturan dalaman syarikat.

5.4.3.1. Mesyuarat Lembaga Pengarah

Mengikut amalan terbaik seperti yang dinyatakan pada Buku Hijau Program Tranformasi GLC, Lembaga Pengarah digalakkan bermesyuarat sekurang-kurangnya 4 kali setahun bagi menilai prestasi dan arah tuju syarikat. Semakan Audit mendapati Lembaga Pengarah DGCC telah bermesyuarat sebanyak 10 kali bagi tempoh 2011 hingga 2013

iaitu 4 kali bagi tahun 2011 dan masing-masing 3 kali bagi tahun 2012 dan 2013. Semakan Audit seterusnya mendapati bagi tahun 2014 sehingga ke tarikh audit dijalankan, mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan sekali sahaja iaitu pada 27 Mac 2014.

5.4.3.2. Rancangan Korporat

Mengikut amalan terbaik seperti yang dinyatakan pada Buku Biru Program Transformasi GLC, syarikat hendaklah menyediakan rancangan korporat berserta matlamat dan petunjuk prestasi yang jelas bagi tempoh jangka pendek dan jangka panjang. Semakan Audit mendapati DGCC ada menyediakan rancangan korporat jangka pendek dan jangka panjang berserta petunjuk prestasi utama bagi melaksanakan aktivitinya.

5.4.3.3. Standard Operating Procedures

Syarikat perlu menyediakan *Standard Operating Procedures* (SOP) untuk dijadikan panduan semasa mengurus dan mengawal urusan kewangan serta operasi syarikat. Semakan Audit mendapati DGCC ada menyediakan SOP untuk kegunaan syarikat, antaranya prosedur berkaitan dengan kewangan, perolehan, pengurusan aset dan stor syarikat.

5.4.3.4. Jawatankuasa Audit Dan Unit Audit Dalam

Mengikut amalan terbaik seperti yang dinyatakan pada Buku Hijau Program Transformasi GLC, syarikat hendaklah menujuhkan Jawatankuasa Audit bagi memastikan pematuhan terhadap kawalan dalaman pengurusan kewangan dan aktiviti syarikat. Unit Audit Dalam berperanan merancang dan melaksana pengauditan serta menyediakan laporan kepada Jawatankuasa Audit bagi memastikan sama ada wujudnya kawalan dalaman yang berkesan dalam pengurusan sesebuah organisasi. Semakan Audit mendapati DGCC menggunakan khidmat Unit Audit Dalam PPES bagi merancang, melaksana serta menyediakan laporan pengauditan dan semua isu Audit dibincang di peringkat Jawatankuasa Audit PPES. Semakan Audit seterusnya mendapati kali terakhir pengauditan dijalankan ke atas DGCC oleh Unit Audit Dalam PPES adalah pada bulan Julai 2013.

5.4.3.5. Pembayaran Dividen

Menurut Akta Syarikat 1965, dividen perlu dibayar kepada pemegang saham daripada sebahagian keuntungan syarikat yang diperoleh bagi sesuatu tahun kewangan syarikat berkenaan. Semakan Audit mendapati DGCC tidak membayar dividen kepada PPES bagi tahun kewangan 2010 hingga 2012 disebabkan syarikat tidak memperoleh keuntungan.

5.4.3.6. *Integrity Pact* Dalam Pengurusan Perolehan

Pelaksanaan *Integrity Pact* dalam perolehan Kerajaan merupakan salah satu inisiatif di bawah *National Key Result Area – Corruption*. *Integrity Pact* merupakan satu konsep yang diperkenalkan oleh *Transparency International* bagi membantu Kerajaan, Institusi Perniagaan dan Masyarakat Umum dalam usaha membendung rasuah dalam perolehan Kerajaan. Semakan Audit terhadap pengurusan perolehan mendapati DGCC telah melaksanakan *Integrity Pact* dalam pengurusan perolehan sejak tahun 2008.

5.4.3.7. Pengurusan Kewangan

Akta syarikat 1965 telah menetapkan elemen penting yang perlu dipatuhi untuk memastikan pengurusan kewangan syarikat diurus dengan baik. Antaranya mengandungi perkara berkaitan dengan sistem kawalan dalaman, penyimpanan akaun dan pengurusan aset. Semakan Audit yang dijalankan mendapati pengurusan kewangan DGCC adalah teratur dan memuaskan kecuali terdapat kelemahan dalam pengurusan tunggakan pendapatan syarikat. Rekod dan dokumen berkaitan telah diselenggarakan dengan lengkap dan kemaskini.

Pada pendapat Audit, pihak DGCC perlu mempertingkatkan usaha untuk memungut tunggakan pendapatan dan melaksanakan perancangan yang telah disasarkan supaya DGCC dapat terus maju dan bersaing di pasaran.

5.5. SYOR AUDIT

Sebagai langkah penambahbaikan dan memantapkan lagi operasi serta prestasi syarikat selaras dengan objektif penubuhannya, pengurusan Damai Golf & Country Club Berhad adalah disyorkan mengambil tindakan seperti berikut:

5.5.1. Mempertingkatkan usaha untuk mengekalkan keahlian sedia ada dan menarik lebih ramai lagi pelanggan untuk menjadi ahli Damai Golf & Country Club Berhad. Damai Golf & Country Club Berhad juga perlu menggandakan usaha untuk mempromosi dan memasarkan pakej-pakej golf istimewa kepada penjawat awam, kakitangan sektor korporat dan individu lain dalam dan luar Negara supaya Damai Golf & Country Club Berhad menjadi pilihan untuk destinasi golf di Sarawak.

5.5.2. Mempertingkatkan usaha untuk memungut tunggakan keahlian kelab di samping mempelbagaikan sumber pendapatan sedia ada supaya Damai Golf & Country Club Berhad mampu berkembang dan bersaing di pasaran.

5.5.3. Mengkal dan mengamalkan tadbir urus yang baik secara berterusan supaya Damai Golf & Country Club Berhad dapat menjadi contoh pengurusan syarikat yang berkaliber di Sarawak.

PERBADANAN KEMAJUAN PERUSAHAAN KAYU SARAWAK

6. TANJUNG MANIS INTEGRATED PORT SDN. BHD.

6.1. LATAR BELAKANG

6.1.1. Tanjung Manis Integrated Port Sdn. Bhd. (TMP) yang telah diperbadankan pada 12 Julai 2007 sebelum ini dikenali sebagai ASSAR Senari Port Dua Sdn. Bhd. dan telah ditukar nama pada 25 September 2008. Sebelum Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA) mengambil alih 100% pegangan saham ke atas TMP dalam tahun 2009, TMP dimiliki bersama Assar Senari Group Sdn. Bhd. (ASG) dengan ekuiti 30% dan PUSAKA 70%. Selaras dengan Bahagian III Seksyen 12 (2) (a) Ordinan Pihak Berkuasa Pelabuhan 1961, Kerajaan Negeri Sarawak pada 26 Februari 2009 telah melantik Tanjung Manis Integrated Port Sdn. Bhd. sebagai operator pelabuhan bagi pihak Lembaga Pelabuhan Rajang (LPR). Tanjung Manis Integrated Port Sdn. Bhd. mula beroperasi pada 1 Julai 2009. Mulai Mei 2013, TMP telah dilantik oleh kerajaan sebagai operator pelabuhan kepada Lembaga Pelabuhan Tanjung Manis yang baru ditubuhkan dalam bulan Julai 2012.

6.1.2. Modal dibenar bagi TMP adalah RM50 juta dan modal berbayar berjumlah RM20 juta. Aktiviti utama TMP adalah untuk mengoperasi, mentadbir dan mengurus terminal Tanjung Manis. Objektif penubuhan TMP adalah untuk melengkapi Pelabuhan Negeri dan menambah aktiviti-aktiviti pelabuhan sebagai transit keluar dan masuk (*in-bound and out-bound transit*) kapal bagi wilayah tengah. Bagi tempoh 2011 hingga 2013, jumlah nilai pengisytiharan oleh Jabatan Kastam Di Raja Malaysia di TMP bagi barang import berjumlah RM571.95 juta manakala bagi barang eksport berjumlah RM8.20 bilion. Selain menjadi hab pengagihan barang, kewujudan TMP juga sebagai landasan bagi menampung pembangunan utama Sarawak Corridor Of Renewable Energy (SCORE) serta memenuhi keperluan pelbagai industri sejajar dengan penempatan semula terminal minyak, gas dan kimia dari Sg. Merah, Sibu ke Tanjung Manis serta menyokong pembangunan industri perkayuan, *Palm Oil Industrial Cluster* (POIC), industri pembinaan kapal di Taman Perindustrian Tanjung Manis, Hab Halal, mempromosikan TMP sebagai *Port Of Choice* di Sarawak serta penubuhan *Free Commercial Zone* (FCZ) menjelang tahun 2018.

6.1.3. Pada tahun 2013, TMP mempunyai 5 ahli Lembaga Pengarah yang dipengerusi oleh Pengurus Besar PUSAKA dan dianggotai oleh 4 ahli lain. Operasi harian TMP diurus oleh Kumpulan Pengurusan yang dianggotai oleh 8 pegawai iaitu Pengarah Eksekutif, Penolong Pengurus Besar (Operasi dan Teknikal), Pemangku Penolong Pengurus Besar (Pentadbiran dan Kewangan), Penolong Pengurus Besar (Keselamatan, Sekuriti dan Jaminan Kualiti), Pengurus Operasi, Akauntan, Pengurus Jurutera dan Pengurus Tadbir dan Korporat serta dibantu oleh 76 kakitangan dan 6 pekerja am.

6.1.4 Tanjung Manis Integrated Port Sdn. Bhd. telah menerima pengiktirafan dan anugerah seperti *International Ship and Port Facility Security (ISPS) Code Compliance* pada 14 Februari 2011; *Quality Environment Management (5s)* pada 20 Februari 2012, *Occupational Safety and Health Management System (OHSAS) 18001:2007* pada 21 Jun 2012 dan *Quality Management System (QMS) 9001:2008* pada bulan Februari 2014.

6.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai prestasi kewangan TMP, pengurusan aktiviti dan pengurusan kewangan serta tadbir urus korporat adalah memuaskan dan telah dilaksanakan selaras dengan objektif penubuhannya.

6.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan meliputi aspek prestasi kewangan bagi tahun 2011 hingga 2013, pengurusan kewangan, pengurusan aktiviti syarikat dan tadbir urus korporat TMP bagi tempoh 2011 hingga 2013. Pengauditan dijalankan di pejabat korporat dan di pelabuhan TMP. Metodologi pengauditan adalah dengan menyemak rekod dan dokumen yang berkaitan serta mengkaji dan menganalisis data. Analisis kewangan syarikat merangkumi analisis trend dan nisbah kewangan berasaskan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun 2011 hingga 2013. Selain itu, temu bual dengan pegawai TMP, lawatan ke pelabuhan, Terminal Pengedaran Minyak Tanjung Manis, Inland Depot, dermaga, stor penyimpanan kontena dan pemeriksaan fizikal terhadap aset syarikat turut dijalankan.

6.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan April hingga Mei 2014 mendapati secara keseluruhan pengurusan aktiviti TMP, prestasi kewangan, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan TPM adalah memuaskan. Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan aktiviti dan tadbir urus yang perlu ditambah baik. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah seperti berikut:

- Hutang dagangan semakin meningkat dan pada akhir tahun 2013 bernilai RM3.65 juta.
- Kos operasi semakin meningkat iaitu 33% dalam tahun 2013 berbanding dengan tahun 2012.
- *Port Management System* masih lagi beroperasi secara *parallel run* sejak tahun 2012.
- Perolehan yang tidak mematuhi prosedur kewangan.

6.4.1. Prestasi Kewangan

Analisis kewangan dibuat berdasarkan Penyata Kewangan TMP yang telah diaudit bagi tahun 2011 hingga 2013. Analisis trend dan analisis nisbah kewangan telah digunakan sebagai pendekatan Audit untuk menilai prestasi kewangan TMP.

6.4.1.1. Analisis Trend


a. Analisis Keuntungan

Analisis Audit terhadap penyata kewangan mendapati TMP telah mencatat kerugian selepas cukai bagi tahun 2011 dan 2012 iaitu RM6.09 juta pada tahun 2011 dan RM4.87 juta pada tahun 2012. Kerugian terkumpul telah meningkat dari sejumlah RM16.87 juta pada tahun 2011 menjadi RM21.74 juta pada tahun 2012 tetapi menurun sebanyak 3.2% pada tahun 2013 kepada kerugian terkumpul berjumlah RM21.04 juta. Ini disebabkan syarikat telah mula mencatatkan keuntungan selepas cukai pada tahun 2013 berjumlah RM0.70 juta. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta kerugian terkumpul TMP bagi tahun 2011 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 6.1, Carta 6.1** dan **Carta 6.2**.

Jadual 6.1
Pendapatan, Perbelanjaan Dan Kerugian Terkumpul TMP
Bagi Tahun 2011 Hingga 2013

Butiran	Tahun		
	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
Pendapatan Langsung	8.09	15.04	22.69
Perbelanjaan Langsung	-10.72	-13.20	-12.65
Untung/Rugi Kasar	-2.63	1.84	10.04
Pendapatan Lain	0.02	0.01	0.03
Perbelanjaan Tak Langsung	-3.47	-6.72	-9.36
Keuntungan/Kerugian Sebelum Cukai	-6.08	-4.87	0.71
Cukai	-0.01	-	-0.01
Keuntungan/Kerugian Selepas Cukai	-6.09	-4.87	0.70
Kerugian Terkumpul Selepas Cukai	-16.87	-21.74	-21.04

Sumber: Tanjung Manis Integrated Port Sdn. Bhd.



Sumber: Tanjung Manis Integrated Port Sdn. Bhd.

b. Analisis Pendapatan Langsung

Pendapatan langsung TMP adalah hasil kutipan daripada perkhidmatan yang diberikan kepada pengguna pelabuhan. Semakan Audit terhadap penyata kewangan TMP mendapati pendapatan langsung syarikat meningkat iaitu berjumlah RM8.09 juta, RM15.04 juta dan RM22.69 juta pada tahun 2011, 2012 dan 2013 seperti di **Jadual 6.2**.

Jadual 6.2
Pendapatan Langsung TMP Bagi Tahun 2011 Hingga 2013

Butiran	Tahun		
	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
Dermaga	1.96	2.59	4.22
Pengendalian Barang	1.47	2.41	3.57
Tunda Di Pelabuhan	0.22	0.54	1.42
Kren	0.72	1.08	1.85
Pengendalian Tongkang Tunda	1.52	3.64	4.30
Menerima, Menyusun Dan Menghantar	0.44	0.36	0.72
Lain-Lain	1.62	2.06	1.25
Minyak, Gas Dan Kimia	0.14	2.24	3.55
Depot	-	0.12	1.81
Jumlah	8.09	15.04	22.69

Sumber: Tanjung Manis Integrated Port Sdn. Bhd.

c. Analisis Perbelanjaan Langsung

- Semakan Audit terhadap penyata kewangan TMP mendapati perbelanjaan langsung syarikat berjumlah RM10.72 juta, RM13.20 juta dan RM12.65 juta pada tahun 2011, 2012 dan 2013. Butiran lanjut perbelanjaan langsung TMP bagi tahun 2011 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 6.3**.

Jadual 6.3
Perbelanjaan Langsung TMP Bagi Tahun 2011 Hingga 2013

Butiran	Tahun		
	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
Barging and Marine Operation	2.49	2.52	2.24
Cargo Handling Fees	0.02	0.07	0.43
Fuel, Oil and Lubricant	0.95	2.59	2.69
Mooring Expenses	0.01	-	-
Oil, Gas & Chemical Operational Cost	-	1.68	1.53
Port Handling Equipment	6.00	5.40	5.16
Stevedoring Services	1.16	0.94	0.60
Tally and Checker services	0.09	-	-
Jumlah	10.72	13.20	12.65

Sumber: Tanjung Manis Integrated Port Sdn. Bhd.

- ii. Analisis Audit mendapati TMP telah mencatatkan rugi kasar bagi tahun 2011 berjumlah RM2.63 juta. Bagaimanapun, syarikat telah mencatatkan untung kasar berjumlah RM1.84 juta pada tahun 2012 dan RM10.04 juta pada tahun 2013. Butiran lanjut untung kasar TMP bagi tempoh 2011 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 6.4**.

Jadual 6.4
Untung/Rugi Kasar TMP Bagi Tahun 2011 Hingga 2013

Butiran	Tahun		
	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)
Pendapatan Langsung	8.09	15.04	22.69
Perbelanjaan Langsung	-10.72	-13.20	-12.65
Untung/Rugi Kasar	-2.63	1.84	10.04
Margin Untung/Rugi Kasar	-32.51%	12.23%	44.25%

Sumber: Tanjung Manis Integrated Port Sdn. Bhd.

6.4.1.2. Analisis Nisbah Kewangan

Bagi menilai prestasi kewangan syarikat, analisis nisbah semasa, margin untung bersih, nisbah pulangan ke atas aset dan nisbah pulangan ke atas ekuiti telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2011 hingga 2013. Hasil analisis nisbah kewangan menunjukkan prestasi kewangan seperti di **Jadual 6.5**.

Jadual 6.5
Analisis Nisbah Kewangan Bagi Tahun 2011 Hingga 2013

Butiran	Tahun		
	2011	2012	2013
Nisbah Semasa	0.09:1	0.32 :1	0.51:1
Margin Untung Bersih	-75.1%	-32.4%	3.14%
Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	-0.22:1	-0.09:1	0.01:1
Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	-0.88:1	-0.41:1	-0.06:1

Sumber: Tanjung Manis Integrated Port Sdn. Bhd.

a. Nisbah Semasa

Nisbah ini digunakan untuk mengukur tahap kecairan syarikat dan menunjukkan sejauh mana kemampuan syarikat untuk membayar hutang dalam jangka masa pendek. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik kecairan sesebuah syarikat. Analisis Audit mendapati nisbah semasa TMP bagi tahun kewangan 2011 hingga 2013 adalah 0.09:1, 0.32:1 dan 0.51:1. Ini menunjukkan penambahbaikan dalam nisbah semasa. Bagaimanapun, nisbah semasa TMP masih berada di bawah norma 2:1. Sekiranya keadaan ini berterusan, TMP berkemungkinan akan menghadapi masalah kecairan jangka pendek untuk menampung keseluruhan tanggungan semasa terutamanya untuk membayar balik pinjaman syarikat. **Maklum balas daripada TMP bertarikh 23 Mei 2014, menyatakan TMP berusaha untuk menuju kepada keadaan yang lebih baik dengan meningkatkan aset semasa dalam bentuk *cash and cash equivalent*.**

b. Margin Untung Bersih

Nisbah ini menunjukkan keberkesanan aktiviti urus niaga dan keupayaan syarikat dalam menjana keuntungan. Pada umumnya lebih tinggi nisbah kedudukan syarikat adalah lebih baik iaitu syarikat berjaya meningkatkan keuntungan daripada setiap ringgit jualan. Analisis Audit mendapati TMP mencatatkan margin kerugian sejumlah 75 sen dan 32 sen bagi setiap ringgit jualan bagi tempoh tahun 2011 hingga 2012. Syarikat berjaya mencatat margin keuntungan sejumlah 3 sen pada tahun 2013.

c. Nisbah Pulangan Ke Atas Aset

Nisbah ini mengukur pulangan yang diperoleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Pada umumnya lebih tinggi nisbah lebih baik kerana ia menunjukkan syarikat semakin cekap dan produktif dalam meningkatkan keuntungan daripada penggunaan aset. Analisis Audit mendapati nisbah pulangan ke atas aset TMP adalah negatif iaitu -22 sen pada tahun 2011 dan -9 sen pada tahun 2012. Nisbah Pulangan Ke Atas Aset menjadi positif iaitu 1 sen pada tahun 2013.

d. Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti

Nisbah ini mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik kerana ia menggambarkan syarikat lebih berupaya menghasilkan keuntungan yang lebih tinggi. Analisis Audit mendapati nisbah pulangan ke atas ekuiti adalah negatif iaitu -88 sen pada tahun 2011, -41 sen pada tahun 2012 dan -6 sen pada tahun 2013.

- e. **Maklum balas daripada TMP bertarikh 23 Mei 2014, menyatakan TMP masih berada di peringkat awal operasi dan akan sentiasa memantapkan kapasiti dengan menyediakan infrastruktur, membaik pulih dermaga, tenaga manusia yang mencukupi dan jentera pengendalian kargo yang sesuai untuk operasi. Salah satu tindakan yang akan diambil oleh syarikat ialah memastikan polisi kredit penghutang yang sedia ada dilaksanakan dengan lebih ketat termasuk mengenakan penalti terhadap penghutang yang lambat membayar.**

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan TMP menunjukkan peningkatan prestasi kewangannya di mana syarikat sudah mula memperoleh keuntungan pada tahun 2013 berbanding kerugian yang dialami sejak mula beroperasi pada tahun 2009. Namun demikian, langkah lebih tegas perlu diambil untuk memungut tunggakan hutang.

6.4.2. Pengurusan Aktiviti

Tanjung Manis Integrated Port Sdn. Bhd. dilantik sebagai operator pelabuhan bagi pihak Lembaga Pelabuhan Rajang (LPR) dari tahun 2009 hingga 2012 dan operator kepada Lembaga Pelabuhan Tanjung Manis (LPTM) sejak Mei 2013 serta beroperasi sebagai transit keluar dan masuk kapal. Barang import dan eksport yang telah diisyiharkan oleh egen perkапalan di Pelabuhan Rajang dipindah ke TMP menggunakan kapal tempatan atau tongkang untuk diangkut ke destinasi atau negara luar seperti yang ditetapkan dalam borang manifest. Tanjung Manis Integrated Port Sdn. Bhd. juga menyediakan perkhidmatan seperti pengendalian kargo, kontena seperti kapal berlabuh/berlayar, bunkering, pengendalian tongkang tunda, gudang berlesen, pengawasan keselamatan 24 jam dan pemunggahan produk kayu. Tanjung Manis Integrated Port Sdn. Bhd. mengenakan caj perkhidmatan yang disediakan bagi pengedaran barang dan kargo seperti tongkang, tunda dan kren serta sewaan dari penggunaan dermaga. Semakan Audit mendapati pengurusan operasi TMP adalah memuaskan serta mengikut manual dan prosedur kualiti TMP yang ditetapkan serta caj perkhidmatan yang dikenakan adalah teratur mengikut kadar tarif yang telah ditetapkan.

6.4.2.1. Prestasi Kutipan Hasil

- a. Kutipan hasil TMP adalah daripada caj perkhidmatan yang dikenakan kepada pelanggan untuk operasi pengendalian tunda di pelabuhan, pengedaran barang, pengendalian tongkang tunda dan kren. Setakat tahun 2013, TMP telah memperoleh sejumlah RM12.21 juta hasil berbanding RM8.56 juta bagi tahun 2012 iaitu peningkatan hasil operasi sejumlah RM3.65 juta atau 43%. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh pertambahan aktiviti pengendalian kren yang bermula pada tahun 2012 dan juga peningkatan dalam pengendalian aktiviti tunda di pelabuhan sebanyak 50% dalam tahun 2013. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 6.6**.

Jadual 6.6
Prestasi Hasil Aktiviti Operasi Bagi Tahun 2011 Hingga 2013

Jenis Hasil Operasi	Tahun		
	2011 (RM)	2012 (RM)	2013 (RM)
Tunda Di Pelabuhan	290,695	985,788	1,474,940
Pengedaran Barang	1,542,312	2,965,417	3,763,219
Pengendalian Tongkang Tunda	1,571,350	3,695,115	3,799,100
Kren	0	917,265	3,169,238
Jumlah	3,404,357	8,563,585	12,206,497

Sumber: Tanjung Manis Integrated Port Sdn. Bhd.

- b. Sungguhpun kutipan hasil meningkat tetapi adalah didapati penghutang dagangan berjumlah RM1.13 juta, RM2.38 juta dan RM3.65 juta bagi tahun kewangan 2011, 2012 dan 2013. Selain itu, didapati tempoh hutang dagangan melebihi 30 hari adalah sejumlah RM0.57 juta atau 50.7 % pada tahun 2011, RM1.30 juta atau 54.5% pada tahun 2012 dan sejumlah RM2.18 juta atau 59.7% pada tahun 2013. Butiran mengenai analisis terhadap usia penghutang TMP adalah seperti di **Jadual 6.7**.

Jadual 6.7
Analisis Terhadap Usia Penghutang Bagi Tahun 2011 Hingga 2013

Tempoh Hutang Dagangan	Tahun		
	2011 (RM)	2012 (RM)	2013 (RM)
Semasa	557,192	1,084,029	1,469,553
30 Hari	19,006	644,838	728,363
60 Hari	6,244	80,726	119,737
90 Hari	4,929	66,368	140,475
120 Hari	3,388	20,849	206,757
>120 Hari	540,629	486,206	981,949
Jumlah Hutang Dagangan	1,131,388	2,383,016	3,646,834

Sumber: Tanjung Manis Integrated Port Sdn. Bhd.

- c. Semakan Audit terhadap Laporan Audit Dalam PUSAKA bertarikh 13 November 2013 mendapati tunggakan berjumlah RM0.35 juta melibatkan 7 penghutang sejak tahun 2010. Adalah didapati surat peringatan atau penyata akaun tidak dihantar kepada pelanggan sebagai usaha mengutip balik tunggakan hutang tersebut.
- d. Sebagai usaha mengurangkan tunggakan hutang, TMP menetapkan dalam *Quality Management System MS ISO 9001:2008, Work Instruction For Verifying Credit Limit Availability* dan KPI syarikat, supaya semua pelanggan menyerahkan Jaminan Bank dan memperbaharui jaminan apabila tamat tempoh. Bagaimanapun, didapati peraturan ini tidak dipatuhi kerana setakat tahun 2013, hanya 21 daripada 49 agen atau 42.8% telah mengemukakan jaminan bank tersebut.
- e. **Maklum balas daripada TMP bertarikh 23 Mei 2014**, menyatakan mulai Jun 2014 TMP mengenakan surcaj 5% terhadap bayaran lewat, mengeluarkan surat peringatan, menguatkuaskan jaminan bank dan sebagai tindakan terakhir mengambil tindakan undang-undang atau *bar entry* terhadap penghutang berkenaan. Tanjung Manis Integrated Port Sdn. Bhd. menjelaskan kebanyakan

penghutang belum mengemukakan jaminan bank kerana masih terikat dengan LPR dan akan mengemukakan jaminan baru kepada TMP apabila jaminan tersebut tamat.

6.4.2.2. Kos Operasi

- a. Aktiviti operasi utama TMP adalah pengendalian perkhidmatan tundaan tongkang, mengurus kargo serta kontena dan juga menyediakan perkhidmatan pengedaran bekalan untuk air dan minyak. Selain itu, TMP juga menyediakan kemudahan serta perkhidmatan untuk berlabuh, menyedia gudang untuk penyimpanan barang, mengendalikan aktiviti mengurus pengalihan dan pengangkutan barang dari kapal ke kawasan penyimpanan sementara.
- b. Semakan Audit mendapati kos operasi TMP menunjukkan trend yang meningkat setiap tahun. Peningkatan kos tersebut adalah untuk sewaan mesin dan peralatan bagi aktiviti pemunggahan barang. Antara mesin dan peralatan yang disewa adalah seperti di **Jadual 6.8**.

Jadual 6.8

Sewaan Mesin Dan Peralatan Untuk Operasi Pengendalian Kargo Dan Kontena

Jenis Mesin	Kadar Sewa Sebulan (RM)	Tempoh	Jumlah (RM)
<i>Harbour tug 10 tonne (1 unit)</i>	57,000.00	Jan 2011 - Jun 2012	1,026,000
<i>Bot Tunda 25 tan Bollard Pull (2 unit)</i>	141,666.66	Jul 2012 - Jun 2013	1,699,999
<i>Pengendalian Barge (2 set)</i>	183,000.00	Jan 2013 - Okt 2013	1,830,000

Sumber: Tanjung Manis Integrated Port Sdn. Bhd.

- c. Sehingga akhir tahun 2013, kos operasi adalah RM8.02 juta berbanding RM6.05 juta bagi tahun 2012 iaitu peningkatan sejumlah RM1.97 juta atau 33%. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 6.9**.

Jadual 6.9

Kos Operasi TMP Bagi Tahun 2011 Hingga 2013

Jenis Kos Operasi	Tahun		
	2011 (RM)	2012 (RM)	2013 (RM)
Tunda Di Pelabuhan	684,000	1,192,000	1,900,000
Pengedaran Barang	1,159,200	829,800	720,000
Pengendalian Tongkang Tunda	2,196,000	2,196,000	2,246,000
Kren	-	1,830,394	3,157,272
Jumlah	4,039,200	6,048,194	8,023,272

Sumber: Tanjung Manis Integrated Port Sdn. Bhd.

- d. **Maklum balas daripada TMP bertarikh 23 Mei 2014, menyatakan TMP telah mengambil langkah pemasaran yang intensif untuk meningkatkan bilangan persinggahan kapal (*volume ships call*) dan telah dapat mengurangkan kos operasi dengan mengantikan 2 unit Crawler Crane (*conventional*) kepada 2**

unit *Gottwald Mobile Harbour Crane* dengan pengurangan yuran kontrak dari RM1,159,200 ke RM829,800 pada tahun 2012 dan RM720,000 untuk pembayaran *Stevedore*. Manakala perolehan 1 unit *self propelled barge* yang berkapasiti 180 TEUs muatannya dapat memendekkan masa perjalanan penghantaran kargo dari Tanjung Manis ke Sibu dari 12 jam ke 8 jam.

6.4.2.3. Prestasi Pengendalian Kargo/Kontena

- a. Semakan Audit mendapati aktiviti TMP menunjukkan trend pengendalian kargo dan kontena semakin meningkat setiap tahun disebabkan operasi pelabuhan giat berkembang. Setakat tahun 2013, TMP telah mengendalikan 4.87 juta tan metrik kargo iaitu peningkatan sebanyak 1 juta tan metrik atau 25.8% berbanding tahun 2012 manakala 93,203 tan metrik kontena dikendalikan pada tahun 2013 berbanding 96,490 tan metrik pada tahun 2012. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 6.10**.

Jadual 6.10
Aktiviti Operasi TMP Bagi Tahun 2011 Hingga Tahun 2013

Aktiviti	Tahun		
	2011 (MT)	2012 (MT)	2013 (MT)
Kargo	1,162,706	3,871,455	4,869,560
Kontena	60,864	93,203	96,490
Jumlah	1,223,570	3,964,658	4,966,050

Sumber: Tanjung Manis Integrated Port Sdn. Bhd.

- b. Semakan Audit juga mendapati TMP merekodkan peningkatan dalam pengendalian persinggahan kapal (*vessel call*), tongkang tunda, penyimpanan barang, operasi minyak, gas dan kimia (OGC) dan *mid-stream loading*. Selain itu, didapati prestasi operasi mencapai sasaran yang ditetapkan dan menunjuk peningkatan. Kadar pusingan kontena telah dikurangkan dari 12.6 jam kepada 10.3 jam untuk *container mother vessel* dan 8 jam ke 3 jam bagi kapal tempatan. Pengendalian tongkang tunda juga meningkat dari 30 ke 34 pusingan (*moves*) sejam. Jumlah operasi pemunggahan dan penyimpanan juga meningkat dari 915 ke 1764 TEUs (*twenty equivalent units*) manakala pengedaran barang meningkat dari 585 ke 909 TEUs pada tahun 2013. Bagaimanapun, aktiviti pemunggahan dan pengedaran barang masih belum mencapai sasaran yang ditetapkan oleh TMP. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 6.11**.

Jadual 6.11
Prestasi Pencapaian Aktiviti Operasi TMP

Aktiviti	Unit	Sasaran Yang Ditetapkan Oleh TMP	Tahun		
			2011	2012	2013
Kadar Pusingan Kontena (<i>Container Mother Vessel</i>)	Jam	10 jam	12.5	12.6	10.3
Kadar Pusingan Kapal Tempatan	Jam	12 jam	25	8	3
Tongkang Tunda Pemunggahan (<i>Stuffing</i>)	Pusingan TEUS	30 pusingan TEUS	28	30	34
Pengedaran Barang	TEUS	1,500 TEUS	32	585	909

Sumber: Tanjung Manis Integrated Port Sdn. Bhd.

Catatan: TEUS (*Twenty Equivalent Units*) iaitu kontena sepanjang 20 kaki

6.4.2.4. Port Management System (PMS)

Semakan Audit mendapati TMP telah mendapat kelulusan ahli Lembaga melalui Minit Mesyuarat Lembaga TMP bertarikh 29 November 2011 bagi perolehan Port Management System (PMS) dengan kos RM4.70 juta. Sistem ini adalah berdasarkan perkhidmatan penghosan (*hosting services*) daripada Lighthouse Technologies Sdn. Bhd. (LTSB). Sistem ini juga digunakan oleh 4 pelabuhan lain di negeri Sarawak iaitu Lembaga Pelabuhan Kuching, Rajang, Miri dan Bintulu secara *single sourcing* dan merupakan *port specific system* yang mengandungi proses berkaitan operasi pelabuhan berdasarkan keperluan pelabuhan. Langganan perkhidmatan dibuat bagi tempoh 5 tahun iaitu mulai bulan Februari 2012 hingga Julai 2017 dan pembayaran dibuat secara ansuran iaitu pada setiap suku tahun untuk tempoh 5 tahun tersebut. Kos ini termasuk menyedia 35 unit komputer, perisian berlesen, meningkat perkakasan, penambahbaikan secara berterusan, insurans, penyenggaraan 24 jam dan perkhidmatan sandar (*backup services*). Semakan Audit juga mendapati sehingga akhir tahun 2013 sejumlah RM1.09 juta telah dibelanjakan oleh TMP untuk sistem pengkomputeran dan sejumlah RM0.96 juta atau 88.1% daripada jumlah ini adalah untuk kos mobilisasi, lesen dan penyenggaraan sistem.

a. Perjanjian Kontrak

- i. Semakan Audit mendapati dokumen kontrak yang ditandatangani antara TMP dan LTSB pada 29 Mac 2012 menetapkan LTSB bertanggungjawab menyedia dan menyenggara sistem, memberi latihan, cadangan penyediaan program penyenggaraan pencegahan untuk menguji fungsi PMS, latihan pemulihan bencana di tapak 2 kali setahun, mencadang penambahbaikan sistem, membaik pulih sistem akibat kerosakan pada perisian. Semakan Audit juga mendapati perenggan satu dalam kontrak menetapkan '*LTSB has full legal ownership and application rights of PMS and that the use of PMS and any other upgrades or revised versions thereof shall not infringe any intellectual property rights or any other rights of any other party*'. Ini bermakna hak milik sistem adalah kepunyaan pihak vendor sedangkan kos *customisation* ditanggung oleh TMP.

- ii. Perenggan 4 menetapkan kerja penyenggaraan tidak termasuk ‘*data centre operations related to PMS system such as back up and restoration for Disaster Recovery Environment*’. Memandangkan PMS merupakan sistem yang sensitif, kerja penyenggaraan berkenaan sepatutnya diambil kira dalam kontrak.
- iii. **Maklum balas daripada TMP bertarikh 23 Mei 2014, menyatakan PMS berasaskan hosting dan berkonsep Pembekal Khidmat Aplikasi. Tanjung Manis Integrated Port Sdn. Bhd. hanya melanggan perkhidmatan yang disediakan untuk tempoh 5 tahun. Manakala kerja penyenggaraan untuk rancangan pemulihan bencana adalah optional dan boleh dimuat dalam perjanjian tahap perkhidmatan dengan kos tambahan pada tahun depan.**

b. Pelaksanaan Serta Pengurusan Sistem

- i. Semakan Audit mendapati berdasarkan Minit Mesyuarat Lembaga TMP bertarikh 19 Julai 2012, TMP telah membayar sejumlah RM198,850 iaitu merangkumi pembayaran pertama sejumlah RM150,000 pada 2 April 2012 bagi kos pelaksanaan serta mobilasi PMS dan sejumlah RM48,850 untuk bayaran kedua bagi kos pembekalan dan pemasangan rangkaian kabel. Bagaimanapun, sehingga akhir bulan April 2014 didapati sistem ini belum beroperasi sepenuhnya iaitu masih dalam *parallel mode* dan data dikemas kini secara manual. Contohnya, aplikasi terhadap *Fixed Asset Register* dan *Cash Flow Management* belum dilaksanakan manakala aplikasi *Global Port Operating System (GPOS)* bagi Bahagian Operasi yang masih digunakan secara manual iaitu *Vessel Working, Overtime Gang, Hire Of Equipment/Gear, Supply Of Fresh Water, Waiting/Working Gang, Cancellation Gang, Port Staff Overtime, Unschedule Work, General Charges, Open Hatch Period* dan *Kiosk Master*. Sehingga bulan April 2014 semua Ketua pengguna sistem didapati belum menandatangani ruang ‘*Reviewed and Acceptance By*’ kerana sistem belum lagi berfungsi dengan sepenuhnya.
- ii. Semakan Audit mendapati TMP tidak membuat laporan penilaian prestasi kerja LTSB. Ini kerana TMP tidak menyelenggara daftar berkaitan permohonan servis dan tindakan yang telah diambil oleh vendor. Daftar ini sepatutnya merekod maklumat isu yang dikemukakan, tarikh ianya dikemukakan, seksyen atau pegawai yang mengemukakan, tindakan yang telah diambil dan tarikh penyelesaian. Melalui rekod ini TMP boleh memantau masalah, kekerapan perkhidmatan diperlukan dan juga prestasi kerja LTSB. Selain itu, TMP juga tidak menyelenggara rekod *down-time* sistem.
- iii. Semakan Audit seterusnya mendapati LTSB ada menyelenggara daftar permohonan servis oleh TMP dan rekod ini telah dikemukakan kepada TMP melalui e-mel pada 17 April 2014. Semakan Audit terhadap rekod ini mendapati sejumlah 299 isu telah dikemukakan oleh TMP kepada LTSB bagi tempoh bulan

Jun 2012 sehingga akhir tahun 2013 dan didapati LTSB mengambil tempoh antara 1 hingga 314 hari untuk menyelesai isu berkenaan. Terdapat 156 atau 49.2% isu dapat diselesaikan dalam tempoh satu hari manakala 38 atau 12% diselesaikan dalam tempoh 30 hari atau lebih. Maklumat lanjut mengenai isu serta tempoh yang diambil oleh LTSB untuk penyelesaian masalah adalah seperti di **Jadual 6.12**.

Jadual 6.12

Isu Yang Telah Dikemukakan Dan Tempoh Diambil Untuk Penyelesaian

Bil.	Jenis/Kategori Isu	Bilangan Isu	Tempoh Diambil Untuk Penyelesaian (Hari)
1.	<i>Bug/sub-bug</i>	146	1 hingga 153
2.	Penambahbaikan	103	1 hingga 211
3.	Tugas Teknikal	41	1 hingga 314
4.	Dokumentasi	4	49 hingga 55
5.	Siasatan	3	1 hingga 10
6.	<i>Release</i>	2	1
Jumlah		299	

Sumber: Tanjung Manis Integrated Port Sdn. Bhd.

- iv. **Maklum balas daripada TMP bertarikh 23 Mei 2014, menyatakan mulai 1 Jun 2014, LTSB diberi tempoh 3 bulan untuk menyelesaikan semua isu yang tertunda manakala isu yang telah diselesaikan dan modul yang telah siap dan beroperasi sepenuhnya akan ditandatangani oleh pengguna.**
- v. Pihak Audit juga tidak dapat menentukan perkhidmatan yang telah ditetapkan dalam Appendix B, dokumen kontrak tersebut telah dilaksanakan kerana TMP tidak menyelenggara rekod berkaitan. Perkhidmatan yang dimaksudkan adalah seperti di **Jadual 6.13**.

Jadual 6.13

Perkhidmatan Untuk Dilaksanakan Oleh LTSB

Bil.	Perkhidmatan	Kekerapan
1.	Latihan Kesedaran Aplikasi	3 kali setahun
2.	Lawatan LTSB	2 kali setahun
3.	<i>On Site Disaster Recovery Visits</i>	2 kali setahun
4.	Mesyuarat Pengurusan Dengan TMP	2 kali setahun
5.	Laporan Bulanan	Laporan untuk bulan berkenaan dikemukakan pada 5 hb bulan berikutnya
6.	Cadangan Peningkatan IT	1 cadangan

Sumber: Tanjung Manis Integrated Port Sdn. Bhd.

- vi. **Maklum balas daripada TMP bertarikh 23 Mei 2014, menyatakan akan memastikan LTSB memenuhi dan menepati tahap perkhidmatan seperti yang telah ditetapkan dalam dokumen kontrak.**

Pada pendapat Audit, TMP perlu meningkatkan pemantauan dalam pelaksanaan PMS dan memastikan segala *deliverables* dan syarat kontrak dipenuhi bagi menjaga kepentingan TMP. Pihak Audit juga bependapat kerja penyenggaraan untuk rancangan

pemulihan bencana perlu diambil kira dalam kontrak bagi memastikan tiada gangguan perkhidmatan sekiranya berlaku sesuatu bencana.

6.4.3. Tadbir Urus Korporat

Sesebuah organisasi perlu mempunyai tadbir urus korporat yang baik dalam usaha mencapai matlamat dan visi serta meningkatkan integriti syarikat. Tadbir urus korporat penting bagi membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektif, membolehkan operasi syarikat diurus dengan sempurna, telus, bertanggungjawab serta mengukuhkan imej syarikat dan mewujudkan budaya kerja yang sihat. Sebagai sebuah syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh PUSAKA, TMP tertakluk kepada Akta Syarikat 1965, peraturan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dan pekeliling berkaitan pengurusan syarikat Kerajaan serta polisi dan peraturan dalaman syarikat.

6.4.3.1. Struktur Organisasi Dan Pelan Peralihan

Strategi organisasi serta pengurusan sumber manusia perlu ada bagi membolehkan fungsi utama dan fungsi sokongan syarikat dapat dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan berterusan. Struktur organisasi yang jelas diwujudkan untuk menunjukkan tanggungjawab terhadap pengurusan aktiviti syarikat. Semakan Audit mendapati pihak pengurusan TMP telah berbincang dalam Mesyuarat Pengurusan Bil. 1 tahun 2014 bertarikh 3 April 2014 mengenai pelan peralihan tetapi tiada dokumentasi dibuat mengenainya. **Maklum balas daripada TMP bertarikh 23 Mei 2014, menyatakan TMP sedang berusaha untuk mendokumenkan Pelan Peralihan dan disasarkan akan siap pada penghujung tahun 2014.**

6.4.3.2. Mesyuarat Lembaga Pengarah

Mengikut amalan terbaik seperti yang dinyatakan pada Buku Hijau Program Transformasi GLC, ahli Lembaga Pengarah digalakkan bermesyuarat sekurang-kurangnya 4 kali setahun bagi menilai prestasi dan arah tuju syarikat. Semakan Audit mendapati kekerapan Mesyuarat ahli Lembaga Pengarah TMP adalah rendah di mana mesyuarat hanya diadakan sebanyak 2 kali masing-masing bagi tahun 2011, 2012 dan 3 kali pada tahun 2013. Semakan Audit juga mendapati Pengerusi Lembaga Pengarah TMP adalah Pengurus Besar PUSAKA dan juga Pengerusi bagi 10 lagi syarikat subsidiari PUSAKA. Semakan Audit juga mendapati ahli Lembaga Pengarah TMP tidak mempunyai *Terms Of Reference* (TOR) yang jelas berkenaan fungsi dan peranan ahli Lembaga Pengarah mengikut amalan terbaik. **Maklum balas daripada TMP bertarikh 23 Mei 2014, menyatakan deraf TOR telah disediakan dan dibentang dalam mesyuarat Lembaga pada akhir bulan Jun 2014 dan mesyuarat akan dilakukan lebih kerap bila perlu dan jadual kekerapan mesyuarat akan disediakan.**

6.4.3.3. Perancangan Strategik

Mengikut amalan terbaik seperti yang dinyatakan pada Buku Biru Program Transformasi GLC, syarikat hendaklah menyediakan rancangan korporat berserta matlamat dan petunjuk prestasi yang jelas bagi tempoh jangka pendek dan jangka panjang. Tujuan perancangan strategik adalah untuk memastikan segala perancangan yang dibuat memenuhi kehendak *stakeholders* dan pelanggan dalam jangka masa yang ditetapkan dengan mengambil kira aspek kewangan. Perancangan strategik menetapkan fokus, objektif dan strategi pelaksanaan terhadap aktiviti syarikat manakala petunjuk prestasi perlu disediakan bukan sahaja untuk menjadi pengukur prestasi syarikat tetapi juga memberi hala tuju syarikat. Semakan Audit mendapati TMP ada menyediakan perancangan strategik syarikat bagi tahun 2013 hingga tahun 2015 pada tahun 2012.

6.4.3.4. Standard Operating Procedures (SOP)

Tanjung Manis Integrated Port Sdn. Bhd. ada menyediakan *Standard Operating Procedures* (SOP) untuk dijadikan panduan semasa mengurus dan mengawal urusan aktiviti termasuk SOP untuk Bahagian Kewangan yang berhubung kawalan pendapatan, perbelanjaan, kadar susut nilai untuk aset bukan semasa dan tuntutan pegawai. Bagaimanapun, polisi dan prosedur juga belum mendapat kelulusan daripada Lembaga Pengarah. Begitu juga semakan Audit mendapati polisi dan prosedur khusus untuk TMP terhadap kawalan pelaburan, pinjaman dan aset belum disediakan. **Maklum balas daripada TMP bertarikh 23 Mei 2014, menyatakan polisi dan prosedur sedang didokumentasikan dan akan dibentangkan untuk mendapat kelulusan pada mesyuarat Lembaga Pengarah yang akan diadakan pada bulan Jun 2014.**

Pengurusan TMP juga menerima pakai SOP yang disediakan oleh PUSAKA dengan tambahan bergantung kepada keperluan syarikat.

6.4.3.5. Jawatankuasa Audit Dan Unit Audit Dalam

- a. Selaras dengan amalan terbaik yang dinyatakan dalam Buku Hijau Program Transformasi GLC, syarikat hendaklah menubuhskan Jawatankuasa Audit (JA) bagi memastikan pematuhan terhadap kawalan dalaman pengurusan kewangan dan aktiviti syarikat. Unit Audit Dalam (UAD) berperanan merancang dan melaksana pengauditan serta menyediakan laporan kepada JA bagi memastikan sama ada wujudnya kawalan dalaman yang berkesan dalam pengurusan sesebuah organisasi. Semakan Audit mendapati TMP menggunakan perkhidmatan UAD PUSAKA untuk menjalankan pengauditan pada tahun 2013. Antara isu yang dibangkitkan adalah mengenai kelemahan kawalan dalaman seperti kelewatan memasukkan wang tunai/cek ke dalam bank antara 4-5 hari, resit lewat dikeluarkan antara 2 hingga 27 hari, resit tidak dikeluarkan, penyesuaian bank tidak dibuat dengan kemas kini dan 47.9% daripada penghutang tidak menjelaskan hutang bagi tempoh melebihi 30 hari.

- b. Semakan Audit mendapati pengauditan terhadap syarikat subsidiari PUSAKA dijalankan oleh Unit Audit Dalam PUSAKA dan laporan hasil pengauditan tersebut juga dikemukakan kepada PUSAKA. **Maklum balas daripada TMP bertarikh 23 Mei 2014, menyatakan PUSAKA perlu mempunyai kawalan dari segi arah tuju serta tadbir urus anak syarikat milik penuhnya kerana prestasi kewangan syarikat menyumbang secara langsung kepada prestasi kumpulan prestasi Akaun Kumpulan PUSAKA.**

6.4.3.6. Corporate Integrity Pact

Pelaksanaan *Integrity Pact* dalam perolehan Kerajaan merupakan salah satu inisiatif di bawah *National Key Result Area – Corporate Integrity Pact* merupakan satu konsep yang diperkenalkan oleh *Transparency International* bagi membantu Kerajaan, Institusi Perniagaan dan Masyarakat Umum dalam usaha membendung rasuah dalam perolehan Kerajaan. Semakan Audit mendapati TMP belum melaksanakan *Corporate Integrity Pact*.

6.4.3.7. Edaran Resolusi (*Circular Resolution*)

Semakan Audit mendapati daripada 19 resolusi telah dikeluarkan bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013, 17 adalah melalui edaran resolusi manakala 6 resolusi yang dikeluarkan tidak diberi nombor turutan, bilangan dan tarikh. Pihak Audit juga mendapati bahawa keputusan melalui edaran resolusi melibatkan perkara berkaitan kewangan dan perolehan seperti di **Jadual 6.14**.

Jadual 6.14

Keputusan Yang Dibuat Melalui Edaran Resolusi Bagi Tahun 2011 Hingga 2013

Tahun	Senarai Keputusan Yang Dibuat Melalui Resolusi
2012	• Melulus kenaikan sumbangan EPF bagi majikan kepada 13%
	• Melulus kemudahan CIMB Islamic Bank berjumlah RM20.50 juta serta <i>authorised signatories</i>
	• Melulus cadangan kadar sewaan baru yang dikenakan oleh Tanjung Manis Shipping Sdn. Bhd. bagi tempoh 1.4.2012 hingga 30.3.2019 kepada TMP untuk membekal, operasi, mentauliah dan menyenggara <i>Port Handling Equipments</i>
	• Melulus cadangan tender terbuka bagi perolehan Johan Shipping Depo di Sibu bernilai RM20 juta
	• Melulus penilaian tender bagi cadangan pembinaan pondok pegawai keselamatan serta ruang pakir kereta di Inland Depo TMP Sibu bernilai RM96,793
	• Melulus sebut harga/penilaian tender bagi pembekalan, operasi dan penyenggaraan 2 unit 24 ton <i>Linde Reach Stacker</i> bernilai RM98,000 kepada TMP bagi tempoh kontrak 3 tahun dengan pilihan pembaharuan kontrak untuk 2 tahun
	• Melulus penilaian tender bagi pembekalan 1 unit 60 ton <i>portable weighbridge</i> bernilai RM93,381 kepada Cardinal Weighbridge Marketing Sdn. Bhd. bagi <i>Inland Depo</i> TMP di Sibu
	• Melulus penilaian tender bagi pembekalan, pemasangan, pengujian, pentaulihan dan penyenggaraan bagi 30 dari 34 AMP <i>Reefer point socket</i> di <i>Inland Depo</i> Sibu bernilai RM189,000 kepada E-Bezt Trading Co., Sibu
	• Melulus cadangan 2 daripada 4 ahli Lembaga Pengarah untuk menandatangani dokumen bagi pihak TMP berkaitan akaun di CIMB
	• Melulus pelantikan Tetuan Idris Ibrahim & Co. sebagai Juruaudit Luar dan Perunding Cukai TMP bagi tahun 2013

Sumber: Tanjung Manis Integrated Port Sdn. Bhd.

6.4.3.8. Perolehan Tidak Mematuhi Prosedur Kewangan

Semakan Audit mendapati TMP telah membuat perolehan melalui kontrak dengan Cardinal Weighing Marketing Sdn. Bhd. (CWM) untuk membekal, menghantar, memasang, menguji dan menyiap sedia satu unit 60 tan *portable design weighbridge* bernilai RM127,581 ke Inland Depot, Sibu. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

- a. Surat setuju terima untuk perolehan telah dikeluarkan oleh TMP kepada CWM pada 6 Disember 2012. Bagaimanapun, didapati sehingga 17 April 2014 tiada dokumen kontrak disediakan atau sebarang perjanjian ditandatangani mengenai perolehan ini.
- b. Pihak CWM memohon untuk pembayaran 30% sebagai pendahuluan, 40% apabila *Bill of Lading* dikeluarkan dan baki 30% apabila pemasangan disiapkan. Sejumlah RM89,307 atau 70% telah dibayar oleh TMP kepada pembekal iaitu RM28,014 dibuat pada 15 April 2013 dan RM61,292 pada 2 Oktober 2013 manakala peralatan tersebut hanya diterima oleh TMP pada 11 November 2013.
- c. Sehingga lawatan Audit pada 17 April 2014, didapati *weighbridge* tersebut belum dipasang. Ini kerana *weighbridge* tidak akan diguna di Inland Depot tetapi akan dipasangkan di pejabat baru di Tanjung Manis. Pejabat ini dijangka siap pada bulan Mac 2015. Keadaan *weighbridge* yang belum diguna pakai adalah seperti di **Gambar 6.1** dan **Gambar 6.2**.

Gambar 6.1
Komponen Weighbridge
Yang Belum Dipasang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pejabat, TMP
Tarikh: 17 April 2014

Gambar 6.2
Pejabat Penempatan
Weighbridge Belum Siap



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kawasan Pejabat Baru, TMP
Tarikh: 17 April 2014

Pada pendapat Audit, urus tadbir korporat TMP perlu dipertingkatkan dan keputusan yang melibatkan perolehan dan kewangan yang utama melalui edaran resolusi serta juga pematuhan terhadap kaedah perolehan perlu diberi perhatian dan tindakan lanjut perlu diambil terhadap ketidakpatuhan prosedur kewangan.

6.5. SYOR AUDIT

Sebagai langkah penambahbaikan dan memantapkan lagi operasi serta prestasi syarikat selaras dengan objektif penubuhannya, pengurusan Tanjung Manis Integrated Port Sdn. Bhd. (TMP) adalah disyorkan mengambil tindakan seperti berikut:

6.5.1. Mempertingkatkan pemantauan dalam pelaksanaan PMS dan memastikan segala *deliverables* dan syarat kontrak dipenuhi bagi menjaga kepentingan TMP. Kerja penyenggaraan untuk rancangan pemulihan bencana perlu diambil kira dalam kontrak bagi memastikan tiada gangguan perkhidmatan sekiranya berlaku sesuatu bencana.

6.5.2. Mempertingkatkan urus tadbir korporat dan pengurusan kewangan dengan memastikan keputusan utama yang melibatkan dasar dan kewangan diberi perhatian serta tindakan lanjut terhadap ketidakpatuhan prosedur kewangan perlu diambil tindakan sewajarnya.

6.5.3. Manual Polisi serta Prosedur Pengurusan Kewangan dan peraturan berkaitan pentadbiran dan pengurusan kewangan perlu disediakan serta mengambil tindakan lebih tegas untuk memunggut tunggakan hutang.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah mekanisme pemantauan yang kurang berkesan dalam memastikan undang-undang dan peraturan dikuatkuasakan. Kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjelaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjelaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Kementerian/Jabatan/Agenzi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di dalam program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat yang mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

Jabatan Audit Negara

Putrajaya

19 September 2014



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA

No. 15, Aras 1-5
Persiaran Perdana, Presint 2
62518 Wilayah Persekutuan Putrajaya

www.audit.gov.my